Penerbit: Institut Analisa Social (INSAN)
Pencetak: Loyal Press Sdn. Bhd.

WAWANCARA: PRAMOEDYA

49

# NADI insan

MEI 1983
KDN 028/83
ISSN 0126-9369
$2.00

## PEKERJA DITINDAS

- Krisis Dadah
- Perbadanan Jepun — Model Dan Mitos
- Kebangkitan Islam: Kesan Terhadap Orang Bukan Islam
- Siri Ekonomi STPM
- Mossad : Pendedahan CIA
- Film Reviews : Tootsie, Missing





Gambar: Dennis Lau

# NADI insan

Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau sidang Redaksi majalah ini.

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)
Peti Surat 26, Kajang, Selangor.
Redaksi : Dr. Mohd. Nasir, Mohd. Daud, Rohana, Dr. Jomo.
Pelukis : Jaseni, Lim.
Pencetak : Loyal Press Sdn. Bhd., 16 Jln. Tun Perak, Kuala Lumpur.

BILANGAN 49 MEI 1983



| | | |
|---|---|---|
| wawancara | 3 | Pramoedya Ananta Toer |
| nasional | 4 | Krisis Dadah |
| | 9 | Citibank Mendedahkan Belang |
| | 11 | Kesan Kebangkitan Islam Terhadap Orang Bukan Islam |
| buruh | 15 | Kesatuan Dalamam: Alasan Bagi Dasar Anti-Buruh |
| | 19 | Hapuskan Diskriminasi Terhadap Pekerja Wanita |
| | 21 | Pekerja Indonesia Menentang Penindasan |
| antarabangsa | 31 | PLO Terus Memimpin |
| | 34 | Perkhidmatan Perisik Israel: Pendedahan CIA |
| asean | 39 | Keseragaman Di Bidang Tentera |
| ekonomi | 41 | Perbadanan Jepun: Model Dan Metos |
| siri | 45 | Siri Ekonomi STPM |
| tokoh | 51 | Macli-ing: Kepimpinan Melalui Tauladan |
| sejarah | 54 | Rentap |
| pojok | 55 | Sejuk-Sejuk Panas |
| sajak | 58 | Pengertian |
| seni | 59 | The Solitude Of Latin America |
| filem | 61 | Missing |




**Kaum buruh seluruh dunia terus mengalami penindasan. Nadi Insan kini membincangkan kedudukan kaum buruh di Malaysia dan beberapa negara Asia.**




**Citibank tidak mahu mengikut Dasar Ekonomi Baru. Apakah sebab dan implikasinya?**



**Pramoedya Ananta Toer, novelis Indonesia yang terkemuka membincangkan beberapa soalan mengenai sastera dalam wawancara khasnya dengan Nadi Insan.**



**Rentap pahlawan Iban telah dianggap sebagai lanun oleh British. Adakah anggapan ini benar?**


## BORANG LANGGANAN
## NADI insan

Nama: ..............................................................................

Alamat: ..............................................................................

..............................................................................

| | Setahun | 6 bulan |
|---|---|---|
| Perpustakaan/ Perseorangan | $24 | $12 |
| Penuntut/Pekerja | $20 | $11 |

Sila pulangkan borang ini serta bayaran kepada:
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

**Harga Langganan**
(setahun)

| | Biasa | Udara |
|---|---|---|
| Asia Tenggara | M$30 | M$40 |
| Australia, Asia Timur | M$30 | M$44 |
| Eropah, Timur Tengah | M$30 (£9) | M$50 (£15) |
| Amerika, Afrika | M$30 (US$13) | M$60 (US$26) |

# Pena Penyunting



Sebagaimana yang saudara lihat, Bulan ini *Nadi Insan* terbit dalam bentuk yang berbeza daripada bentuknya pada bulan lalu. Sebenarnya 'bentuk baru' ini adalah bentuk lama, kerana majalah ini telah pernah kami terbitkan dalam bentuk ini sebelum kami mencoba bentuk tabloid beberapa bulan yang lalu. Perubahan wajah dan bentuk ini hanyalah sekadar sebagian daripada perubahan yang terus menerus kami lakukan kepada majalah ini dalam usaha kami terus menerus bereksperimen untuk menjadikan majalah ini majalah yang dapat memuaskan tuntutan para pembacanya.

Dengan keluaran kali ini juga, *Nadi Insan* telah memasuki tahun kelima penerbitannya. Empat tahun yang lalu majalah ini kami lancarkan dengan tujuan yang jelas, tetapi dengan hati yang berdebar-debar. Pada waktu itu samasekali tidak ada sebarang cara bagi kami untuk mempastikan bagaimanakah nanti sambutan para pembaca terhadap usaha kami. Ternyata bahawa sambutan dari para pembaca cukup menggalakkan sehingga dapatlah kami terus bernapas selama empat tahun yang lalu.

Namun demikian, harus kami akui bahawa empat tahun yang telah dilalui oleh majalah ini merupakan empat tahun yang penuh peristiwa dan penuh halangan dan ancaman. Halangan-halangan yang kami maksudkan ini tidaklah terbatas semata-mata kepada masalah-masalah biasa dalam menerbitkan dan menedit sebuah majalah bulanan seperti ini. Keluaran majalah ini bagi bulan Desember 1983 telah diharamkan oleh pihak pemerintah. Selain itu, setelah keluaran bulan Februari 1983, kami telah diminta oleh pihak berkuasa untuk mengemukakan sebab mengapa izin penerbitan (KDN) kami 'tidak patut dibatalkan'.

Perubahan-perubahan yang saudara lihat dalam keluaran ini merupakan kesan daripada usaha kami yang terus menerus untuk mengatasi cabaran-cabaran seperti itu dan juga untuk memperbaiki mutu majalah ini. Akan tetapi, di sebalik segala perubahan dan percobaan ini, kami tidak akan berganjak dari prinsip asas kami sebagai majalah yang memperkatakan persoalan masyarakat kita dan dunia dengan jujur dan berani. Kami akan terus menerbitkan makalah-makalah dan berita-berita mengenai hak asasi manusia dan keadilan sosial. Selain itu, soal-soal tentang perpaduan dan kedaulatan kebangsaan serta masalah penindasan akan terus kami dedahkan dan kami perbincangkan.

Sesuai dengan 'Hari Pekerja' yang dirayakan dalam bulan ini, maka tumpuan utama keluaran ini adalah persoalan golongan pekerja. Di samping itu, mulai bulan ini kami akan menerbitkan satu siri rencana-rencana mengenai ekonomi yang kami harapkan berguna untuk mempertajam pemahaman pembaca umum tentang bidang tersebut. Lebih-lebih lagi, kami harapkan siri ini akan ada manfaatnya bagi para pelajar yang mengambil matapelajaran tersebut dalam peperiksaan STPM. Lebih banyak perhatian juga akan ditumpukan kepada soal-soal kebudayaan, termasuk seni. Oleh yang demikian, kami akan berusaha untuk menerbitkan cerpen-cerpen serta puisi yang bermutu, selain daripada makalah-makalah mengenai sastera, drama, filem dan sebagainya.

Akhir sekali, unsur yang terpenting dalam segala usaha kami ini adalah saudara sendiri — yakni para pembaca. Oleh yang demikian kami senantiasa mengharapkan teguran dan cadangan dari saudara dalam usaha kami untuk terus menerus mempertingkatkan mutu penerbitan dan persembahan majalah ini. Selain itu, jika saudara merasa bahawa saudara dapat menyumbang secara lebih positif terhadap majalah ini dengan menyumbangkan rencana dan sebagainya maka kami tentu saja akan menyambutnya dengan tangan terbuka. Dengan sokongan saudara kami telah mengatasi onak dan ranjau selama empat tahun. Dengan bantuan saudara juga, kami yakin kami akan dapat mengatasi sebarang halangan untuk beberapa lama lagi. Insya Allah. ●



# PRAMOEDYA ANANTA TOER MENGULAS

N.I. Kebanyakan pembaca buku Pak Pram merasa hairan kenapa buku ini diharamkan di Indonesia. Pada pendapat Pak Pram, apakah sebab-sebab di sebalik pengharaman penerbitan buku ini?

P.A.T. Ya, larangan itu jauh lebih mudah dari menulisnya. Menulis itu pada khususnya mengerahkan pengalaman hidup yang berlarutan, melibatkan sifat-sifat manusia yang melukiskan suka-dukanya, harapannya, cita-citanya, kepahitannya dan seterusnya.

N.I. Persiapan yang Bapak lakukan untuk mengarang *Bumi Manusia* dan jilid-jilid seterusnya memakan masa yang agak lama. Boleh Bapak jelaskan mengapakah ianya memakan masa yang begitu panjang.

P.A.T. Sebelum tahun 1965, saya mula menterjemah dan mengarang (berasaskan) kitab-kitab (buku) dan koran-koran (akhbar) tua, yang dibantu oleh mahasiswa-mahasiswa saya. Kemudian, saya dimasukan dalam tahanan. Segala hasil dari penyelidikan dan tulisan buku-buku tua hanya tinggal ingatan, yang tidak begitu meyakinkan kebenarannya.

Setelah saya kembali ke Jawa dan tidak mempunyai apa-apa pekerjaan, ternyata sekali saya tidak mampu menyusun kembali material-material yang telah hancur, bahkan sumber utama, iaitu koran *Medan Priyai* dimiliki oleh Perpustakaan Pusat Nasional, yang ada pada saya waktu itu, sama sekali lenyap. Sekarang koran-koran tersebut tiada wujud di Indonesia; hanya di Perancis sahaja masih ada beberapa lembaran dari *Medan Priyai*. Untuk mendapatkan kembali material itu dengan sempurna, sangat sulit sekali, terutama menyusun semula dan menyesuaikan isi cerita tanpa menjejas atau menyeleweng kandungan cerita. Kesulitan harus dihadapi. Walau ada yang berjanji akan meminjamkan material yang ada, tetapi hingga sekarang masih tidak dilaksanakan.

N.I. Bolehkah dikatakan bahawa buku-buku itu disiapkan berdasarkan ingatan Bapak?

P.A.T. Memang benar, dan ingatan juga kadang-kadang meragukan kebenaran.

N.I. Apakah tujuan asal penulisan empat buku itu?

P.A.T. Sebagai pengarang yang berperangsang, bagi permulaannya, maksud menulis ialah untuk memberikan satu faedah kepada bangsa dan dunia.

Kedua, mengkayakan pembacaan untuk menambah pengetahuan tentang kebenaran dan mengemukakan masalah kehidupan. Keinginan setiap pengarang biasanya meletakkan setiap kesalahan untuk kebenaran walaupun hanya melalui sastera.

N.I. Adakah buku-buku ini merupakan sastera yang berdasarkan sejarah?

P.A.T. Menurut anggapan saya, memang begitu. Jika mengikut pandangan dari ahli-ahli sejarah, mungkin tidak.

N.I. Mengapakah riwayat hidup Minke dipilih untuk diceritakan oleh Pak Pram?

P.A.T. Ya, itu terletak mengiktu kebebasan seseorang penulis atau pengarang untuk menulis mengenai sesiapa saja. Ini adalah kebebasan pengarang satu-satunya.

### Perbahasan Kini Di Bawah Tempurung Langit Kota

N.I. Perbahasan mengenai sastera di Indonesia sekarang yang bercabang, iaitu aliran seni untuk seni dan lainnya yang menyatakan bahawa sastera itu harus terlibat dalam masyarakat; nyata sekali Bapak telah mewakili kecenderungan yang kedua itu. Apakah komen Bapak mengenai perbahasan yang sedang berlangsung di Indonesia sekarang.

P.A.T. Menurut saya, persoalan begitu adalah di bawah tempurung langit kota; masih banyak masalah yang harus diberi pandangan dalam kehidupan bangsa, terutama bangsa yang baru muncul dan jauh ketinggalan dari bangsa-bangsa yang maju dari segala sektor.

Persoalan perbicaraan yang dibincangkan di Jakarta, saya kira, ianya hanyalah satu perbicaraan yang menentukan apakah ini seni untuk seni yang dihasilkan oleh pengarang untuk dijadikan ukuran. Kerana itu, dianggap suatu kemewahan untuk mempersoalkan lanjutan tajuk ceritanya yang menceritakan kisah di bawah tempurung langit kota.

N.I. Mengapa Bapak menggunakan istilah "di bawah tempurung langit kota"? Apakah penulis lain bebas dari tempurung itu?

P.A.T. Saya berharap penulis-penulis sekitar tidak semata-mata memegang kepada penderitaan sendiri. Tetapi melihat dan mengkaji setiap insan di sekitar mereka dan bukan setakat meniru, tetapi untuk meluaskan cakrawala mereka.

*Sambung di m.s. 57*

# KRISIS DADAH

Wan Ahmad

Hampir setengah juta rakyat Malaysia kini terlibatkan dengan penyalah-gunaan dadah. Beribu-ribu dari mereka telah dimasukkan kedalam penjara dan beratus ratus pula didakwa di negara-negara asing kerana mengedar dadah. Masalah dadah kini telah dianggap musuh utama negara ini.

Sedasawarsa yang lalu, orang ramai tidak pernah melihat publisiti yang sebegitu meluas mengenai isu ini. Memang tidak diragukan bahawa propaganda yang dijalankan sekarang mempunyai kesannya terhadap orang ramai. Setiap orang mula menyedari kesungguhan masalah tersebut. Pihak berkuasa telah mengetatkan pelaksanaan undang-undang supaya susunan peraturan sosial yang ujud sekarang dapat dikekalkan. Orang ramai pula telah mengambil langkah untuk mempastikan yang tidak seorang pun dari anggota keluarga mereka yang menjadi penagih dadah.

### Darjah Penagihan Dadah

Terdapat dua peringkat dalam sejarah penyalah-gunaan atau penagihan dadah. Peringkat pertama adalah terbatas kepada kumpulan kecil individu-individu tua dan pertengahan umur, dimana penglibatan mereka dengan dadah adalah untuk meredakan kesakitan. Setengah dari mereka terpaksa bergantung kepada dadah tertentu akibat menjalani rawatan perubatan. Ada juga mangsa di peringkat ini yang melibatkan diri dengan dadah kerana hanya ingin mendapat keseronokan. Tetapi kebanyakan orang yang dikelaskan kedalam katagori ini adalah mereka yang telah melebihi umur 45 tahun. Sejumlah besar dari mereka mengambil dadah kerana kehendak-kehendak pekerjaan. Nelayan, umpamanya, yang terdedah kepada kesejukan, mengambil candu sebagai penahan sakit.

Apa yang dianggap sebagai masalah semasa ialah penagihan dadah diperingkat kedua penagihan dadah. Percubaan mengguna dadah-dadah tradisional dan dadah baru telah sampai ke peringkat epedemik. Mangsa diperingkat kedua ini selalunya terbatas kepada orang-orang yang berumur di bawah 35 tahun. Amalan buruk ini merebak dengan pesat melalui pergaulan dengan kumpulan dan anasir-anasir tertentu. Dadah yang digunakan oleh mangsa-mangsa ini bertukar dari masa kesemasa bergantung kepada bekalan dari sendiket-sendiket pembekal dadah itu. Oleh kerana penagihan dadah merupakan kegiatan yang salah di sisi undang-undang maka angka tepat mengenai jumlah penagih-penagih dadah hari ini, dan jumlah sebenar dadah yang digunakan tidak mungkin kita ketahui. Oleh itu perangkawan-perangkawan terpaksa bergantung kepada penunjuk-penunjuk seperti jumlah orang-orang yang dihukum kerana pengelibatan dengan dadah, jumlah orang yang menjalani rawatan di pusat-pusat pemulihan dadah dan jumlah dadah yang dirampas untuk menganggarkan bagai mana seriusnya masalah dadah ini.

Menurut satu lapuran surat khabar pada tahun 1978, terdapat kira-kira 38,000 orang penagih dadah di negeri ini. Menurut cacatan polis pula, jumlah penagih dadah yang didaftarkan sehingga tahun 1980 ialah lebih kurang 80 ribu orang. Pusat Penyelidikan Penyalahgunaan Dadah Kebangsaan (PPPDK) yang berpusat di Universiti Sains Malaysia, mendapati sehingga akhir tahun 1978 lebih kurang 50 ribu orang telah dikesan sebagai penagih dadah. Akan tetapi, jumlah penyalah-gunaan dadah di negara ini kini dianggarkan berjumlah 400,000 orang, dan kes-kes yang dapat dikesan hanya merupakan 20% sahaja daripada jumlah tersebut.

Satu tinjauan yang dijalankan oleh PPPDK dalam tahun 1979 mendapati 12% daripada kes-kes yang dikesannya adalah mereka yang dalam lingkungan umur antara 15-19 tahun, 18% berumur antara 20-24 tahun. Tinjauan itu juga mendapati lebih kurang 80% penagih dadah berada dalam lingkung umur 19-30 tahun. Dari data-data ini bolehlah dibuat kesimpulan bahawa golongan belia di negeri ini terus terpengaruh dalam penyalahgunaan dadah. Pendapat ini disokong dengan bukti bahawa hampir 85% daripada mereka telah mula menagih dadah sebelum mencapai umur 24 tahun.

Sifat-sifat penagih dadah yang hampir serupa telah juga ditemui oleh satu tinjauan yang dijalankan secara berasingan keatas penagih dadah yang datang secara sukarela mendapat rawatan di Hospital Besar Pulau Pinang. Kumpulan terbesar dari mereka ini berumur di antara 21-25 tahun. Di antara tahun 1972 dan 1974, mereka dalam kumpulan umur ini merupakan 37% dari jumlah kesemua penagih dadah yang telah diliputi oleh tinjauan tersebut. Tetapi, pada tahun 1975, kumpulan umur ini telah meningkat kepada 40%. Kajian yang dijalankan pada tahun 1975 juga menunjukkan bahawa mereka yang berumur 16-20 tahun merupakan golongan terbesar yang ketiga. Kajian yang sama mendapat hampir 50% dari penagih mula mengambil dadah sebelum mereka mencapai umur 20 tahun.

### Siapakah Yang Terlibat?

Satu tinjauan keatas penagih-penagih dadah di penjara-penjara dan hospital mendapati kira-kira 20% terdiri dari golongan penganggur. Walaupun dari segi pendapatan tidak semua penagih-penagih itu atau keluarga-keluarga mereka boleh dikelaskan sebagai golongan miskin, tetapi kebanyakan dari mereka bolehlah dikatakan berada dalam golongan orang tidak berada. Kira-kira 70% dari mereka terdiri dari golongan pekerja (iaitu bruuh-buruh kasar, pekerja-pekerja mahir dan pekerja-pekerja kedai). Kurang dari 15% dari mereka mempunyai pelajaran di peringkat sekolah menengah rendah. Sama ada hasil kajian ini benar-benar mencerminkan keadaan latar belakan kesemua penagih dadah di negeri ini masih boleh dipertikaikan. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada berita-berita yang tersiar di akhbar-akhbar mengenai penagih-penagih dadah yang didakwa di mahkamah, kita boleh membuat kesimpulan bahawa hasil kajian itu dapat dijadikan panduan yang berguna.

Latarbelakang sosial pengguna-pengguna dadah di kalangan pelajar-pelajar adalah agak berlainan. Ramai dari mereka adalah terdiri dari anak-anak guru (aiaitu 22%). Nampaknya, taburan penagih dadah di kalangan penuntut-penuntut sekolah mengikut latar-belakang sosial keluarga mereka menunjukkan satu corak yang merata, iaitu mereka datang dari berbagai kelas sosial di negara ini. Walaupun begitu, seperti dalam tinjauan lain, kebanyakan dari mereka adalah dari kelas sosial yang tidak "Prestigious".

### Apa Yang Salah

Kehebohan tentang dadah ini adalah yang terbesar pernah berlaku tentang sesuatu perkara sejak zaman propaganda perang dingin selepas Perang Dunia Kedua dahulu. Akibatnya, orang ramai menjadi semakin cemas dengan masalah ini. Memanglah tidak diragukan lagi bahawa kewaspadaan orang ramai terhadap masalah dadah, yang banyak di pengarohi oleh alat-alat media rasmi, adalah satu reaksi yang berasaskan kepada kenyatan sebenarnya. Namun begitu, masih tidak terdapat banyak perbincangan dan perdebatan umum mengenai masalah ini. Keadaan ini adalah amat mendukacitakan kerana banyak persoalan mengenainya masih belum berjawab.

Apakah salahnya dengan mengambil dadah? Walaupun alasan yang diutarakan oleh pakar perubatan tentang keburukan dadah dapat diterima, bagaimanakah kita harus memahami akan sebab-sebab orang mengambil dadah? Adakah pengambilan dadah merupakan satu jalan keluar bagi setengah orang yang "sakit" dalam masyarakat, atau adakah ianya satu reaksi orang yang normal kepada masyarakat yang sakit?

Sebelum kita dapat mensifatkan isu dadah ini sebagai satu masalah, kita juga haruslah mempastikan terlebih dahulu sama ada anggapan umum mengenai isu ini benar atau tidak. Sebagai contoh, pandangan dangkal yang menganggap dadah sebagai merbahaya kerana ianya diharamkan oleh kerajaan, dan ianya diharamkan kerana ia merbahaya, haruslah dicabar.



Secara umumnya, terdapat enam sebab-sebab utama kenapa masyarakat memerangi dadah, iaitu:

a. dari segi kesihatan, dadah adalah merbahaya kepada pengguna-penggunanya; pengambilan dadah yang berlebihan boleh membawa maut.
b. secara psikologi, ia merosakkan diri seseorang pengguna kerana pengantungan kepada dadah menjadikan diri seseorang itu seperti hamba;
c. dari segi ekonomi negara pula, tabiat mengambil dadah boleh menyebabkan sebilangan dari tenaga kerja negeri ini menjadi tidak produktif sekiranya amalan itu tidak disekat,
d. pengambilan dadah juga membebankan seseorang individu atau keluarganya dari segi kewangan kerana lazimnya belanja yang diperlukan adalah lebih tinggi daripada pendapatan mereka,
e. belanja yang tinggi bagi mendapat dadah selalunya mendorong kebanyakan penagih dadah ke dalam kegiatan-kegiatan jenayah bagi memperolehi bekalan dadah yang diperlukan,
f. apabila seseorang penagih dadah tertangkap, ia akan terus dikutuk sebagai penjanayah dan keaiban ini akan kekal buat selama hayatnya.

Ketiga-tiga sebab yang terakhir itu mempunyai hubungan rapat dengan sikap masyarakat dan undang-undang yang wujud terhadap dadah dan pengguna-penggunanya. Masyarakat mengharamkan penggunaan dadah dan menjadikan sebagai satu perbuatan jenayah. Akibatnya, mereka yang ketagih dengan dadah akan meneruskan amalan mereka secara tersembunyi atau secara sulit. Tetapi langkah yang mereka ambil ini akan mendedahkan pula diri mereka kepada kekejaman pengedar-pengedar dadah yang hanya mengutamakan keuntungan yang besar.

# JENIS DADAH

Dadah yang digunakan di negara ini selalunya dikenali dengan nama-nama umum dadah-dadah itu seperti ganja, candu, heroin, morfin, pil MX, dan LSD. Tetapi, secara saintifik, dadah-dadah ini boleh dikelaskan seperti berikut:

a. Mandat (opiate) – seperti candu, heroin dan morfin
b. *Cannabis* – seperti ganja
c. Dadah-dadah Penghayal (Hallucinogenic drugs) – terutamanya LSD
d. *Amphetamines*, ubat pelali dan pil-pil tidur

*Mandat:* Mandat seperti candu, heroin dan morfin tergolong dalam kategori dadah yang merbahaya. Dadah-dadah ini kesemuanya dari candu. Kumpulan dadah ini adalah yang paling popular di kalangan penagih-penagih dadah di negeri ini kerana ianya dikatakan memberi "nikmat sebenar". Secara amnya, heroin merupakan dadah yang paling biasa disalahgunakan dari kumpulan ini; ia diikuti oleh candu dan morfin. 59% daripada penyalahguna dadah yang ditahan polis di Pulau Pinang dan Selangor adalah terdiri dari penagih heroin. Bagaimana pun, di kalangan penagih-penagih yang masih di bangku sekolah, dadah jenis ini bukanlah yang paling popular, walaupun sekurang-kurangnya 25% dari mereka mengambilnya.

Dadah-dadah ini bertindak keatas sistem urat saraf penagih-pengaihnya dan seterusnya membawa kepada kelembapan dalam aktiviti mental dan fisikal mereka. Seseorang yang ketagihkan morfin akan menunjukkan beberapa pertanda seperti:

a. Keinginan dan keperluan yang tidak terkawal dan akan menggunakan apa jua cara untuk mendapat bekalannya
b. satu kecenderungan untuk menambahkan jumlah dadah yang diambilnya akibat kemampuannya (dari segi mengambil dadah) yang semakin meningkat
c. pengantungannya kepada kesan-kesan penghayalan dadah;
d. akhirnya, menjadi hamba kepada dadah

Setengah-setengah pengguna heroin, boleh kekal sebagai pengguna-pengguna sekali sekala sahaja untuk satu jangkamasa yang agak lama. Akan tetapi, jika dadah ini kerap diambil maka sipenggunanya **akan terpaksa** menambahkan jumlah dadah yang diambilnya dari masa ke semasa untuk mencapai "nikmatnya". Kemudiannya, kesan "seronok" ini akan hilang, dan si individu itu akan mengalami kesakitan dan penderitaan yang hebat ketika berlaku apa yang dipanggil "withdrawal symptom" sekiranya bekalan dadah tidak diperolehinya.

*Cannabis atau ganja.*
Kumpulan dadah ini merupakan yang kedua popular di kalangan penagih-penagih dadah di negeri Selangor dan Pulau Pinang. Di kalangan pelajar-pelajar, ianya adalah lebih popular sedikit dari heroin. Kesan-kesan yang timbul akibat menghisap ganja dikatakan mengandungi tiga peringkat, iaitu "Kegembiraan" awal, puncak "keseronokan" dan akhirnya balik kepada keadaan asal. Kepada seseorang yang baru belajar menghisap ganja, ianya mungkin didapati kurang menarik – sebaliknya, mereka akan merasa loya atau mual. Tetapi, kepada pengguna-pengguna yang berpengalaman, penghisapan ganja akan membawa mereka ke "dunia khayal". Seorang doktor penyakit jiwa merumuskan bahawa ganja boleh menambahkan lagi apa jua kecenderungan yang sedia wujud dalam diri seseorang individu. Menurut seorang pakar perubatan lain pula, keadaan di mana ganja boleh diperolehi dengan mudah adalah merbahaya tetapi beliau tidak yakin bahawa bahayanya itu melebihi bahaya yang timbul dari keadaan di mana arak boleh diperolehi dengan bebasnya.

*Dadah-dadah Penghayal:* Dadah dalam kumpulan ini adalah terdiri dari bahan-bahan yang menghasilkan perubahan dalam fikiran, pandangan, perasaan dan kadangkala sikap penggunaannya. Bahan yang paling selalu digunakan di antara dadah-dadah ini ialah LSD. Dadah ini nampaknya tidaklah berada di tempat yang tinggi dalam senarai keutamaan di kalangan pengguna-pengguna dadah di Malaysia. Dalam beberapa tinjauan di penjara, hospital dan sekolah-sekolah, kurang dari 10% penyalahguna dadah telah mencuba LSD.

Satu tinjauan yang dijalankan di Barat menunjukkan bahawa seorang dari setiap 2,500 orang pesakit telah membunuh diri selepas mengambil LSD. Walaupun LSD tidak mengakibatkan pengguna-penggunanya menjadi ketagih, tetapi ianya adalah merbahaya jika digunakan oleh seseorang yang fikirannya amat terganggu.

*Amphetamines, Ubat Pelali dan Pil Tidur:* Oleh kerana dadah ini digunakan oleh ahli-ahli perubatan dalam memberi rawatan kepada pesakit-pesakit, maka dadah-dadah ini adalah paling mudah didapati. Satu kajian ke atas penuntut-penuntut sekolah di Pulau Pinang dan Selangor yang dijalankan pada tahun 1976 menunjukkan bahawa para pelajar menganggap dadah-dadah ini sebagai paling mudah untuk diperolehi. Oleh itu, dadah-dadah dalam kumpulan ini adalah paling popular di kalangan pelajar-pelajar yang baru mula berjinak dengan dadah. Bagaimana pun, di kalangan penagih-penagih yang telah diberkas polis, kurang dari 10% yang mengguna dadah ini.

Dari segi kesan-kesan dadah keatas kesihatan dan psikologi pengguna-penggunanya, telah terdapat banyak perdebatan di Barat mengenainya. Tetapi, malangnya hampir kesemua perdebatan itu tidak dilaporkan di negeri ini. Sekarang ini, terdapat satu kempen di peringkat antarabangsa yang menuntut supaya dihalalkan pengambilan ganja. Mereka yang menyokong kempen tersebut telah berhujah bahawa sehingga kini belum terdapat satu kematian berdaftar yang boleh dikaitkan dengan pengambilan ganja secara berlebih-lebihan. Menurut mereka lagi, dadah itu, yang mempunyai nisbah daya pemabuk 1 ke 30,000 atau 40,000, adalah lebih selemat dari "barbiturates" (yang agak terhad pengedarannya) dan minuman keras yang boleh diperolehi dengan mudah. Kedua-dua bahan itu mempunyai daya pemabukan 1 ke 10. Menurut mereka lagi, ganja adalah ubat perangsang untuk bekerja bagi petani-petani dan pekerja-pekerja pertanian lain di Jamaica dan Brazil, sama seperti kesan minuman teh kepada pekerja-pekerja Barat.



*Ramai belia menjadi mangsa dadah*

Sikap yang ditunjukkan terhadap heroin dan dadah-dadah yang ada kaitan dengannya adalah berlainan. Oleh kerana kumpulan dadah ini dianggap sebagai sejenis dadah merbahaya dari segi kesihatan dan psikologi, maka penentangan terhadap dadah ini masih berterusan. Seseorang pengguna dadah jenis ini boleh menjadi ketagih dengannya walaupun ia baru menggunakannya. Apabila mereka sudah "tercangkuk" dengan dadah ini, adalah sukar bagi mereka untuk melepaskan diri dari bencananya. Sebaliknya, mereka terpaksa melalui satu proses hidup yang amat pahit dan menderita.

Selain dari mengakibatkan kematian kepada mereka yang telah mengambilnya dengan berlebihan, heroine dan morfin juga menumpulkan keupayaan penggunanya berfikir. Pada masa yang sama, penggantungan pengguna dadah kepada dadah ini akan mendorong mereka terjerumus dalam kegiatan jenayah untuk mendapatkan wang yang akan digunakan bagi membeli bekalan dadah yang diperlukan.

Penagih-penagih heroin boleh dianggap sebagai satu beban kepada masyarakat. Badan dan mental mereka selalunya telah rosak dan mereka tidak lagi dapat menyumbang sesuatu kepada masyarakat selagi mereka belum dipulihkan. Di samping itu, oleh kerana cara pengambilannya, pengguna-penggunanya sering menghadapi penyakit yang serius seperti darah beracun, "hepatitis" dan bengkak-bengkak bernanah.

Salah satu hujah yang diutarakan oleh mereka yang menyokong langkah mengharamkan pengambilan dadah yang kurang merbahaya ialah hujah yang mengatakan bahawa pengguna-penggunanya akan akhirnya mencuba dadah-dadah yang lebih merbahaya seperti heroin. Di samping it , mereka juga mendakwa bahawa dadah-dadah seperti LSD "amphetamines" ubat pelali . dan pil tidur boleh mengakbitkan kerosakan atau kecacatan kepada otak dan sel badan pengguna-pengguna dadah tersebut.

Oleh yang demikian satu kesimpulan umum yang dapat dibuat di sini mengenai persoalan apa salah dengan mengambil dadah ialah setengah dari dadah-dadah itu adalah merbaya kepada kesihatan dan psikologi pengguna-penggunanya. Masyarakat mempunyai alasan-alasan yang menasabah dari sudut ini untuk terus memerangi pengambilan dadah-dadah seperti heroin dan morfin. Tetapi, mengenai dadah-dadah lain, khususnya ganja, terdapat pula alasan-alasan yang mencukupi bagi orang ramai mempersoalkan kebijaksanaan langkah mengharamkan penggunaannya. Tindakan mengharamkan sesuatu yang masih boleh diterima mungkin akan menimbulkan lebih keburukan dari kebaikan. Dengan mensifatkan pengguna ganja sebagai satu kegiatan jenayah, kita akan mendorong pengguna-pengguna ganja mengambilnya secara tersembunyi dan menjadi mangsa kepada tipu-helah para pengedar dadah-dadah yang lebih merbahaya. Akibatnya, masyarakat akan menukar seorang yang normal dan tidak bersalah menjadi seorang penjenayah. Dan ini pula akan mendorong mereka untuk menjalankan kegiatan-kegiatan jenayah

yang lain.

Kita juga harus sedar bahawa terdapat dadah-dadah lain yang tidak merbahaya, seperti kopi, rokok, teh dan minuman keras, yang diterima oleh masyarakat. Oleh yang demikian, soal seperti pengharaman dadah yang kurang merbahaya seperti ganja haruslah diperdebatkan oleh orang ramai sebelum langkah mengharamkannya dikuat-kuasakan. Tetapi, melangnya perkara sedemikian tidak berlaku di negeri ini.

**Kenapa Orang Mengejar Dadah**

Penyelesaian kepada masalah pengyalah-gunaan dadah seperti heroin hanya boleh dicapai apabila kita betul-betul memahami faktor-faktor yang mendorong orang-ramai menjadi penagih dadah.

Sekarang ini terdapat banyak teori yang diutarakan untuk menerangkan kenapa orang menyalahgunakan dadah. Di satu pihak, terdapat golongan yang tidak menganggap penyalahgunaan dadah sebagai satu masalah. Mereka juga tidak mengaitkannya dengan masalah sosial dalam masyarakat. Kepada mereka, pengambilan dadah hanyalah merupakan satu tabiat semula jadi manusia. Menurut mereka, "Dalam sejarah manusia sejak zaman-zaman dulu lagi, memang terdapat satu hasrat di kalangan penduduk dunia ini untuk mengubah alam pemikiran mereka dari masa ke semasa" dan ini merupakan "satu hasrat terpendam yang normal."

Satu teori yang lain pula menyalahkan masyarakat sepenuhnya. Teori ini menganggap pengambilan dadah sebagai satu reaksi biasa orang yang normal terhadap alam sekelilingnya yang amat terasing dan juga merupakan satu jalan keluar dari keadaan yang menindas mereka. Menurut teori ini lagi, dadah merupakan satu alat untuk orang ramai mencari jalan keluar dari keadaan yang menekan dan tidak dapat diubah oleh mereka. Teori ini disokong dengan merujuk kepada masalah penyalahgunaan dadah dalam masyarakat Barat di mana tekanan politik ke atas golongan belia semasa zaman perang Vietnam dulu telah dikatakan menyebabkan ramai belia itu terjerumus ke dalam kegiatan pengambilan dadah sebagai satu jalan keluar.

Pengalaman askar-askar Amerika di Vietnam juga nampaknya memberi fakta-fakta yang menyokong teori ini. Perdagangan candu dari kawasan Tigasegi Emas (The Golden Triangle) dikatakan telah berkembang pesat dengan membekalkan heroin kepada askar-askar Amerika di Vietnam; tanpa bekalan ini askar-askar itu mungkin tidak dapat mengahdapi keadaan di medan perang mereka.

Teori ketiga meletakkan kesalahan ketagihan dadah ke atas diri individu yang terlibat. Seorang penyalahguna dadah disifatkan sebagai seorang yang tidak bertanggong jawab, seorang penjenayah ataupun sekurang-kurangnya terlalu dungu untuk menyedari kesan buruk dari dadah. Teori ini menganggap individu yang terlibat dengan dadah sebagai orang yang sakit dan gagal menyesuaikan diri mereka dengan kehendak masyarakat yang normal.

Tinjauan-tinjauan ke atas kanak-kanak sekolah, pesalah-pesalah dadah dan orang yang datang untuk mendapat rawatan menunjukkan bahawa terdapat dua sebab utama kenapa mereka terlibat dengan masalah ini — pengaroh kawan-kawan dan keinginan untuk mendapat keseronokan. Bilangan yang mengatakan bahawa kegagalan mengatasi masalah sebagai faktor yang mendorong mereka menyalahgunakan dadah adalah kecil. Di kalangan mereka yang baru terlibat dalam penyalahgunaan dadah pula, sifat ingin tahu merupakan satu faktor yang penting. Apabila penagih-penagih dadah itu ditanva kenapa mereka masih meneruskan kegiatan penyalahgunaan dadah, ramai dari mereka memberi alasan bahawa mereka ingin terus mendapat keseronokan dan takut mengalami penderitaan "withdrawal symptons".

Apabila penagih-penagih ditanya kenapa mereka datang untuk ~~mendapat~~ mendapat rawatan, ramai dari mereka menyatakan bahawa sebab utamanya ialah mereka mendapati amalan itu memerlukan wang yang semakin banyak. Mereka yang mengatakan masalah kewangan sebagai sebab utama kenapa mereka menyalahgunakan dadah adalah terlalu kecil jumlahnya.

Adalah penting bagi kita mengambil perhatian kepada hakikat bahawa sebahagian besar dari mereka belum mempunyai sebarang rekod penjenayahan atau memasuki kumpulan jenayah sebelum mereka terlibat dengan dadah. Kebanyakan dari mereka datang dari kelas-kelas sosial yang rendah.

Di kalangan kanak-kanak sekolah yang ditinjau, mereka yang menyalahgunakan dadah tidak mempunyai keyakinan yang mereka akan berjaya dalam hidup. Mereka juga tidak mempunyai banyak cita-cita dari segi pencapaian dalam pelajaran mereka.

Dalam memahami sifat-sifat penyalahguna dadah, satu aspek yang harus diberi perhatian ialah kecenderungan golongan muda untuk meniru amalan ini. Dorongan dan pengaroh ke atas golongan ini adalah berbeza dari mereka yang menjadi penagih dadah di peringkat umur yang agak lanjut. Dalam aspek ini, pemahaman tentang golongan belia, kebudayaan belia, masalah keasingan yang dialami oleh belia, hubungan belia dengan orang dewasa, harapan orang dewasa terhadap belia, dan indoktrinasi kebudayaan serta ideologi yang dialami oleh belia, adalah amat penting. Adalah penting bagi kita menyedari hakikat bahawa 10% daripada penuntut-penuntut yang telah ditinjau telah tidak menghiraukan kempen kerajaan memerangi dadah walaupun berjuta-juta ringgit telah dicurahkan untuk menjayakan kempen-kempen tersebut.

Dalam hal ini, kami tidak bermaksud untuk menentang kempen-kempen yang dijalankan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai tentang bahaya dadah. Apa yang dicadangkan di sini ialah cara perlaksaan kempen-kempen itu haruslah dikaji semula. Kanak-

*sambung di m.s. 10*

# CITIBANK MENDEDAHKAN BELANG

Sebagai sebuah bank Amerika Syarikat yang terkenal, Citibank mendapat keuntungan yang lumayan dari kegiatan meminjam wang kepada Dunia Ketiga. Sebaliknya, rakyat negara-negara miskin dibebankan dengan masalah pembayaran beribu-ribu juta dolar.

Bank ini mempunyai dua cawangan di Malaysia. Bagaimanapun, seorang naib-presiden Citibank telah memberitahu suatu rombongan wartawan ASEAN di New York bahawa bank itu akan menutup cawangannya di sini jika kerajaan Malaysia memaksanya mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Di samping itu, Citibank juga sanggup menutup cawangannya di Negeri Thai sekiranya kerajaan Bangkok mewajibkan penyusunan semula yang memberi peluang kepada usahawan tempatan untuk berusaha-sama.

Pandangan ini telah diberi oleh Encik Richard L. Huber kepada wartawan ASEAN pada bulan Mac Lalu. Rombongan beliau itu telah ditaja oleh Agensi Penerangan Amerika Syarikat (USIA).

Kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Encik Huber itu mencerminkan sikap kesombongan Citibank dan menunjukkan bahawa Citibank tidak akan menghormati cita-cita nasional negara-negara membangun seperti negeri Thai dan Malaysia.

Anehnya laporan tentang pertemuan ini tidak disiarkan dalam akhbar Kumpulan New Straits Times meskipun pemberitanya ikut serta.

Encik Huber menerangkan bahawa Citibank tidak boleh menyusun semula mengikut DEB oleh kerana "ia mengelolakan wang di seluruh dunia selama 24 jam sehari, membekalkannya dengan segera di mana saja ia diperlukan. Ini tidak dapat dilakukan dengan cekap sekiranya cawangan-cawangan Citibank dimiliki secara berasingan dan Citibank terpaksa berunding dengan pemilik tempatan setiap kali ia hendak membuat keputusan".

Apabila Encik Huber ditanya tentang sikap Citibank terhadap dasar kerajaan yang mendesak bank asing di Malaysia supaya memindahkan sahamnya kepada warganegara tempatan, dia menjawab

**".....Kami sanggup berundur jika dipaksa....."**

bahawa Citibank akan menentang dengan kerasnya. Menurut Encik Huber, "Kalau kami dipaksa juga, kami terpaksalah berundur dari Malaysia dan Negeri Thai".

Itulah adalah satu kenyataan yang keras. Tetapi Citibank sanggup menentang kerajaan dan mempertaruhkan perniagaannya di sini sebab Kerajaan Malaysia bergantung kepada Citibank.

Sebagai contoh, pada tahun lepas bank itu bersama dengan sembilan buah bank lagi telah mendapatkan pinjaman sebanyak AS$1.1 ribu juta untuk Kerajaan Malaysia di waktu negara ini terdesak.

Pada bulan April lalu, Citibank juga telah membantu Bank Bumiputra mendapatkan pinjaman berjumlah AS$550 juta daripada bank-bank Jepun, British dan Amerika Syarikat untuk kerajaan Malaysia.

Jadi, Citibank sangat berpengaruh dengan kerajaan Malaysia. Oleh itu ia dapat memberhentikan pencetakan cerita ini di dalam suatu akhbar tempatan yang dimiliki oleh kerajaan. Walaubagaimanapun, kenyataan oleh pegawai Citibank ini telah dilapurkan di dalam akhbar Thai, *Nation Review.*

Bagaimanapun, Encik Huber Menawarkan beberapa alasan lagi. Katanya, "Kami ada suatu dasar yang terbuka. Misalannya, kami suka menggalakkan lebih banyak bank Malaysia mendirikan cawangan-cawangan di Amerika Syarikat, sepertimana kami menolong Bank Bumiputra bertapak di A.S.".

Akan tetapi, Bank Bumiputra jauh lebih kecil dan kurang berpengalaman daripada Citibank. Jemputan kepada Bank Bumiputra untuk menyertai sistem bank Amerika Syarikat merupakan jemputan untuk Bank Bumiputra supaya menghancurkannya sendiri.

Sebaliknya, Citibank menawar-

**"Buat apa berpuashati setakat ASEAN sahaja?"**

kan bank-bank Malaysia berkerjasama bergerak di seluruh dunia dengan membeli saham-saham Citibank. "Buat apa berpuas hati setakat ASEAN sahaja?" ia bertanya.

Kepalsuan kenyataan ini sangat ternyata. Perniagaan sedunia Citibank adalah sangat luas. Tidak









ada sebuah bank tempatan yang mampu memiliki sebahagian saham yang penting dalam Citibank. Kerajaan Malaysia pun tidak mampu. Adakah Citibank hanya ingin merendahkan kewibawaan kerajaan Malaysia?

Negeri Thai juga ada undang-undang yang menyatakan bahawa syarikat kewangan asing di negeri itu mesti mengubahkan struktur pemilikannya dan mengadakan usahasama dengan usahawan tempatan. Citibank memiliki sebuah syarikat kewangan di Bangkok yang digelarkan *Citicorp Finance and Securities Ltd.*

Bagaimanapun Citibank enggan mematuhi peraturan ini, "Kami sanggup menutup cawangan di Bangkok, jika dipaksa oleh kerajaan Thai," tegas Huber.

**Malaysia akan berhutang selama 10 tahun.**

Pinjaman-pinjaman yang dianjurkan oleh Citibank dan lain-lain bank telah mendatangkan keuntungan yang lumayan kepadanya. Sebuah negara yang berhutang, seperti Malaysia, terpaksa membayar berjuta-juta ringgit setahun untuk bayaran bunga sahaja dan **tidak termasuk bayaran pokok.** Ini bermakna bahawa Malaysia akan berhutang kepada bank-bank Jepun dan negara-negara Barat selama sepuluh tahun sekurang-kurangnya.

**Setiap peso yang diperolehi, 20-30% adalah untuk membayar hutang luar negeri.**

Sebagai contoh, setiap peso yang diperolehi oleh rakyat Filipina, sebanyak 20-30 centavo atau 20-30% adalah untuk membayar hutang luar negeri. Nampaknya, Malaysia pun akan jadi begitu tidak lama lagi.

Oleh sebab itulah bank-bank antarabangsa sangat suka memberi pinjaman kepada Malaysia dalam masa dua tahun ini. Dan sebab itu juga Citibank mahu meneruskan kegiatannya di negara ini walaupun ia menentang Dasar Ekonomi Baru. ●

*sambungan dari m.s. 8*

kanak dan belia sering sahaja dikenakan sekatan-sekatan tanpa mereka diberi peluang untuk memahami kenapa sekatan-sekatan tersebut perlu. Kesan dari cara pendidikan yang sedemikian ialah perkembangan psikologi di kalangan mereka untuk menentang apa sahaja bentuk larangan yang dikenakan kepada mereka tanpa memikirkan kesan baik buruknya. Setengah dari mereka menyatakan tentangan mereka dengan cara yang lebih nyata dari belia lain. Oleh itu, ada pihak yang berhujah bahawa penglibatan setengah dari kaum belia dengan dadah adalah satu bentuk protes yang ditunjukkan oleh mereka kepada pihak-pihak tertentu.

Satu lagi aspek yang harus diberi perhatian mengenai masalah ini ialah keluasan pengaruh Barat dalam masyrakat kita, terutamanya di bidang kebudayaan. Ramai belia-belia kita telah dipengarohi oleh budaya liar yang meresap di kalangan belia-belia Barat. Oleh itu, ada di antara mereka yang berfikiran bahawa sekiranya "hero-hero" mereka seperti Paul McCartney, Elvis Presley, Jim Hendrixs, Sid Vicious dll boleh mencapai daya cipta yang tinggi setelah mengambil dadah, kenapa pula mereka tidak boleh berbuat sedemikian?

Keadaan di mana dadah-dadah boleh diperolehi dengan banyak dan mudah juga merupakan satu faktor yang memburukkan lagi masalah. Meskipun pihak berkuasa telah mencapai beberapa kejayaan dalam usaha mereka menghancurkan sindiket-sindiket pengedar dadah yang besar, tetapi pengaliran masuk dadah ke dalam negeri ini nampaknya tetap berterusan. Mungkin juga keujudan amalan rasuah yang masih meluas di kalangan pihak-pihak tertentu telah menjadikan kegiatan penyeludupan dadah sebagai satu kegiatan yang boleh berjaya dan menguntungkan. Dari masa ke semasa terdengar juga khabar-khabar angin yang mengatakan "orang-orang besar" dan "berpengaruh" juga terlibat dengan perniagaan dadah. Sejauh mana khabar-khabar angin ini benar masih lagi belum dapat dipastikan.

**Penyelesaiannya**

Apabila bekas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shaffie menaikkan taraf masalah dadah dengan menjadikannya sebagai masalah nombor satu di negara ini, beliau telah mencadangkan cara untuk menyelesaikannya. Menurut beliau, "Kami akan cuba mengajar rakyat negeri ini dari masa mereka dalam buaian lagi supaya menbenci dadah sama seperti orang Islam membenci babi". Berdasarkan cadangannya ini, sifat membenci dadah akan diperkembangkan melalui buku-buku, nyanyian kanak-kanak dan lagu-lagu; kesemuanya ini akan disebarkan seluas mungkin. Tan Sri Ghazali juga berharap yang satu kempen mengaitkan dadah merbahaya dengan perkataan yang menghina dapat dilaksanakan. Cadangan-cadangan ini nampaknya lebih merupakan satu usaha indoktrinasi dari pendidikan.

Tetapi, apa yang harus diadakan ialah pendidikan kepada orang ramai mengenai dadah, penggunaan dadah dan bagaimana dadah boleh mendatangkan bahaya. Untuk menjadikan usaha pendidikan ini berkesan, orang ramai haruslah digalakkan mengambil bahagian secara aktif dan bukan hanya sebagai pemerhati yang pasif.

Harus juga disedari bahawa proses penghijrahan desa-bandar, ketegangan masalah perkauman, masalah pengangguran dan kegagalan sebilangan dari rakyat mencapai cita-cita mereka kesemuanya adalah faktor-faktor yang akan mempengarohi jiwa rakyat negeri. Dalam keadaan ini, walaupun masalah penyalahgunaan heroin dapat hapuskan, kekecewaan sosial yang dialami oleh sebahagian dari anggota masyarakat kita akan disalorkan melalui cara lain. Oleh yang demikian, dalam memerangi masalah dadah ini, cara penyelesaian dari perspektif yang mengambil kira masalah-masalah asas dalam masyarakat adalah amat diperlukan. ●

# KESAN KEBANGKITAN ISLAM TERHADAP ORANG BUKAN ISLAM

Islam yang terus hidup di sini bagi lebih 500 tahun kini mengalami kekacauan apabila kuasa politik mempergunakan isu-isu keagamaan untuk mendapatkan sokongan.

Walaupun Malaysia telah mencapai kemerdekaannya 26 tahun lalu, UMNO yang mendominasikan persekutuan Barisan Nasional baru sahaja mengisytiharkan dirinya sebagai parti Islam yang paling besar di Malaysia. Sejak parti tersebut ditubuhkan pada 1946, semua ahli-ahlinya terdiri dari orang yang beragama Islam.

Penghubungan baru ini dengan agama dan isu-isu agama bermula setelah beberapa percubaan dibuat untuk memisahkan Islam dari politik Malaysia. Pakatan yang dipimpin oleh UMNO yang memegang teraju pemerintahan sehingga 1974 dan penggantinya Barisan Nasional bertanding dengan Parti Islam atau PAS untuk mendapatkan kuasa sejak sebilangan ahli-ahli UMNO meninggalkannya untuk membentuk PAS dalam 1951.

Setelah rusuhan perkauman berlaku di Kuala Lumpur dalam 1969, pemimpin-pemimpin UMNO berjaya mendesak PAS untuk menganggotai Barisan Nasional. Ahli PAS, berpecah tentang isu ini tetapi kepimpinan PAS oleh Datuk Asri Muda telah bersetuju dan PAS telah berada dalam pakatan itu selama 4 tahun. Akan tetapi, apabila UMNO mendapati bahawa PAS telah menyeleweng, parti itu telah dibuang dan pertandingan antara UMNO-PAS bermula semula.

Pada 1978, apabila revolusi Islam berleluasa di Iran dan fanatik-fanatik Islam di Malaysia menodai tempat-tempat sembahyang orang-orang bukan Islam, PAS telah kalah dalam pilihanraya di negeri Kelantan di mana ia telah memerintah sejak 1959 lagi. Pada tahun yang sama, perwakilan PAS di parlimen telah jatuh dari 14 ke 5.

Di akhir tahun tersebut, kerajaan yang dipimpin oleh Hussein Onn telah melancarkan satu kempen untuk menentang fanatik-fanatik Islam yang sedang memperkembangkan beberapa ajaran Islam yang cetek dan lucah. Salah satu mazhab menuntut bahawa pengantin perempuan mengadakan hubungan seks dengan khalifahnya sebelum berkahwin.

Kempen itu telah menyebabkan pemimpin-pemimpin PAS berkumat-kamit tentang satu revolusi ala Iran. Akan tetapi, revolusi tersebut tidak mungkin berlaku kerana beberapa sebab dan yang terpenting ialah tidak wujudnya satu teokrasi yang dihormati yang boleh menjalankan pergerakan Islam itu. PAS telah tidak dipercayai sebagai satu alternatif sebab ia telah menyertai Barisan Nasional untuk empat tahun.

### ABIM, ARGAM, TABLIGH

Sementara itu, kumpulan-kumpulan baru telah muncul. Salah satu darinya yang terpenting ialah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

ABIM yang dibentuk pada 1971 bertujuan "memberi peluang kepada graduan-graduan dari kolej dan universiti-universiti untuk menggiatkan diri dalam pergerakan dakwah". Matlamat ABIM ialah "untuk mewujudkan satu pergerakan Islam sebagai jalan memulihkan Islam di Malaysia".

Di samping ABIM, pergerakan-pergerakan seperti Darul Arqam (nama seorang sahabat Muhammad yang membenarkan rumahnya dijadikan tempat pekerjaan mubaligh) dan Jamaat Tabligh (yang berasal dari India dan menjadi popular di Malaysia) muncul. Seperti ABIM, Darul Arqam dan Jamaat Tabligh juga menginginkan satu masyarakat Islam.

Arqam telah memulakan 11 buah kampung di Sungai Penchala (lebih kurang 20 batu dari Kuala Lumpur), Kemaman di Negeri Trengganu dan Yan, di Negeri Kedah. Pengikut-pengikut memakai jubah hijau atau putih dan serban.

Mereka mengadakan mesyuarat-mesyuarat bagi kakitangan kerajaan, ahli-ahli tentera dan guru-guru sekolah. Kampung-kampung mereka mempunyai sekolah, kedai, pusat perubatan dan pengikut-pengikut diwajibkan menghadiri kuliah malam mengenai Quran, teologi dan undang-undang pada setiap hari Rabu.

Pengikut-pengikut Tabligh pula tidak berpolitik dan menegaskan mengukuhkan kepercayaan kepada Tuhan. Pergerakan ini dikatakan tidak sesuai dan kerajaan telah menentangnya kerana kehidupan sederhananya menghindarkan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membentuk satu kelas menengah Melayu yang baru.

Ahli-ahli Tabligh bukan sahaja enggan melibatkan diri dalam institusi-institusi kerajaan yang bukan agama malah tidak mempunyai sebarang minat dalam order politik yang wujud. Ahli-ahli Tabligh tidak mementingkan kebendaan sekali jika dibandingkan dengan kumpulan-kumpulan Islam yang lain di negara ini.

Satu lagi pergerakan Islam ialah persatuan Kebajikan Islam, Perkim, yang dipimpin oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, iaitu Tunku Abdul Rahman. Ia adalah *apolitical* dan menarik penganut-penganut bukan Islam.

## SELEPAS DEB

Perkembangan pergerakan-pergerakan ini yang bermula setelah rusuhan-rusuhan 1969 di Kuala Lumpur dan yang menjadi semakin giat setelah pelancaran DEB dalam 1971 telah memeranjatkan UMNO dan PAS. Kedua-dua parti poltiik itu tidak mampu mempergunakan kumpulan-kumpulan itu kerana fenomena ini adalah baru dan kegiatan-kegiatan mereka tidak dapat disangkai.

Untuk merumitkan keadaan, kumpulan-kumpulan ini telah mengilhamkan pertumbuhan pergerakan-pergerakan fanatik yang lain di negara ini terutamanya di kalangan penuntut-penuntut Islam yang dihantar ke luar negeri mengikut dasar DEB.

Pada masa PAS dibuang dari Barisan Nasional, pihak kerajaan bimbang bahawa fanatik-fanatik ini akan mengancam keharmonian kaum yang wujud sejak 1969 itu. Kerajaan yang telah cuba sedaya upaya untuk memisahkan agama dari politik mendapati bahawa ia tidak mempunyai pilihan lain melainkan merangkumi anasir-anasir fanatik tersebut dalam barisannya atas lunas-lunas Islam dan dengan demikian mengawal pergerakan serta kegiatan mereka.

Seorang ahli akademik yang mengkaji pemulihan Islam di sini, Mohamad Abu Bakar berpendapat: "Pemulihan semangat Islam telah memaksa UMNO supaya berhati-hati agar UMNO yang menentang fundamentalisme Islam, tetapi mendapati bahawa Islam sangat berguna untuk menentang musuhnya, telah menumpukan perhatian kepada Islam yang hampir-hampir sama dengan PAS."

Pada bulan Mac tahun lalu, tindakan UMNO yang paling penting dalam pertandingan undi dengan PAS ialah kemasukan Anwar Ibrahim, bekas Presiden ABIM ke dalam UMNO. Mereka percaya bahawa penerimaan Anwar itu bermakna bahawa parti yang memerintah itu telah bersetuju menerima fikirannya. Apa yang paling menonjol ialah PAS telah cuba memenangi Anwar bagi beberapa tahun tetapi tidak berjaya. Walaubagaimanapun, sekurang-kurangnya tiga orang pemimpin ABIM di peringkat nasional telah menyertai PAS.

Apabila Anwar menjadi timbalan menteri sebaik sahaja ia mengganggotai UMNO, ramai orang menjadi bimbang. Penyokong-penyokongnya pun menyoal tentang kebenarannya.

## BANK ISLAM

Orang-orang bukan Melayu bimbang tentang Anwar kerana ia dihubungkan dengan beberapa rancangan yang merupakan sebahagian dari usaha ke Islaman kerajaan.

Sebuah bank Islam yang telah dimulakan beberapa tahun lalu telah ditubuhkan setelah Anwar menganggotai UMNO. Tindakan ini telah merisaukan masyarakat peniaga bukan Melayu kerana mereka berpendapat bahawa bank baru itu merupakan permulaan sistem bank ala Islam.

Orang-orang bukan Melayu tidak percaya alasan kerajaan bahawa bank itu ditubuhkan untuk orang-orang Islam di Pantai Timur dan di kawasan-kawasan luarbandar di Utara yang tidak mahu menyimpan wang dalam bank-bank yang mengenakan faedah atas pinjaman-pinjaman.

Orang-orang bukan Melayu juga enggan menerima alasan bahawa tindakan itu merupakan satu langkah politik untuk menyenyapkan pelampau-pelampau PAS yang mendakwa bahawa sistem yang wujud sekarang adalah tidak moral kerana ia mengenakan dan membayar faedah.

Satu lagi ancaman ialah keputusan bahawa semua institusi-institusi tinggi dikehendaki mengajar sejarah dan peradaban Islam. Tidak seorangpun menyoal samada matapelajaran ini diwajibkan atau tidak. Sebaliknya perdebatan ditumpukan kepada samada langkah ini merupakan kemasukan gerakan dakwah ke bidang yang dulunya berkecuali.

Salah satu bantahan ialah sementara kumpulan-kumpulan agama bukan Islam tidak dibenarkan menukar kepercayaan di kalangan orang-orang Islam, matapelajaran Islam digambarkan sebagai satu percubaan untuk menukar kepercayaan orang-orang bukan Islam. Sekali lagi, tidak seorangpun melihatnya sebagai tindakan politik yang perlu akibat tekanan dari PAS.

## UNIVERSITI ISLAM

Cadangan kerajaan untuk menubuhkan sebuah Universiti Islam antarabangsa di sini dibuat selepas keputusan diambil mengenai Universiti Merdeka. Salah satu bantahan terhadap penubuhan Universiti Merdeka ialah ia akan men-



*Ustaz Hadi Dengan Pengikut Fundamentalisme*

jalankan kursus-kursus dalam bahasa Cina. Akan tetapi, Universiti Islam akan mengajar dalam bahasa-bahasa selain dari Bahasa Malaysia termasuk bahasa Arab dan Inggeris.

Sebanarnya Chauvinis-chauvinis Malayu telah menghentikan kempen mereka agar Bahasa Melayu dijadikan bahasa utama. Satu keterangan baginya ialah sementara Bahasa Melayu menggambarkan sifat 'kemelayuan' untuk chauvinis-chauvinis itu, mereka ini ingin menegaskan kepentingannya; akan tetapi sebaik sahaja ia dijadikan bahasa kebangsaan, ia telah kehilangan nilai politiknya. Kini, chauvinis-chauvinis tersebut beralih kepada Islam.

Orang-orang bukan Islam amat risau tentang penekanan untuk memasukkan elemen-elemen undang Islam ke dalam undang-undang umum. Orang-orang Islam pula juga bimbang kerana tuntutan-tuntutan dakwah akan menganggu kehidupan mereka.

Pengharaman minuman keras dan perjudian, penegasan bahawa wanita-wanita Islam harus menutup aurat dan tidak bercampur dengan orang bukan Islam, bahawa mereka tidak harus ke panggung wayang atau menonton talivisyen, sembahyang lima kali sehari dan beberapa undang-undang lain itu amat menggelisahkan orang-orang Melayu sendiri.

Namun pelampau-pelampau menuntut bahawa ajaran-ajaran Islam fundamentalisme dikuatkuasakan tetapi ramai orang-orang Islam menganggap Islam sebagai agama yang mudah, toleran dan bersimpati.

Mereka inilah yang bimbang seperti orang-orang bukan Islam kerana anak-anak mereka bekerja dalam hotel-hotel, melayan, menjual tiket loteri dan pekerjaan-pekerjaan lain yang diharamkan di bawah undang-undang Islam.

Setiap kali pelampau-pelampau ini menuntut sesuatu, UMNO bertindak dan orang-orang bukan Islam menjadi lebih takut. Mereka mengundurkan diri ke dalam kumpulan agama masing-masing, pasti bahawa tuntutan-tuntutan itu akan bertambah. ●

# NASIB PETANI-PETANI HALIA DI BUKIT TINGGI

Bukit Tinggi merupakan satu kampung baru Cina di negeri Pahang di sebelah Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak.

Kampung ini terdiri dari 200 buah keluarga. Mata pencarian utama penduduk-penduduk di sini ialah pertanian.

Walaupun penduduk-penduduk telah menetap selama 30 tahun di Bukit Tinggi, hanya segolongan kecil sahaja yang mempunyai tanah sendiri.

Mereka kerapkali telah memohon tanah untuk tujuan pertanian tetapi pihak kerajaan telah menolak permohonan-permohonan itu tanpa memberi sebarang alasan. Mereka telah membuka tanah negeri untuk pertanian kerana tidak ada pilihan lain.

Pada 26hb Mei 1982, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah menghantar satu rombongan yang terdiri dari 70-80 pegawai penguatkuasa ke Bukit Tinggi untuk menghapuskan ladang halia.

Usaha-usaha petani itu telah dibazirkan. Kerugian yang telah dialami oleh petani-petani tidak dapat dikira, tetapi telah dianggarkan sebanyak $300,000.

Chow, seorang petani halia selama lebih dari 20 tahun merasa pihak kerajaan harus memahami masaalah-masaalah kaum petani itu.

"Kami tidak bertujuan mengambil tanah negeri. Walaupun kami telah memohon tanah pertanian secara bersama beberapa kali bagi lebih 20 tahun, kami tidak dapat sebarang berita mengenai permohonan kami.

"Kami perlukan makanan. Kami tidak boleh duduk diam dan menghadapi kebuluran.

"Kami tidak mempunyai sebarang kelayakan atau kemahiran. Jika kami meninggalkan kampung ini, apakah yang kami boleh buat?

"Orang lain memperolehi tanah secara mudah untuk membina rumah, tetapi adalah sukar bagi kampung kami untuk memperolehi tanah. Ini sudah jelas tidak adil bagi pihak kami."

Walaupun pihak kerajaan telah memusnahkan tanah pertanian mereka, masih ramai lagi yang memilih untuk meneruskan pertanian halia.

Mereka tidak mempunyai pilihan lain. Di bawah gangguan dan ketakutan itu, penanaman halia di Bukit Tinggi masih berterusan.

"Ramai pemuda-pemuda kita sedang mencari pekerjaan di kawasan bandar. Bapa saya adalah seorang petani dan saya juga ingin menjadi petani.

Impian saya ialah untuk memperolehi cara-cara pertanian baru di sini. Saya mempunyai banyak lagi rancangan.

"Saya tahu Bukit Tinggi amat sesuai bagi penanaman bunga. Penternakan ayam-itik juga akan menguntungkan.

"Akan tetapi, tanah ini bukan kepunyaan kita."

"Pertanian halia amatlah sukar. Kita terpaksa bimbang tentang cuaca, harga halia semasa musim menuai dan gangguan dari pihak kerajaan. Tetapi kita hanya tahu bertani, jadi kita terpaksa meneruskan pertanian kita." ●

# PEMINDAHAN TERHAD DALAM PERUSAHAAN ELEKTRONIK DAN ELEKTRIK

Kekurangan pemindahan teknologi dalam perusahaan pemasangan kereta tidak mengejutkan Dr. Lim Kok Cheong. Beliau dan Dr. K.C. Cheong dari Universiti Malaya telah menjalankan kajian dalam 1980 mengenai peringkat pemindahan teknologi dalam perusahaan elektronik dan eletrik di Malaysia.

Mereka telah menganalisakan maklumat dari 32 buah syarikat.

Kesimpulan yang didapati ialah bahawa pemindahan teknologi di kalangan perusahaan-perusahaan eletronik dan eletrik 'amat terhad.'

Kajian itu juga mengatakan bahawa perusahaan eletronik mungkin sesuai jika tujuan kerajaan adalah hanya untuk memaksimakan pekerjaan.

"Akan tetapi jika tujuan utama pembangunan sektor perusahaan yang pesat adalah untuk menghasilkan teknologi yang lebih cekap maka perusahaan tersebut, dan terutamanya pemasangan komponen, tidak begitu sesuai."

Dr. Lim berkata perusahaan pemasangan kereta tempatan juga ada dalam keadaan yang sama.

"Kita dapat membahagikan pemasangan kereta kepada *power-train, body and chassis* dan *hang-on parts.* Dalam kedua-dua operasi yang pertama, terdapat hanya sedikit atau tidak ada langsung pemindahan teknologi kerana semua bahagian yang digunakannya diimpot."

Dalam *hang-on parts* terdapat sedikit pemindahan teknologi kerana tayar-tayar dan bateri-bateri tempatan digunakan. Akan tetapi ia tidak merupakan pengeluaran teknologi yang tinggi.

Dr. Lim menyambung bahawa keadaan adalah sama dalam perusahaan eletronik di mana kajiannya menunjukkan bahawa kebanyakan firma mengimpot semua bahagian dan komponennya dari luar negeri.

Kajian itu juga mendedahkan bahawa sebahagian besar pakar-pakar teknik adalah orang asing kerana pakar-pakar dalam bidang ini sangatlah kurang di Malaysia.

Malah, tidak ada langkah yang diambil untuk mengeluarkan pakar-pakar tempatan. Setengah daripada firma itu tidak menghantar pekerja tempatan ke luar negeri untuk dilatih dan jika ada pun tempoh latihan adalah singkat dan latihan itu tidak sempurna."

"Ini dapat dibandingkan dengan perusahaan pemasangan kereta di mana pekerja-pekerjanya hanya memperolehi kemahiran melalui pengalaman mereka sendiri sahaja dan tidak melalui rancangan-rancangan latihan. Kemahiran yang diperolehi oleh mereka adalah berperingkat rendah yang khusus untuk perusahaan itu sahaja dan tidak boleh digunakan untuk pekerjaan lain."

Di samping itu, penyelidikan dan pembangunan perusahaan tidak dijalankan di negara ini. "Asas penyelidikan serta pembangunan yang kukuh bukan sahaja akan membolehkan penyesuaian teknologi asing tetapi juga akan membantu menyerapkannya."

"Akan tetapi apa yang berlaku ialah kebanyakan daripada penyelidikan dan pembangunan berlaku di negara asal (syarikat induk). Oleh itu, penyelidikan dalam perusahaan-perusahaan eletronik dan eletrik tempatan masih dalam peringkat primitif". ●



*Para Pekerja Dalam Perusahan Elektronik*

# KESATUAN DALAMAN: ALASAN BAGI DASAR-DASAR ANTI BURUH?

Baru-baru ini, Encik Adib Adam, Menteri Penerangan, telah mengumumkan bahawa kerajaan akan menggantikan kesatuan-kesatuan sekerja di negeri dengan kesatuan-kesatuan dalaman (in-house unions). Encik Adib menyatakan bahawa konsep baru ini adalah berdasarkan kepada corak kesatuan sekerja dalam syarikat-syarikat di Jepun dan kerajaan akan mempastikan bahawa konsep ini akan dilaksanakan dengan sempurna tanpa menjejaskan sebarang pihak.

Setelah membincangkan tentang kebaikan-kebaikan kesatuan dalaman, Encik Adib berkata: "Dengan perlaksanaan sistem baru ini, kesatuan-kesatuan sekerja tidak akan digabung dengan sebarang badan lain dan kesatuan-kesatuan tersebut akan berjuang bagi kepentingan ahli-ahlinya sahaja".

Tetapi, Encik Adib mungkin telah terlupa perumpamaan Melayu bahawa "Bersatu itu teguh dan bercerai kita roboh". Kerajaan nampaknya ingin melihat kewujudan kesatuan-kesatuan dalaman dalam unit-unit yang kecil dan dengan itu para pekerja tidak akan mempunyai sebarang kuasa apabila berhadapan dengan pihak majikan.

Maka di sini timbullah satu persoalan pokok. Mengapakah kerajaan begitu ghairah dengan Dasar Pandang ke Timur dan meniru apa sahaja dari Jepun? Walaupun DS Dr. Mahathir dan Datuk Musa berulang kali menyebut bahawa kita harus hanya mengambil ciri-ciri yang baik dan sesuai sahaja, tetapi mengapakah setengah menteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan begitu terpengaruh dengan Jepun? Apakah Jepun itu satu syurga bagi kaum pekerja sehingga kita harus menerima bentuk kesatuan sekerja di sana tanpa menimbangkan sama ada sistem itu sesuai kepada kita atau tidak?

Sebenarnya, negara Jepun mempunyai masyarakat yang homogenous dan ia mempunyai syarikat-syarikat besar yang menawarkan pekerjaan seumur hidup kepada pekerja-pekerja mereka. Struktur gaji Jepun adalah begitu rupa sehingga pekerja-pekerja terpaksa bekerja sehingga tua dengan syarikat mereka. Di Jepun juga, apabila seseorang pekerja meninggalkan syarikatnya, maka sukarlah baginya untuk mendapat pekerjaan dengan syarikat lain.

Negara kita pula mempunyai penduduk dari berbagai kaum dan "pencurian" pekerja-pekerja terutamanya pekerja-pekerja yang berkemahiran tinggi merupakan satu amalan biasa. Kita juga tidak mempunyai jaminan pekerjaan. Jadi, bolehkah kita mengambil etika kerja Jepun secara bulat-bulat sahaja?

Di samping itu, dalam satu rencana mengenai pekerja-pekerja elektronik dan kesatuan sekerja, Dr. Tan Chee Khoon menulis bahawa kerajaan Barisan Nasional telah dan sedang membuka pintunya kepada syarikat-syarikat antarabangsa yang sering mempunyai sikap anti-buruh terhadap kelas pekerja di negeri ini. Dalam hal ini, terdapat juga banyak syarikat-syarikat besar Jepun yang mendirikan kilang mereka di Malaysia dan mempunyai ramai pekerja. Tetapi, tidak satupun dari syarikat-syarikat itu menawarkan dorongan-dorongan seperti diamalkan di Jepun kepada pekerja-pekerja kita agar mereka merasa bahawa mereka sedang bekerja dalam satu keluarga.



Sebaliknya, terdapat syarikat-syarikat yang membuang pekerja-pekerja mereka semasa berlaku kemelesetan ekonomi!

Para pemimpin negara juga harus menyedari bahawa generasi tua di Malaysia, masih mempunyai kenangan-kenangan pahit mengenai zaman pemerintahan Jepun dulu. Mereka masih khuatir apa yang telah berlaku empat puluh tahun mungkin berulang lagi.

Beberapa kesatuan sekerja juga telah mengambil pendirian tegas terhadap konsep kesatuan dalaman. Misalnya, Setiausaha Agung MTUC, Encik V. David, telah berkata bahawa "kita (kesatuan sekerja) belum bersedia menerima konsep ini kerana kesatuan-kesatuan dalam

ini merbahaya. Mereka tidak dapat menjalankan fungsi-fungsi sebuah kesatuan sekerja di dalam sebuah negara demokratik". Beliau juga telah memberi amaran yang "sebarang perubahan akan memusnahkan kesatuan-kesatuan sekerja di negara ini".

Encik David juga telah mencadangkan supaya sebarang perubahan yang sedang diracangkan harus terlebih dahulu dibincangkan dalam Majlis Bersama Penasihat Buruh Kebangsaan (JNLAC), yang merupakan satu badan yang dianggotai oleh wakil-wakil kerajaan, pekerja-pekerja dan majikan.

Tetapi, reaksi dari CUEPACS pula nampaknya begitu terkawal. Presidennya, Encik Narendran, hanya menyatakan bahawa konsep kestuan dalaman sesuai untuk kesatuan-kesatuan besar tetapi bukan bagi kesatuan-kesatuan kecil.

Pihak majikan di sektor swasta nampaknya menyambut konsep kesatuan dalaman dengan habat sekali. Sebagai contoh, Encik Azman Harun, Presiden Persatuan Hotel-Hotel Malaysia, telah mengalu-alukan konsep tersebut dan menuarakan tentangannya terhadap cadangan supaya semua perkara mesti dirujukkan kepada Kesatuan Kebangsaan bagi Restoran-restoran dan Hotel-hotel. Sebaliknya beliau menegaskan bahawa "pihak pengurusanlah yang mesti menentukan masa depan syarikat". Ini bermakna bahawa pekerja-pekerja tidak mempunyai sebarang kuasa. Tetapi, bolehkah pihak pengurusan menggurus sebuah hotel tanpa kerjasama pekerja-pekerja?

Tidak lama selepas ucapan Encik Adib, Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Hj. Zakaria Abdul Rahman, telah memberi jaminan bahawa kerajaan tidak bertujuan untuk menghapuskan kesatuan-kesatuan sekerja di negeri ini. Beliau mengatakan bahawa kenyataan yang dibuat oleh Encik Adib bahawa kesatuan-kesatuan sekerja akan digantikan dengan kesatuan dalam syarikat hanyalah merupakan pendapat Encik Adib sendiri. Tetapi, kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh seseorang Menteri sering dikuatkuasakan oleh kerajaan kemudiannya. Bolehkah Datuk Zakaria memberi jaminan bahawa perkara ini tidak akan berlaku?

Datuk Musa Hitam pula menyatakan bahawa kerajaan sedang mengkaji konsep kesatuan dalaman dan memberi jaminan bahawa ia tidak akan mempengaruhi kesatuan-kesatuan sekerja yang sudah sedia ada.

Tetapi, satu persoalan masih harus dijawab. Mungkinkah Dasar Padang ke Timur itu merupakan satu alasan bagi melaksanakan dasar-dasar anti-buruh di negeri ini. Mengapakah kita tidak digalakkan meniru corak persekutuan kesatuan sekerja Jepun yang militan, sistem Parlimennya yang hebat, sistem jaminan pekerjaan seumur hidup dan sebagainya? Patutkah kita hanya meniru aspek-aspek buruk dari Jepun dan memanggilnya Dasar Pandang ke Timur? ●

## FAKTA DAN ANGKA:

### PERBEZAAN UPAH – ALAT UNTUK MEMECAH-BELAH PEKERJA

Perbezaan upah merupakan satu unsur penting dalam sesebuah ekonomi yang bersifat kapitalis. Di satu pihak, ia membenarkan golongan kapitalis atau pemodal memperolehi keuntungan maksima dengan menggunakan berbagai jenis kaum buruh. Di pihak yang lain pula, ia menyediakan asas untuk memcah-belahkan kaum pekerja mengikut bangsa jantina, industri, status pekerjaan dsb. Jadual-jadual berikut menunjukkan perbezaan upah yang wujud di negara ini dan beberapa negara di Asia.

**Jadual 1: Perbezaan upah mengikut negeri: Upah Sejam pekerja-pekerja dalam perusahaan Elektronik, 1980.**

| Negeri | Upah Sejam (U.S. $) | Nisbah (Perbandingan upah di negara-negara lain dgn. upah di Indonesia) |
|---|---|---|
| Indonesia | 0.17 | 1.0 |
| Filipina | 0.40 | 2.5 |
| Malaysia | 0.40 | 2.5 |
| Taiwan | 0.48 | 2.8 |
| Korea Selatan | 0.57 | 3.3 |
| Singapura | 0.71 | 4.2 |
| Hong Kong | 1.04 | 6.1 |
| Jepun | 5.20 | 30.2 |
| Amerika Syarikat | 5.37 | 31.3 |

**Jadual 2: Perbezaan Upah Mengikut Industri – Pendapatan Purata Sebulan Pekerja, Semenanjung Malaysia, 1980**

| Industri | Upah Sebulan ($) | Nisbah (Berbanding dgn. industri Tekstil) |
|---|---|---|
| Tekstil | 187 | 1.00 |
| Barang-barang getah | 208 | 1.11 |
| Elektroniks | 224 | 1.20 |
| Papan Lapis | 246 | 1.32 |
| Pencetakan & Penerbitan | 279 | 1.49 |
| Alat-alat Jentera Perindustrian | 296 | 1.58 |
| Kenderaan Bermotor | 313 | 1.67 |
| Barang-barang Kimia | 365 | 1.95 |
| Rokok & Barang dari Tembakau | 456 | 2.45 |

Sumber: Tinjauan Mengenai Upah, Kementerian Buruh & Tenaga Rakyat.

**Jadual 3: Perbezaan Upah Bulanan Pekerja Lelaki & Perempuan Mengikut Industri, Semenanjung Malaysia, 1980**

| Industri | Upah Lelaki ($) | Upah Wanita ($) | Nisbah (lelaki: Wanita) |
|---|---|---|---|
| Elektroniks | 228 | 222 | 1.03 |
| Papan Lapis | 193 | 160 | 1.20 |
| Barang-barang Kimia | 339 | 252 | 1.34 |
| Rokok & Barang dari Tembakau | 327 | 227 | 1.44 |
| Kenderaan Bermotor | 261 | 179 | 1.46 |
| Barang-barang Getah | 343 | 171 | 2.00 |

Sumber: Tinjauan Mengenai Upah, Kementerian Buroh & Tenaga Rakyat.

**Jadual 4: Perbezaan Upah Bulanan Pekerja Biasa Mengikut Kawasan, Semenanjung Malaysia, 1980**

| Kawasan | Upah ($) | Nisbah (Berbanding dgn kawasan lain di Semenanjung) |
|---|---|---|
| Kawasan Lain di Semenanjung | 247 | 1.0 |
| P. Pinang/ Butterworth | 249 | 1.01 |
| Johor Baharu | 253 | 1.02 |
| Ipoh | 268 | 1.09 |
| Kuala Lumpur/ Petaling Jaya | 324 | 1.31 |

Sumber: Tinjauan Mengenai Upah, Kementerian Buruh & Tenaga Rakyat.


Jepun 30.2
Malaysia 2.5
Indonesia 1.0
Perbandingan mengikut negri
Industri rokok 2.5
Industri tekstil 1.0
Perbandingan mengikut industri
KL/PJ 1.31
Kawasan lain 1.0
Perbandingan mengikut kawasan
Lelaki 2.0
Perempuan 1.0
Perbandingan mengikut jantina
industri barang-barang getah


WE WERE WONDERING IF YOU COULD MAKE THE SUN STAND STILL.
CERTAINLY, I CAN MAKE THE SUN STAND STILL... WHY?
LONGER LUNCH BREAKS.

# HAPUSKAN DISKRIMINASI TERHADAP PEKERJA WANITA



Seorang pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Univirsiti Malaya, Puan Fatimah Daud, telah berkata bahawa semua pihak yang berkenaan harus memberi segala peluang kepada pekerja-pekerja wanita di negeri ini. Beliau juga telah menyeru semua pengusaha supaya menghapuskan sikap prasangka, dan amalan diskriminasi, terhadap kaum wanita sekiranya mereka ingin melihat kaum wanita memainkan peranan yang lebih penting dalam proses pembangunan sosio-ekonomi negara ini.

Menurut beliau, kebanyakan pekerja wanita yang telah berumah-tangga mempunyai berbagai tanggung-jawab dalam kehidupan mereka. Di samping perlu berusaha keras untuk mencapai kejayaan dalam pekerjaan, mereka juga terpaksa menguntukkan masa bagi urusan rumah-tangga mereka. Oleh itu, beliau berpendapat bahawa adalah tidak adil bagi setengah pengusaha-pengusaha untuk dengan mudah menganggap pekerja wanita sebagai tidak stabil dan sering berhenti kerja apabila menghadapi tekanan masalah-masalah rumahtangga.

Seterusnya, beliau telah mendedahkan amalan diskriminasi yang wujud dari segi pembahagian gaji. Dengan menggunakan maklumat-maklumat dari kajian-kajian Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, beliau telah menunjukkan perbezaan yang terdapat di antara gaji yang dibayar kepada pekerja wanita dan lelaki yang memegang jawatan yang sama. Dalam satu contoh yang diberikannya, beliau telah menunjukkan bahawa gaji seorang kerani perakaunan menerima $566 sebulan sementara seorang wanita yang memegang jawatan yang sama hanya menerima $357 sebulan; bagi pekerjaan penyelia pula, jurangnya ialah $536 dan $355; dan bagi pekerjaan kilang ialah $241 dan $186 (kesemua angka-angka ini adalah untuk tahun 1980).

Menurutnya, bilangan kaum wanita yang memasuki pasaran buruh negeri ini boleh dikatakan agak pesat. Sejak tahun 1975, tenaga kerja wanita telah bertambah pada kadar purata 4% setiap tahun. Mengikut maklumat dari Jabatan Perangkaan, pada 1972 jumlah tenaga kerja wanita ialah 1.55 juta orang dan angka ini telah meningkat kepada 1.57 juta orang pada tahun 1979. Menurut sumber yang sama, kadar pengangguran di kalangan kaum wanita pada 1979 adalah 7.4% berbanding dengan 4.8% di kalangan kaum lelaki.

Puan Fatimah telah juga mengutarakan beberapa cadangan yang



difikirkannya dapat membantu pekerja-pekerja wanita mencapai kejayaan dalam bidang pekerjaan mereka. Antara cadangan-cadangan itu termasuk:

a. mendirikan taman kanak-kanak di tempat kerja supaya pekerja-pekerja wanita yang telah berumah-tangga pasti bahawa anak-anak mereka diasuh dengan baik;
b. mengiktiraf pembantu-rumah sebagai satu perkerjaan yang sah di sisi undang-undang;
c. pengenalan waktu-waktu bekerja yang diubahsuaikan untuk mengatasi masalah pekerja-pekerja wanita, khususnya mereka yang telah berumah-tangga. Satu format baru harus diperkenalkan di mana pekerja-pekerja wanita dibenarkan memulakan pekerjaan mereka pada waktu yang sesuai. Dengan terlaksananya sistem 'punch-card', pihak majikan masih dapat memastikan bahawa para pekerja wanita bekerja lapan jam sehari.

Puan Fatimah berharap pihak-pihak yang bertanggung-jawab dapat menimbangkan syor-syornya ini supaya kaum wanita dapat memberi sumbangan yang lebih besar kepada negara. ●

# PERGERAKAN KESATUAN SEKERJA TIDAK DIMONOPOLIKAN OLEH SATU KAUM

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) Encik Jamaluddin Isa memberitahu satu seminar buruh UMNO baru-baru ini bahawa pergerakan kesatuan sekerja tidak lagi dimonopolikan oleh satu kaum seperti yang dipercayai oelh setengah pihak. Anggapan ini adalah satu metos yang didedahkan oleh Encik Jamaluddin apabila ia memberi keterangan mengenai Kesatuan Sekerja di Malaysia.

Encik Jamaluddin mengatakan bahawa anggapan ini adalah benar pada tempoh tahun-tahun awal penubuhan kesatuan sekerja. Tetapi, keadaan hari ini sangatlah berlainan. Sebenarnya, perubahan-perubahan ini telah bermula sejak pertengahan dekad 70'an dan terdapat tanda-tanda bahawa ia akan berlanjutan.

Pada tahun 1973, 44% daripada jawatan-jawatan penting di 258 buah kesatuan sekerja yang didaftarkan telah dipegang oleh orang-orang Melayu. Ini mencerminkan kebangkitan pemimpin-pemimpin baru diperingkat cawangan. Pada tahun yang sama, 45% anggota kesatuan terdiri dari orang-orang Melayu, manakala 32% terdiri dari orang Cina dan 23% India dan kaum-kaum lain.

Pada tahun 1981, 65% dari semua (292) presiden kesatuan sekerja terdiri dari kaum Melayu dan hampir 53% dari kesemua setiausaha juga adalah orang Melayu.

Encik Jamaluddin juga mengingatkan kerajaan supaya jangan melanjutkan polisi-polisi yang anti-buruh sekiranya kerajaan ingin menambahkan daya pengeluaran dan kecekapan kaum pekerja di negeri ini ●

# MASA DEPAN PEKERJA ASING DI SINGPURA TERANCAM

Dasar kerajaan Singapura yang memaksa kilang-kilang di negara itu melabur dalam jentera-jentera baru telah mengancam pekerjaan beribu-ribu orang pekerja-pekerja asing di sana. Dasar kerajaan itu akan menggalakkan para pengusaha menjadi lebih bergantung kepada jentera-jentera dan kurang kepada pekerja-pekerja asing.

Dalam tahun-tahun 70'an, disebabkan oleh kekurangan pekerja tempatan, pihak pemerintah Singapura telah menggalak ramai pekerja asing berhijrah ke negara itu. Seorang pegawai buruh tempatan telah berkata: "Tiada sesiapa pun yang tahu beramai ramaikah pekerja asing yang berada di sini". Pekerja-pekerja yang pergi ke Singapura itu bukan sahaja berasal dari Malaysia dan Indonesia, bahkan ada juga yang berasal dari negeri Thai, India, Sri Langka, Bangladesh, Filipina dan Macau.

Dalam sebuah kilang kain di republik itu, 300 daripada 1,200 orang pekerja-pekerjanya adalah terdiri dari orang-orang asing. Pihak majikan kilang itu lebih berminat untuk mengambil 200 orang pekerja lagi daripada membeli jentera-jentera baru.

Seorang kontrektor pula mengatakan bahawa 60% daripada pekerja-pekerja pembinaan di Singapura terdiri dari orang-orang asing.

Kerajaan Singapura sendiri tidak mengeluarkan sebarang angka rasmi mengenai jumlah pekerja-pekerja asing di negara itu. Tetapi, mengikut satu anggaran, terdapat lebih kurang 100,000 orang pekerja asing di Singapura hari ini. Kerajaan Singapura telahpun mengumumkan bahawa ia tidak akan memperbaharui permit kerja kepada pekerja-pekerja dari negara-negara lain kecuali bagi pekerjaan-pekerjaan di pelabuhan, tapak-tapak pembinaan dan pembantu rumah. ●

# PEKERJA INDONESIA TERUS MENENTANG PENINDASAN

Ade Chandra

Antara pertubuhan-pertubuhan yang telah menjadi mangsa akibat tindakan "pembersihan" yang dilancarkan oleh pihak tentera di Indonesia berikutan dari satu percubaan memberontak di kalangan anggota-anggota angkatan tentera pada 30hb September 1965 ialah gabungan-gabungan kesatuan sekerja.

Pihak tentera yang berkuasa, bersama-sama dengan golongan-golongan awam yang terdiri daripada golongan pemodal, tuan-tanah, ahli-ahli teknokrat yang konservatif, golongan intelektuil dan pemimpin-pemimpin agama, kemudiannya memutuskan bahawa orde baru yang mereka ingin dirikan di republik itu memerlukan penyertaan besar-besaran dari pelabur-pelabur asing. Pintu negara itu telah dibuka seluas-luasnya dan berbagai galakan telah disediakan. Di samping pengecualian cukai dan galakan kewangan lain yang ditawarkan kepada pelabur-pelabur asing, satu galakan yang amat penting yang turut ditawarkan oleh pemerintah negara itu ialah tenaga buruh yangbanyak dan murah.

### Keadaan Buruh di Bawah Regime Baru

Tenaga buruh adalah amat murah kerana tidak terdapat sebarang kesatuan sekerja yang tulin dan bebas di negara itu. Kesatuan-kesatuan sekerja yang dapat hidup setelah 1965 hanyalah SOKSI dan kesatuan sekerja Islam dan kedua-dua kesatuan ini berada dalam keadaan hampir mati.

Pada 1973, sebuah lagi gabungan kesatuan sekerja, FBSI (Federasi Buruh SeIndonesia), telah ditubuhkan oleh pihak kerajaan. Badan itu kemudiannya menjadi penyokong GOLKAR, sebuah parti politik yang dibentuk oleh pihak tentera.

Menurut seorang peguam yang terkemuka di Surabaya, FBSI ditubuhkan untuk "membantu pihak kerajaan mengawal kegiatan pekerja-pekerja". Kebenaran kenyataan ini mungkin dapat disokong oleh hakikat bahawa ia telah ditubuhkan sebelum kesatuan-kesatuan yang menjadi anggotanya ditubuhkan.

Di samping itu, sehingga kini, kesatuan-kesatuan dalam FBSI juga masih belum mempunyai perwakilan dalam kebanyakan kilang.

### Kebangkitan Kaum Buruh

Walaupun regim baru di Indonesia telah menjalankan kegiatan "pembersihan" dan FBSI tidak begitu aktif, tetapi bilangan kebangkitan kaum pekerja menentang penindasan terus berkembang. Menurut perangkaan dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), dalam tahun 1976 terdapat enam konflik perindustrian di Indonesia yang melibatkan kira-kira 1,420 orang pekerja. Tetapi, dalam tahun 1980, telah berlaku 198 pemogokan di negeri itu dan melibatkan seramai 21,660 orang pekerja.

Angka-angka ini adalah angka rasmi yang mungkin tidak meli-



puti konflik-konflik yang berlaku dalam kilang-kilang di mana FBSI masih belum mempunyai perwakilan. Tambahan pula, angka untuk tahun 1980 hanya merujuk kepada pemogokan sahaja: Ia tidak meliputi konflik-konflik perindustrian di mana pekerja-pekerja telah mengambil tindakan dalam bentuk melambat-lambatkan pekerjaan, menunjukan perasaan dan menghantar wakil-wakil mereka ke FBSI, Parlimen, pejabat-pejabat bantuan guaman dan suratkhabar. Ia juga tidak menunjukkan peningkatan dalam bilangan tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh pekerja-pekerja untuk mendapat gaji yang lebih tinggi dan keadaan pekerjaan yang lebih baik.

**Punca Kebangkitan**

Terdapat dua jenis faktor yang mempengarohi tindakan kaum pekerja di Indonesia, iaitu (a) faktor-faktor yang bersangkutan dengan sifat tenaga kerja dan (b) faktor-faktor yang berkaitan dengan keadaan ekonomi dan keadaan pekerjaan pekerja.

(a) **Tenaga Kerja**

Pertamanya, sebahagian besar dari tenaga kerja di Indonesia kini terdiri dari golongan muda, khususnya mereka yang berumur di antara 13-25 tahun. Walaupun di satu pihak keadaan ini membolehkan majikan membayar gaji yang lebih rendah kerana pekerja-pekerja ini belum berkahwin, tetapi di pihak yang lain pula hakikat ini juga membolehkan pekerja-pekerja ini bertindak dengan lebih berani lagi dalam usaha memperbaiki keadaan pekerjaan mereka. Di samping itu, kebanyakan dari mereka juga mungkin tidak mengalami kekejaman penindasan pada tahun 1965, Jesteru itu, mereka tidak merasa takut-takut untuk menuntut hak mereka.

Keduanya, dalam beberapa tahun yang lalu, sebilangan besar lulusan dari sekolah-sekolah teknik tinggi di Indonesia telah memasuki pasaran buruh negeri itu. Pendidikan yang mereka terima telah membolehkan mereka lebih yakin pada diri sendiri dan lebih sedar tentang undang-undang buruh. Ma-



*Di Sebuah Kilang Asing, Sumatra*

lahan, kini konflik sering berlaku apabila pekerja-pekerja sedar bahawa pihak majikan mereka sebenarnya telah melanggar undang-undang buruh.

Oleh kerana penentangan kaum pekerja di Indonesia semakin meningkat, maka orang ramai juga mula semakin sedar tentang masalah mereka. Berita-berita tentang konflik-konflik ini juga telah memberi kesedaran kepada kaum pekerja tentang undang-undang buruh dan perkara-perkara lain yang berkaitan seperti soal gaji minima yang ditetapkan oleh kerajaan. Kegiatan pertubuhan seperti badan-badan bantuan guaman, yang bergerak di seluruh Indonesia, juga telah membolehkan para pekerja menyedari akan hak-hak mereka di bawah undang-undang.

(b) **Keadaan pekerjaan**

Sementara itu, keadaan ekonomi Indonesia telah bertambah buruk dan tidak dapat diterima lagi oleh sebilangan besar kaum pekerja negeri itu. Perangkaan rasmi menunjukkan bahawa upah sebenar di Jakarta telah jatuh sebanyak 4.7% pada bulan Januari 1982. Tetapi, penyelidikan FBSI telah menunjukkan bahawa angka kejatuhan sebenarnya adalah lebih besar, iaitu 9.2%.

Gaji minima rasmi di Jakarta (salah sebuah bandaraya di dunia di mana kos hidupnya adalah di antara yang termahal) kini ialah Rp 750 (kira-kira $2) sehari. Akan tetapi, mengikut satu kenyataan yang dibuat dalam satu seminar anjuran FBSI yang diadakan pada bulan Oktober 1982, lebih sejuta pekerja-pekerja perusahaan Indonesia (yang berjumlah lebih dari 3 juta orang kesemuanya) menerima gaji kurang dari Rp 300 sehari.

Gaji yang kurang dari Rp 750 sehari ini memang tidak mencukupi untuk membolehkan pekerja-pekerja mendapat keperluan asas bagi diri dan keluarga mereka. Menurut satu perkiraan yang terdapat dalam buku *Pekerja Indonesia & Hak Mereka Berorganisasi*, gaji minima Rp 600 sehari bagi pekerja di Jakarta pada tahun 1979 hanya cukup untuk membeli sedikit beras, daun keledek, dua biji pisang, 1 liter minyak tanah untuk memasak dan mengisi pelita, tambang bas ke tempat kerja dan mungkin sedikit mancis, garam, sabun atau teh. Dengan pendapatan sebanyak itu, mereka tidak mampu untuk membeli daging, pakaian, ubat-ubatan dan buku-buku.

Di samping itu, pekerja juga tidak diberi sebarang jaminan pekerjaan, cuti sakit dan perlindungan keselamatan di tempat kerja. Semua bentuk pekerjaan mempunyai ciri yang hampir sama iaitu: pihak majikan boleh mengambil pekerja-pekerja untuk bertahun-tahun bekerja di kilang dan tempat perusahaan lain mereka tanpa memikul tanggung-jawab dari segi memberi cuti, gaji semasa sakit dan jaminan pekerjaan. Sebaliknya, jika seseorang pekerja tidak dapat bekerja kerana sakit, maka ia boleh didenda.

**Sifat Konflik**

Bentuk FBSI dan kesatuan-kesatuan yang menjadi anggotanya telah mengakibatkan pekerja-pekerja sendiri terpaksa mengambil langkah-langkah awalan dalam menentang penindasan yang mereka hadapi. Oleh kerana itu, tindakan pekerja-pekerja itu hanya berlaku

dalam sebuah kilang sahaja pada satu-satu masa. Oleh kerana kadar pengangguran yang tinggi, pihak majikan dengan mudah boleh membuang pekerja-pekerja yang memprotes dan mengambil pekerja-pekerja baru. Faktor-faktor lain, seperti umur pekerja yang terlalu muda dan kekurangan wang serta pengetahuan untuk terus mempertahankan perjuangan mereka, sering juga menghadkan tindakan pekerja-pekerja. Di samping itu, tindakan mogok oleh pekerja-pekerja boleh diistiharkan sebagai haram oleh pihak pemerintah sekiranya pekerja-pekerja tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.

Walaupun pekerja-pekerja terpaksa menghadapi masalah-masalah ini, tetapi sebanyak 5,000 6,000 "kes pekerja" telah berlaku sepanjang bulan Jun 1981 hingga bulan Julai 1982. Di samping itu, pekerja-pekerja Indonesia juga telah menunjukkan keteguhan mereka serta hasrat yang kuat untuk berpadu tenaga dalam perjuangan mereka.

Perjuangan pekerja-pekerja di P.T. Textra, jelas menunjukkan keteguhan pekerja-pekerja Indonesia dalam menghadapi cabaran. Walaupun mereka menghadapi berbagai halangan – seperti pembuangan kerja, penahanan, pengkhianatan dari FBSI – tetapi perjuangan mereka telah berlanjutan selama sepuluh bulan. Perpaduan di kalangan pekerja yang terlibat dapat juga dilihat dari segi bilangan mereka yang sanggup pergi berhadapan dengan berbagai badan – termasuk satu golongan dari pihak pemerintah di Parlimen dan Lembaga Pusat FBSI – untuk menjelaskan tuntutan mereka. Kesedaran pekerja tentang hak untuk bergerak dapat pula dilihat dari segi tuntutan mereka kepada Lembaga Pusat FBSI supaya diadakan satu pemilihan yang demokratik bagi mengisi berbagai jawatan dalam kesatuan sekerja di kilang mereka.

Sebenarnya, cici-ciri ini terdapat dalam hampir kesemua tindakan pekerja-pekerja dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Misalnya, 42 daripada 90 buah kes yang dilaporkan dalam sebuah majallah pekerja telah dimulai dengan tuntutan pekerja untuk berkesatuan. Lapuran Institut Bantuan Guaman Jakarta tentang hak-hak manusia, yang diterbitkan pada 1981, juga mencatitkan lima buah kes seumpama ini di Jakarta. Tetapi, apabila para pekerja menuntut hak mereka, pihak majikan akan mengambil langkah membuang mereka sementara pihak pemerintah pula akan menahan mereka. Walaupun begitu, konflik perusahaan di Indonesia masih terus meningkat.

### Reaksi Pemerintah dan Media Massa

Pihak pemerintah Indonesia memang sungguh tidak senang melihat perkembangan ini dan telah berusahaan untuk menyekat tindakan para pekerja. Sebagai permulaan, KOPKAMTIB telah mengeluarkan satu arahan kepada semua pemerintah tentera wilayah dan daerah supaya campur tangan dalam mana-mana konflik perindustrian dan mengambil langkah untuk menghalang "anasir-anasir asing" dari terlibat. "Anasir-anasir asing" yang dimaksudkannya terdiri dari kumpulan-kumpulan bantuan guaman, wartawan dan mereka-mereka yang bersimpati dan membantu para pekerja – anehnya pihak tentera tidak pula menganggap diri mereka sebagai satu "anasir asing" dalam konflik pekerja-majikan.

Di peringkat ideologi dan propaganda, senjata utama yang digunakan oleh pemerintah untuk menyekat para pekerja dari berkesatuan dan melancarkan tindakatan mogok ialah konsep "hubungan buruh Panca Sila". Mengikut konsep ini, pekerja dan majikan dikehendaki mencapai kata sepakat dalam rundingan-rundingan mereka. Kedua-dua pihak tidak digalakkan menggunakan senjata selalu digunakan dalam proses tawar-menawar. Oleh itu, pekerja-pekerja tidak digalakkan mengguna senjata mogok dengan alasan bahawa tindakan tersebut akan merugikan para



pekerja sendiri. Pihak majikan pula tidak harus membuang pekerja-pekerja sebagai satu senjata untuk menekan para pekerja. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini belum terdapat seorang majikan pun yang telah ditahan oleh pihak pemerintah atas kesalahan membuang pekerja-pekerjanya.

Secara umumnya, reaksi dari media massa terhadap masalah pekerja adalah berlainan dari reaksi pihak pemerintah. Akhbar-akhbar lebih mengkritik penindasan pihak majikan dengan tegas dan jarang menyeru pekerja supaya tidak me-

lancarkan mogok. Berita-berita mengenai tindakan pekerja-pekerja sering disiarkan dan laporan-laporan mereka lebih menunjukkan sikap simpati terhadap tindakan pekerja-pekerja.

Dengan keadaan kemerosotan ekonomi dunia menjadi semakin buruk, pihak pemerintah Indonesia dijangka akan menggalak lebih banyak lagi pelabur asing datang ke negeri itu. Sekarang ini, ramai pekerja-pekerja telahpun di buang kerja secara beramai-ramai. Ini akan menambahkan lagi bilangan mereka yang menganggur di negeri itu. Di samping itu, apabila hasil eksport minyak dan barangan utama lain merosot, pihak pemerintah akan mengenakan cukai yang lebih tinggi keatas sektor swasta untuk membiayai projek-projek pembangunannya. Langkah ini juga sudah tentu akan menambahkan tekanan terhadap kadar upah yang dibayar kepada para pekerja.

Dalam keadaan ini, pekerja-pekerja Indonesia akan menghadapi satu cabaran besar dalam usaha mempertahankan hak-hak mereka dan memperbaiki keadaan hidup mereka di tahun-tahun yang akan datang. Cabaran ini mula-mula akan datang dari syarikat transnasional yang bukan sahaja bergiat di Indonesia tetapi di seluruh dunia. Malah kegiatan syarikat-syarikat ini juga merupakan satu faktor penting yang telah mengakibatkan kemerosotan ekonomi dunia sekarang ini. Oleh yang demikian, cabaran yang dihadapi oleh pekerja-pekerj Indonesia sekarang adalah sama dengan cabaran yang dihadapi oleh pekerja-pekerja lain di seluruh dunia, iaitu cabaran untuk mempertahankan kehidupan mereka dari dikuasai oleh golongan modal antarabangsa dan golongan elit tempatan ●



# THAILAND: 30 BUAH KESATUAN AKAN KELUAR DARI LCT

Lebih kurang 30 buah kesatuan sekerja akan keluar dari Kongres Buruh Thailand (LCT) dan memasuki lawannya, Persekutuan Kesatuan Sekerja Thai (Thai-Trade Union Cenfederation — TTUC)

Kesatuan-kesatuan sekerja itu adalah penyokong-penyokong Paisal yang telah meletakkan jawatannya dari kongres tersebut tahun lalu untuk membentuk TTUC. Paisal berkata bahawa '70 buah kesatuan lagi dari LCT akan meninggalkannya dan menganggotai TTUC.

LCT kini mempunyai keahlian seramai 172 buah kesatuan sekerja dan lebih kurang 70 buah kesatuan dipercayai adalah pre-Paisal. Paisal telah menjadi Presiden LCT untuk beberapa tahun dan mempunyai sokongan yang kuat.

Presiden LCT Ahmad Khamthetthong berkata jawatankuasa eksekutif badan buruh itu sedar tentang perletakan jawatan kesatuan-kesatuan sekerja yang akan datang itu. Apabila disoal samada perletakan jawatan itu akan mempengaruhi LCT atau tidak, Ahmad berkata, "Memang tidak boleh dinafikan bahawa perletakan jawatan mereka akan mengakibatkan kesan yang mendalam terhadap kongres itu. Ia akan memperdalamkan lagi pembahagian di dalamnya sendiri."

Puan Noppamas Manikharat, seorang eksekutif dari kesatuan sekerja Thailand Tobacco Monopoly telah memberitahu bahawa kesatuannya juga akan meletakkan jawatan secara rasmi dalam satu mesyuarat LCT tidak lama lagi.

Beliau berkata, "Kita harus keluar dari LCT yang semakin giat melibatkan diri dalam bidang politik dan yang menyeleweng dari doktrin kesatuan kita."

Ahmad bersama-sama beberapa pemimpin LCT yang lain telah menyokong pergerakan untuk mengubahkan Perlembagaan. Mereka juga telah menyokong pihak tentera dalam usahanya untuk meminda undang-undang Perlembagaan.

Mereka telah dikritik oleh pemimpin buruh yang lain untuk peranan politik ini ●



# PEROMPAKAN KEMAHIRAN DAN TENAGA BURUH FILIPINA

J. Lopez



*Para Pekerja Filipina di sebuah negara Asia*

Angka-angka ini telah dibentangkan dengan perasaan bangga di sidang akbar Kementerian Buruh dan Pekerjaan Filipina (MOLE): 800,000 ataupun hampir sejuta orang Filipina yang bijak dan kuat badan telah dihantar ke seberang laut untuk bekerja. Pada 1981 para pekerja ini telah menghantarkan sejumlah AS$525 juta balik ke Filipina. Ini merupakan tambahan 24.7% jika berbanding dengan 1980.

Akbar-akbar harian sering mengiklankan peluang-peluang pekerjaan yang kononnya menarik di Timor dan negara-negara lain. Iklan-iklan ini diperkuatkan lagi oleh kisah-kisah "Kejayaan" dan artikel-artikel rencana tentang cara hidup baru pekerja seberang laut yang kononnya lebih "maju".

Pengeksportan tenaga buruh telah menjadi ciri utama dalam dasar pekerjaan dan tenaga buruh kerajaan Filipina. Presiden Marcos sendiri telah membincangkan dengan pihak Arab tentang kempen yang lebih intensif lagi untuk menghantarkan pekerja-pekerja Filipina ke Timor Tengah.

Di bawah rancangan itu, rombongan-rombongan perdagangan dan agensi-agensi pekerjaan akan dihantar ke seberang laut dan perkhidmatan pengambilan pekerja di sektor swasta mahupun sektor kerajaan akan diperbaiki lagi.

Di Arab Saudi, terdapat lebih kurang 150,000 orang pekerja Filipina. Mereka adalah pekerja-pekerja mahir dan profesyenal yang bekerja di beberapa bandar besar, iaitu Jeddah, Riyadh, Damman, Dhahran dan baru-baru ini di Yanbu dan Jubail – kawasan-kawasan pembangunan baru.

MOLE ingin mengeksportkan 250,000 orang pekerja Filipina lagi ke negara ini. Dari pengeksportan para pekerja ini, kerajaan Filipina mengharapkan pendapatan sebanyak AS$3 bilion. Dalam lima tahun berikutan, MOLE bertujuan mengirimkan lebih kurang sejuta pekerja Filipina ke Timor Tengah. Ini adalah dari jumlah besar 20 juta pekerja Filipina yang wujud.

Dasar pengeksportan tenaga buruh telah dimulakan dengan kelulusan Kod Buruh. Kajian-kajian telah dibuat sebelumnya untuk mengetahui keadaan buruh dan menyelesaikan jurang antara tenaga buruh yang bertambah dengan pesatnya dan peluang pekerjaan yang makin kurang.

Keadaan yang tidak tenang di kalangan para penganggur mengancamkan 'keselamatan negara'. Tanda-tanda ini bahawa kekacauan sosial akan berlaku mengakibatkan pemerintahan mengeksportkan tenaga buruh.

Pada 1974, satu kempen pengeksportan tenaga buruh telah dilancarkan. Pengeksportan tenaga buruh telah mengemuncak pada 1975. Tokoh-tokoh politik dan kakitangan kanan kerajaan melaburkan dalam agensi-agensi pekerjaan.

**Kos Ekonomi**

Dasar ini merugikan ekonomi sebuah negara yang membangun seperti Filipina. Akibatnya ialah kerugian para pekerja yang mahir dan berpendidik. Kos latihan dan pendidikan ini amatlah besar.

Kerajaan Filipina telah membelanjakan beberapa billion dolar yang didapati daripada pinjaman dan cukai rakyat untuk memberi latihan teknikal kepada para pekerja. Langkah ini menunjukkan keperluan tenaga buruh yang mahir.

Pengalaman negara-negara lain yang pernah mengeksportkan tenaga buruhnya menunjukkan bahawa dasar itu membawa kesan buruk pada jangkamasa panjang kepada ekonomi negara. Pergantungan pada

pengiriman wang dari luar negeri boleh menyebabkan kemiskinan apabila ekonomi dunia merosot.

Jika ekonomi dunia merosot, permintaan tenaga buruh juga akan jatuh dan negara-negara yang mengeksportkan tenaga buruh akan menghadapi masalah pengangguran yang lebih tinggi serta pertukaran wang asing yang makin berkurang. Keadaan begini boleh membawa kepada keruntuhan ekonomi negara itu.

Kajian di negara-negara lain menunjukkan bahawa pengeksportan buruh mahir adalah lebih berfaedah kepada negara-negara yang mengimportkan tenaga buruh. Pengimportan tenaga buruh menjimatkan kos penubuhan institusi-institusi pelajaran untuk melatihkan pekerja.

Persidangan Perdanganan dan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD) mengtakrifkan ini sebagai 'pemindahan teknologi terbalik'. Sebenarnya pemindahan ini bukan lain dari satu perompakan kemahiran dan tenaga buruh besar. Sebaliknya, negara-negara yang mengimportkan tenaga buruh juga mengalami kerugian besar oleh kerana mereka tidak membelanja untuk melatihkan kaum pekerja mereka sendiri.



*Permintaan Untuk Pekerja-Pekerja Filipina yang mahir sangat tinggi*

**Kos Sosial**

Malangnya, negara Filipina sendiri mengalami kekurangan tenaga buruh mahir. Syarikat-syarikat telah bersuara mengenai kehilangan pekerja mahir kepada pasaran asing.

Ramai dari sektor swasta merasa bimbang tentang pemindahan kemahiran dan tenaga buruh di bawah rancangan pengeksportan tenaga buruh yang agresif. Satu laporan sulit oleh pegawai-pegawai buruh tinggi yang bertarikh 25hb. April 1982 mengatakan bahawa rancangan itu telah menyebabkan malapetaka dalam bidang perniagaan.

Dalam dua tahun kebelakangan ini, tidak ada sebarang pekerjaan tempatan baru yang diwujudkan. Laporan itu mendedahkan lagi bahawa bilangan pekerjaan telah jatuh 1.4% antara tahun 1979 dan 1980.

Apabila permintaan tenaga buruh Filipina jatuh, para pekerja yang pulang dari seberang laut akan menghadapi kesulitan besar untuk mendapat pekerjaan ●

# 3600 ORANG ASKAR KHAS THAI BAGI TIMUR TENGAH

Pengeksportan tenaga buruh bukan hanya terhad kepada Filipina sahaja. Baru-baru ini, tentera Thai dilaporkan akan menghantarkan satu rombongan yang terdiri dari 3600 orang askar untuk bekerja di Timur Tengah agar pengangguran dikurangkan dan pertukaran wang asing dibawa masuk dalam negeri.

Rancangan pengeksportan tenaga buruh yang baru ini telah dimulakan oleh Panglima Tertinggi tentera Gen. Arthit Kamlang Tujuan utama rancangan tersebut adalah untuk membekalkan pekerja-pekerja Thai yang berdisiplin ketat supaya dapat bertanding dengan pekerja-pekerja lain dari Korea Selatan, Filipina dan Pakistan – di Arab Saudi.

Lt. Gen. Pat berkata Thailand akan menghantar seramai 10,000 orang askar simpanan setahun Timur Tengah menjelang 1985.

Kini, lebih kurang 200,000 orang pekerja Thai sedang bekerja di Timur Tengah. Mereka telah mengirimkan AS$320 juta pada 1981. Pengiriman wang pada tahun lalu dianggarkan akan melebihi AS$450 juta dan ini mungkin melebihi tukaran wang asing yang diperolehi dari getah dan bijih timah.

Lt. Gen. Pat berkata rancangan itu dikendalikan melalui agensi-agensi pekerjaan swasta yang amat bertanggungjawab. Tambang pengangkutan akan dibayar oleh Krung Thai Bank, Bank Tentera Thai dan Bangkok Bank, iaitu Bank perdagangan Asia yang terbesar.

Sementara itu, seramai 100 orang pekerja Thai dilaporkan terkandas di Arab Saudi. Kebanyakan dari mereka adalah pekerja-pekerja wanita dan mereka telah memperolehi perlindungan sementara di pejabat buruh Thai di Timur Tengah.

Malah, 300 pekerja Thai telah pun dihantarkan balik ke negeri Thai daripada Arab Saudi sejak mula tahun ini ●

# INDIA: PERJUANGAN PEKERJA-PEKERJA TANUR BATU-BATA MENENTANG PENGABDIAN DAN PENINDASAN

E.J. Shah

Kemiskinan dan kebuluran telah memaksa penduduk-penduduk luar-bandar berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain untuk mencari pekerjaan. Seorang petani yang mempunyai sebidang tanah yang kecil dan pekerja-pekerja yang tidak mempunyai tanah tidak mampu meneruskan kehidupan dan terpaksa meninggalkan kampung mereka.

Tanpa sebarang harapan, ia akan pergi ke bandar bersama-sama isteri dan anak-anaknya untuk mencari pekerjaan. Ia akan meninggalkan kampung halamannya dan yang lebih penting, ia akan meninggalkan masyarakat dan kehidupan sosialnya. Desakan ekonomi menyebabkan kehidupannya seperti seorang nomad dan ia tidak dapat mengidentifikasikan dirinya dengan alam sekitarnya.

Untuk mengatasi kebuluran, ia terpaksa bekerja dalam keadaan-keadaan yang tidak berperikemanusiaan dan terpaksa mengalami penindasan serta penghinaan.

Mengapakah semua ini berlaku? Kerana ia miskin dan memerlukan makanan bagi dirinya dan keluarganya setiap hari. Ia *menjualkan* tenaganya. Apabila tenaga buruh berlebihan, tenaganya tidak dipentingkan dan ia terpaksa menerima apa yang diberikan kepadanya.

Oleh kerana pekerja-pekerja ini tersibar dan tidak disatukan, ia sering bimbang kerana jika ia menolak sesuatu pekerjaan yang membayar gaji tertentu, ada ramai orang lagi yang sedia menggantikan tempatnya.

**Pekerja Tanur Batu-Bata**

Satu kategori pekerja-pekerja yang mengalami keadaan tersebut adalah pekerja tanur batu-bata. Mereka mendedahkan badan mereka kepada sinaran matahari yang teruk dan menghadapi berbagai jenis penganiayaan serta penindasan ekonomi sepanjang hidup mereka.



Di India ada lebih kurang 10,000 tanur batu-bata yang besar. Di Delhi dan kawasan-kawasan sekitarannya, terdapat 400 tanur besar yang mempunayi 30,000 orang pekerja. Tuan punya tanur dapat memperolehi keuntungan dalam tempoh setahun dan mereka mendirikan satu lagi tanur dengan keuntungan ini. *Akan tetapi pekerja-pekerja yang bertanggungjawab atas keuntungan itu terpaksa bekerja dalam keadaan-keadaan yang amat memeranjatkan tahun demi tahun.*

Musim kerja dalam tanur batu-bata bermula pada bulan Oktober sehingga Jun. Pekerja-pekerja tidak mempunyai sebarang pendapatan selama tiga bulan dalam setahun. Mereka yang mempunyai sebidang tanah pertanian yang kecil cuba memperolehi pendapatan darinya akan tetapi ini tidak mencukupi.

Kebanyakan pekerja-pekerja terpaksa meminjam wang dalam tempoh tiga bulan ini. Walaupun mereka bekerja selama sembilan bulan dalam tanur, namun mereka bekerja selama sembilan bulan dalam tanur, namun mereka tidak dapat menyimpan sebarang wang untuk tiga bulan ini. Dalam tempoh tiga bulan ini, mereka terpaksa menggadai tanah atau ternakan mereka agar mendapat pinjaman.

**Perhambaan Untuk Pendahuluan Kecil**

Apabila pekerja-pekerja mula bekerja dalam tanur, mereka diberi pendahuluan sebanyak Rs. 500 atau Rs. 600. Selepas itu, pekerja-pekerja dan keluarga mereka terpaksa bekerja selama sembilan bulan bagi tuanpunya tanur tanpa gaji bulanan. Mereka hanya diberi sedikit ganjaran untuk perbelanjaan seharian. Kadangkala, mereka diberi wang tunai.

Akaun pekerja diselesaikan dua kali setahun iaitu semasa perayaan Holi dan diakhir bulan Jun sebelum mereka balik ke kampung masing-masing. Biasanya tuanpunya tanur mendapati bahawa pekerja-pekerjanya telah *overdraw*, iaitu membelanja lebih daripada pendapatannya.

Apabila seseorang pekerja *overdraw*, tuanpunya tanur akan menahan isteri dan anak-anak pekerja. Mereka hanya dibenarkan pulang selepas pekerja itu telah membayar bakinya.

Dengan memberi sedikit pendahuluan, tuanpunya tanur secara tidak langsung mempunyai seluruh tenaga keluarga dan amalan ini dipanggil buruh terikat. Terdapat banyak contoh dimana pekerja-pekerja yang berhutang terikat selama 6-B tahun dan tidak dapat pulang ke kampungnya pada musim tidak bekerja.

**Berjenis-jenis bentuk penindasan**

Satu sistem surat juga wujud dalam tanur-tanur batu-bata ini. Apabila seseorang pekerja didapati *overdraw*, ia akan diberi satu surat yang sebenarnya merupakan satu siji! berhutang. Jika pekerja ini mula bekerja dalam sebuah tanur batu-bata yang lain, tuanpunya tanur ini akan menjelaskan hutang ini dan membayarnya balik kepada tuanpunya pertama itu. Amalan ini merupakan perniagaan dalam pekerja-pekerja dikalangan tuanpunya tanur.

Semasa pekerja-pekerja dibawa dari kampung asal mereka, mereka tidak diberitahu tentang kadar pendapatan mereka. Apabila mereka menyoal mengenainya, orang tengah yang dipanggil *Jamadar* yang menyenaraikan pekerja-pekerja ini akan memberitahu mereka bahawa gaji mereka akan dibayar sebagai kadar *mandi*. Sekumpulan tuanpunya tanur akan menentukan kadar *mandi*. Pekerja-pekerja terpaksa bersetuju dengan kadar tersebut.

Terdapat cara-cara lain untuk menipu pekerja-pekerja tanur batu-bata. Biasanya mereka dibayar bagi setiap 1000 batu-bata. Tetapi, untuk setiap 1,000 batu-bata yang dibuat, satu pemotongan gaji sebanyak 30 batu-bata dilakukan. Pemotongan gaji ini dibuat atas alasan bahawa pekerja akan memecah batu-bata semasa bekerja.

Jadi sebenarnya, setiap pekerja terpaksa membuat 30 batu-bata tambahan bagi setiap 1000. Kalau hujan turun semasa batu-bata itu sedang kering, maka pekerja hanya dibayar setengah dari gaji mereka sahaja. Ini digelarkan *pariya*.

Penggunaan *tama, parchi, pariya* dan istilah-istilah lain membuktikan bahawa bentuk-bentuk penindasan ini telah diinstitusikan dan ia telah menjadi sebahagian dari kehidupan seharian mereka. Sebarang usaha tidak diambil untuk menentang pemindasan ini sehingga 1975.

**Perjuangan Pertama**

Pada 1975, perjuangan pertama bagi kenaikan gaji telah dilakukan oleh pekerja-pekerja tanur batu-bata di Delhi. Semua pekerja-pekerja dari Mehrauli telah berarak dan menunjuk perasaan. Pekerja-pekerja dari parti-parti politik yang berlainan turut menunjuk perasaan.

Tuanpunya tanur enggan menerima tuntutan kenaikan gaji. Oleh itu, pekerja-pekerja telah bermogok. Namun telah bermogok selama 13 hari, tetapi sebarang penyelesaian pun belum diadakan.



Pekerja-pekerja tersebut sedia berarak ke rumah Perdana Menteri. Satu perjanjian telah ditetapkan untuk hari Ahad. Malangnya, mesyuarat dengan Perdana Menteri itu tidak dapat diadakan.

Pekerja-pekerja tanur batu-bata bercadang untuk melanggar undang-undang pencegahan yang telah dipaksakan di bawah Seksyen 144. Seramai 3000 orang pekerja termasuk 1000 orang pekerja perempuan memberanikan tahanan.

Sementara itu, perundingan dijalankan dengan tuanpunya tanur. Pada mulanya, mereka enggan menerima tuntutan kenaikan gaji itu, tetapi akhirnya, mereka tidak mempunyai pilihan lain dan terpaksa bersetuju untuk menaikkan gaji pekerja-pekerja.

**Perjuangan Kedua**

Perjuangan kedua telah bermula pada 15hb Februari 1978 dengan satu permogokan yang meluas. Pekerja-pekerja tanur batu-bata mula berhimpun di India Gate di Delhi pada musim dingin. Sebahagian besar dari mereka tidak mempunyai katil atau kain untuk melindungi kaki mereka.

Tanpa menghiraukan keadaan cuaca, pekerja-pekerja menuntut agar gaji mereka dinaikkan dari Rs 14/- kepada Rs 17/-. Mereka menegaskan bahawa keadaan pekerjaan harus diperbaiki dan pemotongan seperti *tama* dan *pariya* patut dihapuskan.

Isu yang paling penting bagi mereka ialah kebebasan dari syarat buruh terikat. Seramai 50,000 orang pekerja dari 250 buah tanur batu-bata dari Delhi telah menganggotai perjuangan itu walaupun permogokan itu mengambil masa yang panjang.

**Kemenangan dan Penyelesaian**

Perjuangan itu nampaknya menghadapi jalan buntu tetapi keadaan berubah apabila Gabenor Delhi menjadi bimbang. Pekerja-pekerja tidak menunjukkan sebarang tanda bahawa mereka akan menghentikan permogokan itu setelah 26 hari. Pihak pentabiran bercampurtangan untuk menyelesaikan tuntutan pekerja. Gaji mereka dinaikkan kepada Rs 17/-.

Pekerja-pekerja telah menimbulkan cogankata "Apabila hamba-abdi sedar tentang perhambaan mereka, mereka akan bangun menentangnya." Pemimpin-pemimpin pekerja percaya bahawa jika golongan miskin tidak sedar tentang kekuatan mereka, maka penindasan terhadap mereka tidak akan terhenti ●

# JAPANESE LABOUR FACES RIGHT-WING OFFENSIVE

## An Interview with Editor of **RODO JOHO** (Workers Information)



*Militant Japanese Workers Oppose Formation of Right-Wing Unions By the Bosses*

**Union Structure Suppresses Workers**

**Q:** How have the rightists been trying to undermine the Japanese labour movements?

**A:** Since the mid-1960s, some Japanese unions have been actively promoting rationalization on behalf of monopoly capital. The period from the late 1950s through the mid-1960s, Sohyo laid emphasis on class struggles at the point of production, and actively led these struggles to defend the workers' interests. But these struggle at the shopfloor level have been eliminated by the rightist, company-dominated unions, in collaboration with capitalists and supervisory staff.

This will become clear if we look at a series of rationalization schemes adopted by the steel industry, which has grown to be the world's largest.

The first scheme is a *new wage system* called *shokumu-kyu* (literally, job-based wages); it constitutes a subtle and deceptive means for rationalizing wage differentials according to evaluation of workers' performance.

The second scheme introduced is a *new supervisory-staff system;* which violently disrupted the solidarity among workers.

The third scheme is a drastic *increase in* the percentage of *subcontract workers* in the workforce. The subcontract workers are severely discriminated against and treated differently from regular employees in every conceivable way – not only in terms of working conditions and wages, but also in matters such as the order in which they can take showers after work, the canteen where they eat, the locker room where they change clothes, and the gate through which they enter and leave the plant. Moreover, the subcontracting companies seldom provided their workers any benefits or permit union activities.

By artificially dividing the workforce into regular production workers who account for 35 per cent of the total and subcontract workers who account for 65 per cent, by treating these two groups very different-

ly, and by pitting the two against each other and making them compete with each other, the capitalists are assured of lucrative profits..

The fourth scheme employed to control the workers is to organize them into small groups called QC (i.e., "*quality control") circles* and ZD (i.e., "*zero defect") circles.* On the shopfloor level, workers are organized into groups of 5 to 10, and each group is encouraged to compete with others and contribute to the company by making proposals for work process improvements.

The scheme is meant to extract extra profits from them at virtually no additional cost. Originally imported from the U.S., this scheme has been put to more effective use in Japan than anywhere else.

Fifth, there is a *home-buying plan,* which is actively promoted by the Ministry of Labour and large corporations. A worker is encouraged to purchase his own house with a company loan repayable over 20 to 30 years, with the workers retirement pay as the security. This is a deliberate means of forcing the worker to remain loyal to the company until retirement.

The sixth scheme in wide use in large companies is *endorsement of candidates for public offices on an enterprise basis.* The union and the management of a large corporation jointly encourage the workers to vote for particular condidates, mostly those of the Democratic Socialist Party, which – holds many positions in common with the monopoly capitalists.

It is easier for the capitalists and the labour aristocrats to encourage workers to vote for candidates of a party claiming to be democratic and socialist than for the liberal Democratic Party, whose candidates are either big capitalists or former high ranking bureaucrats. Yet, the LDP itself admits that the DSP is more to the right than the LDP.

The seventh scheme is *control over workers' leisure time.* Capitalists are eager to control the life of the worker both while he is on duty and off duty. For instance, not a few companies sponsor recreational events and even tours abroad.

And the eighth scheme is careful cultivation of the *labour aristocrats.* A larger corporation usually regards the union at the company as one and the same thing as its personnel management department. At various levels of supervisory and administrative jobs, prospective candidates are picked and encouraged to serve as union officials.

If they perform well in their union duties – in the service of the company – they get promoted in their company jobs too. The basic orientation of a union of this sort is not mere "labour-capital *collaboration*" but "labour-capital *unification.*" Such a union is more capitalist than the company.

**Unorganized Workers: Crucial Issue**

**Q:** As the capitalist crisis deepens, the stratification the owrking class seems to be growing ever more severe.

**A:** Schematically speaking, the workers under domination of Japanese capitalism may be broken down as follows.

Throughout the 1970s, Japanese monopoly capital intensified its rationalization drive, and created a massive army of low-waged workers inside Japan, while extracting super-profits from workers in the Third World. The number of low-paid part-time jobbers and subcontract workers is growing enormously, especially in the service and maintenance sectors in large cities such as clean-up of buildings and trains. In the past two years, the numbers of part-time jobbers increased by 1.2 million.

Besides these underprivileged workers, there is a vast number of unorganized workers who are without any job security. One of the main objectives of the labour front reorganization drive is to keep the division between the organized and unorganized workers intact and reinforce it still further. The growing capitalist crisis makes the issue of unorganized workers all the more important.

On the one hand, the crisis has a tendency to promote a rightwing development among workers. Historically speaking, the Second World War was triggered by the Great Depression of 1929 and the resulting mass unemployment.

At that time, six out of every 10 German workers were out of work. These jobless workers were mostly unorganized; they were so desperate to survive from one day to the next that they willingly accepted any jobs, whether in the military industry or in the military itself, and thus fell prey to fascism.

On the other hand, the deepening crisis also compels many workers to stand up and fight back as the only means of survival. So the question of which direction the underprivileged, unorganized workers will take is a matter of life and-death for the capitalists as well as for progressives.

Now that large corporations and large unions have won unchallenged control of their own shopfloors, they are trying to do the same with the nation as a whole. The rightist drive for labour front reorganization is thus linked to the steped-up militarization of Japan, and is aimed at neutralizing anyone who dares to oppose the ruling class ●



# PLO TERUS MEMIMPIN



*Arafat: Berjaya mendapat persetujuan*

Majlis Kebangsaan Palestin (MKP) yang dihadiri oleh lebih kurang 350 orang wakil telah mendebatkan masa depan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) sebagai pemimpin rakyat Palestin.

Walaupun terdapat perbezaan asas di antara 8 kumpulan gerila yang menganggotainya, MKP berjaya mengekalkan perpaduan dalam persidangan yang paling genting sejak ditubuhkan.

Perkara paling penting dalam ajenda MKP adalah rancangan Ronald Reagan bulan September lalu. Rancangan ini menafikan penubuhan sebuah negara Palestin yang bebas meskipun ia mencadangkan agar Tebing Barat dan Gaza, yang ditakluki oleh Israel, diperintah oleh Jordan.

Pengerusi PLO, Yasir Arafat yang juga memimpin Fatah, nampaknya, berjaya mendapatkan persetujuan persidangan mengenai soalan pokok ini.

Kenyataan yang disiarkan oleh MKP pada 22hb Februari tidak menolak sama sekali rancangan Reagan walaupun MKP "tidak akan menimbangkannya" kerana ia menafikan hak kebangsaan Palestin.

Arafat berjaya mengatasi penentangan yang hebat dari golongan militan. Ketua Barisan Popular Pembebasan Palestin, George Habash telah mendesak persidangan itu "menolak dengan tegasnya" sekim Amerika Syarikat itu. Menurutnya, Rancangan Reagan "menjatuhkan maruah PLO kerana ia menafikan hak-hak Palestin dan PLO."

Pemimpin Barisan Demokratik Pembebasan Palestin, Nayef Hawatmeh juga bersetuju dengan pendapat Habash.

"Kami tidak bersetuju langsung dengan rancangan Reagan," Hawatmeh berkata "Kami juga tidak bersetuju bahawa satu rombongan Jordan-Palestin dibenarkan berunding mengenai rancangan Amerika Syarkat."

Ketua Barisan Popular-Pimpinan Umum, Ahmed Gebril mengatakan, "Sekiranya MKP mengesahkan rancangan Reagan, perceraian akan berlaku!" Gebril memberi amaran bahawa, "kami akan terpaksa keluar dari PLO dan MKP."

Farouk Khadoumi, jurucakap PLO dan seorang rakan Arafat yang rapat, juga melahirkan keraguannya terhadap tawaran Amerika Syarikat.

Khadoumi mengatakan bahawa rancangan Reagan bertujuan "menghapuskan revolusi Palestin" melalui "penggantian Palestin dengan Jordan." Apa yang dianggap perkara positif dalam rancangan itu sebenarnya adalah "penipuan semata-mata", katanya.

Yassir Arafat bukan sahaja dicabar oleh golongan militan, beliau juga menghadapi desakan dari golongan sederhana. Misalnya, Datuk Bandar Bethlehem, Elias Freij mahukan Israel diiktiraf oleh PLO dan Rancangan Reagan dibincangkan.

Bagaimanapun, Arafat berjaya mempengaruhi persidangan itu supaya menyokong Pernyataan Fez.

Satu perkara yang penting dalam hal ini ialah satu usul yang menyeru Majlis Keselamatan, Bangsa-Bangsa Bersatu menjaminkan keselamatan semua negara di rantau itu; dengan ini ia mengiktirafkan kewujudan Israel secara tidak langsung.

Mungkin ini akan disambut baik oleh golongan pendamai, dan boleh menjaminkan masa depan negara Palestin sekiranya ia ditubuhkan di Tebing Barat.

Pada jangka masa panjang, pendirian ini akan membantu kegiatan-kegiatan rakyat Israel yang mahukan perdamaian. ●

## AMERIKA MEMBANTU ISRAEL

Israel adalah penerima bantuan ekonomi dan ketenteraan Amerika yang terbesar.

Israel akan mendapat AS $17 bilion untuk tentera dan $785 untuk ekonomi, Mesir $1.3 bilion (tentera) dan $750 juta (ekonomi), Turki $755 juta dan $175 juta. Pakistan: $300 juta dan $255 juta, Greece $280 juta (semua untuk tentera), Korea Selatan $230 (kesemua untuk tentera), El Salvador $85 juta tentera dan $120 juta ekonomi. Seterusnya, Sudan akan diberi $60 juta dan $120 juta, Jordan $115 juta dan $20 juta. Muang Thai $99 juta dan $5 juta. ●






DALAM MASYARAKAT KITA KAUM WANITA BOLEH MEMILIH BAGAIMANA MAHU DITINDAS!
SEX


ZAMAN KOMPUTER ...
KOMPUTER KAMI MENUN-JUKKAN ...
AWAK HARUS BEKERJA LEBIH CEPAT!
TANGAN KAMI MENUNJUKKAN...


PLUG KOMPUTER ITU HARUS DITARIK KELUAR!




whelan



# PERKHIDMATAN PERISIK ISRAEL: PENDEDAHAN CIA

Nordin Jalil

Pada awal bulan Februari 1982, akhbar *Washington Post* telah menerbitkan sebahagian dari laporan sulit CIA mengenai badan-badan perisik Israel yang dibuatnya pada 1979. Isser Harel, bekas ketua Mossad (iaitu badan perisik luar negeri Israel), telah menuduh laporan sulit CIA itu sebagai "berat sebelah" dan "berniat jahat". Akan tetapi beliau sendiri mengakui bahawa lapuran itu yang berjudul "Israel: Foreign Intelligence and Security Services" "mungkin benar".

Isser Harel juga mendakwa laporan tersebut mengandungi unsur-unsur anti-Yahudi dan menuduh CIA sebagai tidak bertanggung jawab kerana membiarkan laporan tersebut disimpan di kedutaan Amerika Syarikat di Tehran, di mana laporan itu akhirnya jatuh ke tangan pejuang-pejuang militen Iran apabila mereka menawan bangunan itu pada 5hb November, 1979.

Beberapa perkara yang ditimbulkan oleh laporan sulit itu memanglah tidak memeranjatkan mereka yang mengetahu tentang kegiatan badan perisik dan perkhidmatan kesalamatan Israel, seperti rakyat Israel sendiri dan rakyat Palestin yang pernah tinggal di bawah penaklukan Israel (laporan sulit itu menggunakan istillah "pentadbiran Israel"). Walaupun begitu, laporan CIA itu merupakan satu-satunya penulisan yang paling menyeluruh mengenai sistem keselamatan dan perisik Israel. Oleh yang demikian, adalah tidak menghairankan kenapa kerajaan-kerajaan Israel dan juga Amerika Syarikat merasa amat tidak puas hati dengan pendedahan laporan itu dalam *Washington Post,* walaupun akhbar itu membincang perkara tersebut dari "kacamata Amerika Syarikat" dan hanya menyentuh beberapa perkara penting, khususnya hubungan CIA dan Mossad dan tindakan-tindakan zalim yang digunakan oleh badan perisik Israel terhadap rakyat Israel sendiri, secara sepintas lalu sahaja.

Sebenarnya, Laporan Sulit CIA itu telah "sediakan dan diterbitkan oleh Lembaga Operasi Menentang Kegiatan Perisik Musuh dalam CIA dengan kerjasama dari Agensi Perisik Pertahanan Amerika Syarikat". Bahagian awal laporan itu telah membuat liputan umum mengenai perkembangan mutu profesional dan kecekapan beberapa perkhidmatan perisik di Israel. Lima bahagian selanjutnya pula telah menerangkan dengan terperinci struktur organisasi, tugas, operasi dan hubungan kerja di antara beberapa agensi perisik Israel, iaitu: Mossad, Shin Beth (Badan perisik yang bertanggung-jawab dalam usaha menentang kegiatan perisikan musuh dan keselamatan dalam negeri), Badan Perisik Tentera, Pusat Perancangan Politik dan Penyelidikan, dan Polis. Rajah organisasi tiap-tiap badan itu turut diberi dalam laporan tersebut.



*Mossad tahu tentang pembunuhan di Beirut sebelumnya?*

"Di Asia, Mossad telah melatih pegawai-pegawai perisik dari Taiwan dan mengekalkan hubungan dengan badan-badan perisik Jepun, Negeri Thai, Indonesia dan Korea Selatan. Pusat Mossad di rantau Asia adalah di Singapura. Perhubungan Mossad dengan badan perisik Indonesia adalah "secara tersembunyi". Ini memberi peluang kepada Mossad untuk mengambil tindakan politik di sebuah lagi negara Islam".

Dari kacamata CIA, agensi-agensi perisik dan kselamatan Israel dianggap sebagai "sangat berkesan" dan "antara yang terbaik di dunia". Walaupun begitu, laporan itu memberi amaran bahawa "dalam tahun-tahun kebelakangan ini..... terdapat tanda-tanda bahawa kegiatan pengintipan Israel ke atas orang-orang Arab..... adalah tidak memuaskan dan operasi-operasi agensinya kurang berjaya".

Secara keseluruhannya, CIA mendakwa bahawa salah satu sebab yang membawa kejayaan kepada agen-agen perisik Israel ialah "kebolehan mereka dalam kegiatan mengumpul, menapis dan menilai maklumat-maklumat yang mereka perolehi dari agen-agen bawahan yang mereka lantik serta masyarakat Yahudi dan sumber-sumber lain di seluruh dunia".

Laporan CIA itu selanjutnya telah menggambarkan masyarakat Israel sebagai satu masyarakat yang telah di serapi dan dikuasai oleh badan-badan perisik dan keselama-

tannya. Kegiatan pengintipan ke atas rakyat Israel sudah menjadi perkara biasa; hak untuk bersendirian sudah hampir luput sama sekali. (Shin Beth telah digambarkan oleh laboran tersebut sebagai "badan perisik yang paling mahir dalam bidang pengawalan dan operasi-operasi sulit".) Kegiatan pengawalan panggilan telefon adalah berleluasa dan semua hubungan telefon dengan dunia luar turut didengari oleh pengawai-pegawai perisik Israel.

Agen-agen Shin Beth juga dikatakan sangat berjaya dalam usaha-usaha penyusupan ke dalam parti-parti politik kiri di Israel. Ia juga dikatakan amat berjaya dalam usaha pengambilan orang-orang yang digunakan untuk mengumpul maklumat yang diperlukannya.

Kegiatan-kegiatan Shin Beth dalam Israel dibahagikan kepada empat bahagian dan tiap-tiap satu bahagian mengawasi satu kumpulan penduduk yang tertentu. Empat kumpulan penduduk yang menjadi sasaran kegiatannya ialah orang-orang Arab, orang-orang Asing secara umumnya, golongan komunis, dan orang-orang Israel sendiri. Walaupun tidak terdapat perbezaan besar dari segi layannya terhadap keempat-empat kumpulan itu, tetapi selalunya orang-orang Arab menerima tekanan yang lebih berat.

Dalam laporan sulit CIA itu, orang-orang Arab dirujuk sebagai "pengganas". Pembunuhan orang-orang Arab yang dilakukan oleh agen-agen perisik Israel hanya disebut sebagai "tindakan penghapusan" sahaja.

Menurut laporan CIA itu lagi, infrastruktur kegiatan perisik Israel di luar negeri adalah sama besarnya dengan apa yang terdapat untuk kegiatan dalam negeri. Perisik Israel di luar negeri selalunya menyamar sebagai kakitangan di syarikat penerbangan El Al, pejabat-pejabat pelancungan dan pejabat-pejabat perkapalan kebangsaan Israel, ZIM. "Syarikat-syarikat pembinaan, kumpulan-kumpulan perusahaan dan pertubuhan-pertubuhan perdagangan antarabangsa juga menjadi tempat tumpuan agen-agen mereka". Penyamaran sebagai kakitangan kedutaan atau wartawan juga dilakukan oleh perisik-perisik Israel. Kakitangan kedutaannya dan rakyat biasa dari negeri asing sering diupah oleh agen-agen Israel untuk mengumpul maklumat.

Sasaran utama kegiatan perisik Israel termasuk agensi-agensi Bangsa-Bangsa Bersatu, kerajaan-kerajaan yang mempunyai hubungan rapat dengan Israel (seperti Amerika Syarikat), kerajaan Vatican dan negara-negara Eropah Timur dan Arab. Pengintipan terhadap Mesir merupakan kegiatan utama mereka: Ini diikuti oleh kegiatan pengintapan ke atas Syria.

Agensi-agensi perisik Israel mempunyai hubungan erat dengan beberapa agensi perisik asing, termasuk agensi-agensi perisik negara-negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengannya.

Menurut laporan CIA itu, badan perisik Israel telah diundang untuk membantu penubuhan agensi perisik di Ghana dan Liberia. Ia juga dikatakan mempunyai hubungan dengan badan perisik di Kenya, Zaire dan Afrika Selatan.

Pengarah Mossad kini, Yitzhak Hoffi, secara peribadi pernah menyokong kerajaan Uganda pada tahun 1968. Beliau telah memeriksa unit-unit polis di negara itu dan turut menyertai operasi-operasi tenteranya. Pada 1972, beliau "telah memeriksa kegiatan penasihat-penasihat Israel di Ethiopia".

Di Amerika Latin, Mossad dilaporkan melatih ramai pegawai-pegawai perisik, dan mengekalkan perhubungan dengan agensi perisik, di Mexico, Costa Rica, Panama, Republic Dominica, Venezuela, Colombia, Equador dan Peru.

Di Asia, Mossad telah melatih pegawai-pegawai perisik dari Taiwan dan mengekalkan hubungan




*Rakyat Israel Membantah Kegiatan Mossad*

dengan badan-badan perisik Jepun, Negeri Thai, Indonesia dan Korea Selatan. Pusat Mossad di rantau Asia adalah di Singapura. Perhubungan Mossad dengan badan perisik Indonesia adalah "secara tersembunyi". Ini memberi peluang kepada Mossad untuk mengambil tindakan politik di sebuah lagi negara Islam".

Salah satu pendedahan utama dalam laporan CIA itu ialah mengenai hubungan tidak rasmi dalam kegiatan perisikan di antara agensi perisik Israel dengan agensi perisik di Turki dan Iran (semasa di bawah Shah dulu). Hubungan tiga penjuru antara tiga negara ini telah dinamakan pertubuhan "Trident". Mengikut perjanjian yang telah dibuat pada 1958, Badan Keselamatan Nasional Turki (TNSS) bersetuju membekalkan kepada Mossad maklumat-maklumat mengenai tujuan-tujuan politik negara-negara Arab yang boleh dianggap mengancam keselamatan Israel". Mossad pula bersetuju untuk melatih pegawai-pegawai TNSS dan memberi maklumat kepada Turki tentang kegiatan perisik Soviet di rantau itu. Tujuan utama hubungan antara Israel dengan Iran di bawah Shah ialah "untuk mengembangkan dasar-dasar pro-Israel dan anti-Arab di kalangan pegawai Iran" (Risallah-risallah lain dari Kedutaan Amerika Syarikat di Tehran menunjukkan bahawa strategi ini berjaya).

Sebuah lagi badan sulit yang telah didedahkan, buat pertama kalinya, oleh laporan itu ialah "Kilowatt Group". Menurut CIA, kumpulan sulit tersebut merupakan satu usaha untuk membenteras "kegiatan ganas orang Arab" dan dianggotai oleh German Barat, Belgium, Itali, England, Luemburg, Negeri Belanda, Switzerland, Denmark, Perancis, Canada, Ireland, Norway dan Israel. (Hubung antara Mossad dengan Switzerland dilaporkan sebagai amat rapat).

Walau bagaimanapun, maklumat mengenai hubungan rapat di antara badan-badan perisik Amerika Syarikat dengan badan perisik Israel sengaja ditinggalkan oleh laporan tersebut. ●

# ISRAEL MENGUJI SENJATA DI LUBNAN

Mohammed Sannoun, 14½ tahun, telah kehilangan tangan kanannya apabila bom serpihan yang digugur oleh jet Israel meletup. Bom itu sebesar tapak tangan, berbentuk tiga segi dan berwarna merah, hitam dan kuning. Bentuknya itu telah menarik minat Mohammed untuk membukanya. Tetapi apabila ia berbuat demikian, barang ditangannya itu tiba-tiba meletup.

Seorang pegawai Arab mendakwa bahawa Israel telah menguji berbagai-bagai jenis bom baru di Lubnan, terutama sekali bom serpihan, bom kimia dan bom pembedil dengan tidak mengira yang kebanyakan mangsa bom-bom itu adalah orang awam atau kanak-kanak.

Bom-bom ini, yang dibekalkan oleh Amerika Syarikat, telah digugur oleh jet pejuang F-16, yang juga dibekalkan oleh Amerika Syarikat. Pada amnya, bom-bom ini telah diharamkan oleh badan-badan antarabangsa.

Seorang pakar letupan Arab telah menceritakan tentang satu jenis roket yang meletup dalam 3 peringkat. Menurutnya, apabila roket itu sampai ke suatu tempat perlindungan seperti sebuah bangunan atau rumah, ia mula-mula akan meletup bagi memusnahkan bangunan itu.

Ini diikuti dengan letupan kedua yang mengeluarkan api dan akhirnya satu lagi letupan yang melepaskan serpihan yang tersebar jauh dan meluas.

Bom-bom serpihan biasanya akan melontar beribu-ribu serpihan besi yang ditujukan khas kepada manusia. Apabila terbenam dalam tubuh mangsanya, serpihan ini sukar dicari dan dibedah. Lama-kelamaan ianya akan diserap kedalam saluran darah.

Biasanya, bom-bom kimia terdiri dari bom fosforus yang diperbuat khas untuk membakar. Apabila terkena kepada kulit manusia, ia tidak boleh dipadam dengan air. Ia memerlukan alat pemadam kimia juga.

Oleh kerana itu, kebanyakan mangsa bom fosforus tidak dapat diselamatkan, dan biasanya mereka adalah orang awam.

Bom-bom ini digugur oleh jet F-16 dari jarak 7 kilometer di udara. Jet-jet Israel tidak berani turun ke paras 5 kilometer oleh kerana kehandalan meriam penangkis kapalterbang kepunyaan tentera Arab.

Di samping itu juga, terdapat peluru-peluru yang ditembak oleh tentera Israel dari laut atau, dari jarak melebihi 15 kilometer yang juga membinasakan nyawa dan harta benda orang awam. ●

## KAEDAH CIA: SATU PELAJARAN BAGI DUNIA KETIGA

Pemimpin-pemimpin negara-negara membangun yang ingin mengekalkan kemerdekaan mereka dari Amerika harus mendengar apa yang telah disuarakan oleh Perdana Menteri Sweden, Olof Palme.

Beliau mengatakan bahawa CIA Amerika Syarikat telah mengekorinya beberapa tahun kerana beliau menentang secara keras dasar luar Amerika Syarikat, terutamanya semasa Perang Vietnam. Palme memberitahu sebuah akhbar Sweden "seorang agen CIA telah mengekori saya beberapa tahun. Kita tidak patut memutuskan perhubungan atas sebab itu."

Mungkin pemimpin dari Dunia Ketiga harus memandang ke belakang dari masa ke semasa: mereka mungkin mendapati bahawa mereka mempunyai teman yang tidak diingini. ●







## PISAH DAN PERINTAH DI AFRIKA SELATAN

Parti Buruh Kaum Campuran Afrika Selatan (South African Coloured Labour Party) telah bercadang untuk berunding dengan regim Pretoria mengenai keanggotaan mereka dalam Parlimen *berbilang kaum* yang tidak sanggup menerima orang kulit hitam.

Ini telah mengakibatkan bantahan keras dari pemimpin-pemimpin masyarakat kulit hitam dan masyarakat berwarna.

Tetapi apa yang mungkin berlaku ialah lebih ramai orang hitam yang kini memberi sokongan kepada pergerakan seperti Inkatha akan mengarahkan sokongan mereka kepada pergerakan yang lebih radikal, seperti Konggeres Kebangsaan Afrika (ANC), yang diharamkan. ●

## WAJAH BARU 'APARTHEID'

Kerajaan Pretoria sedang memperindahkan wajah *apartheid* dengan menukarkan statistik. Kini, hampir 8 juta orang kulit hitam telah kehilangan kerakyatan mereka dan diusir keluar dari Afrika Selatan. Mereka dipaksa berkumpul di kawasan simpanan *Bantustan* yang dianggap "merdeka".

Selanjutnya, berbagai masalah yang berkait dengan apartheid dan kemiskinan telah dipertanggungjawabkan kepada kerajaan-kerajaan kulit hitam di Bantustan.

"Kemerdekaan" ini adalah samaran sahaja oleh kerana kawasan Bantustan dikelilingi oleh Afrika Selatan dan merupakan bekalan tenaga murah untuk ekonominya.

Dalam sebuah negara yang mempunyai 4½ juta kulit putih dan 16 juta kulit hitam, kanak-kanak sekolah di peringkat penghabisan ialah 60,000 kulit putih dan hanya 30,000 kulit hitam.

Pretoria membelanja sebanyak Rand 1,169 bagi pendidikan seorang kulit putih, tetapi hanya Rand 91 bagi seorang kulit hitam. Angka-angka ini tidak termasuk mereka yang telah disingkir ke Bantustan. ●



*Penentang Apartheid Dipenjarakan*

# ORANG-ORANG ASLI AUSTRALIA MAHUKAN SATU NEGARA

Baru-baru ini, pertelingkahan mengenai perhubungan kaum di Australia telah diutarakan bila ahli orang asli yang tunggal dalam Parlimen Persekutuan Australia di Canberra, iaitu senator dari Queensland, Neville Bonner menyeru penubuhan satu negeri Orang-orang Asli di Australia menjelang 1990an.

Orang asli telah ditindas oleh orang putih bagi jangkamasa yang terlalu panjang. Bonner telah mengemukakan apa yang telah difikirkan oleh 200,000 orang asli di Australia sepanjang ini.

Baru-baru ini, persoalan mengenai perhubungan antara orang putih dan orang asli telah tercetus setelah satu peristiwa yang berlaku di New South Wales pada bulan November lalu di mana seorang asli telah ditembak mati dan dua orang lagi telah tercedera.

Tambahan pula, orang asli telah naik marah dengan layanan yang diberi kepada mereka di Queensland di mana 70,000 orang asli menetap, terutamanya semasa sukan Komonwel yang baru lalu di mana pihak polis di Queensland telah diberi kuasa tambahan untuk mengawal orang-orang asli.

Ketua Menteri Queensland, Johannes Bjelke-Petersen mengatakan bahawa seruan Senator Bonner mengenai penubuhan satu negeri Orang Asli merupakan satu 'pem bangkitan soal-soal perkauman'.

Cadangan Bonner itu mengatakan bahawa orang-orang putih tidak patut lagi menyalahkan jenerasi awal saja bagi layanan buruk terhadap orang asli.

Bonner mengatakan bahawa "semua yang telah berubah adalah orang putih telah menggantikan peluru-peluru dan bekalan air serta tepung beracun dengan bentuk diskriminasi yang lebih halus untuk menindas dan memisahkan orang-orang asli." ●




*Salah Seorang Dari Kaum Orang Asli Australia membantah rampasan terhadap tanah mereka*

# UNDANG-UNDANG PERKAUMAN DI JEPUN

Penduduk-penduduk asing di Jepun, yang berjumlah 800,000 orang dari 118 juta orang penduduk negara itu, makin bimbang tentang dasar-dasar perkauman yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa Jepun.

Setengah daripada penduduk asing itu sedang menentang undang-undang pendaftaran asing dengan tindakan-tindakan yang melanggar peraturan.

Penduduk asing yang terlibat berjumlah 29 orang yang terdiri dari 25 orang Korea, 3 orang Amerika dan seorang Jerman Barat.

Kesemua 29 orang itu tidak mahu cap jari mereka diambil untuk dokumen pendaftaran asing yang mereka baru perlu pegang atas alasan bahawa pengambilan cap jari melanggar hak persendirian mereka, dalam kes orang Korea, ia menguatkan prasangka orang Jepun terhadap orang Korea.

Kementerian Pengadilan Jepun telah menafikannya tetapi akhir-akhir ini, perdebatan mengenai layanan orang Jepun semasa Perang Dunia Kedua dalam buku teks sejarah Jepun dan penentang orang Jepun telah membingungkan negara itu. ●

# ASEAN: KESERAGAMAN DI BIDANG TENTERA

Menurut satu laporan berita angkatan tentera di kelima-lima buah negara ASEAN telah mencapai satu tahap persamaan yang tinggi dalam bidang kelengkapan senjata. Keadaan ini akan membolehkan mereka bergerak bersama dalam satu operasi tentera di suatu masa nanti.

Bersamaan dengan itu, setengah pemimpin negara anggota ASEAN juga telah menyarankan supaya negara-negara ASEAN berpakat dalam pengeluaran dan pembelian senjata mereka serta mengalakkan lebih banyak latihan bersama untuk menghadapi ancaman Soviet dan Vietnam di rantau ini. Sebagai contoh, Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew, telah menyatakan bahawa latihan bersama ketenteraan di kalangan negara anggota ASEAN harus dianggap sebagai perkara biasa yang mungkin satu hari nanti menghasilkan suatu strategi pertahanan bagi rantau ini. Kerajaan negeri Thai juga ingin melihat Amerika Syarikat mengadakan "satu pusat simpanan senjata" di kawasan Pasifik supaya ianya boleh digunakan oleh kesemua ahli-ahli ASEAN di waktu kecemasan.

Namun begitu, Indonesia, sebaliknya, menentang sebarang cadangan yang berbentuk pakatan ketenteraan untuk ASEAN. Pendirian ini juga disokong oleh Filipina yang tidak mahu ASEAN dijadikan satu pakatan tentera. Malahan, pada masa ini semua anggota ASEAN menegaskan bahawa mereka akan meneruskan usaha-usaha kerjasama hanya di bidang ekonomi, sosial dan politik sahaja; tetapi pendirian mereka ini akan berubah sekiranya sebuah negara asing mengancam secara langsung keselamatan bersama mereka.

**Perbelanjaan Pertahanan**

Jumlah perbelanjaan pertahanan negara-negara ASEAN pada masa ini dianggarkan berjumlah sebanyak AS$8,000 juta, iaitu peningkatan sebanyak empat kali ganda jika dibandingkan dengan perbelanjaan lapan tahun lalu.

Malaysia sahaja akan membelanjakan sebanyak AS$4,000 juta lagi bagi memperkukuhkan tenteranya.

Kebanyakan kelengkapan yang digunakan oleh tentera negara-negara ASEAN telah dibeli dari Amerika Syarikat dan Eropah. Kini tentera negara-negara ASEAN mempunyai senjata-senjata yang sama, seperti senapang M-16, kereta perisai MIB, meriam 155-mm serta, kapal terbang F5E, A-4 Skyhawk, dan Hercules C-130.

Mereka juga telah meningkatkan kegiatan latihan bersama mereka dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Di samping itu, Singapura mempunyai rancangan untuk menjadi pusat membuat senjata di rantau ini. Malaysia juga pernah melahirkan hasrat untuk berkerjasama dengan Singapura dan Negeri Thai dalam bidang ini. Malahan, menurut laporan terbaru, Malaysia dan Singapura akan mengadakan usahasama untuk membuat alat kelengkapan tentera termasuk senjata bagi kegunaan kedua negara pada masa akan datang. Rancangan usahasama itu masih lagi di peringkat kajian dan kilangnya berkemungkinan didirikan di Malaysia sekiranya kata sepakat dicapai di antara kedua negara.

Walaupun terdapat peningkatan kerjasama ketenteraan, Presiden Marcos dari Filipina masih lebih suka mengekalkan pengkalan tentera Amerika di negara itu atas alasan bahawa kehadiran tentera Amerika "akan menjamin keamanan di rantau ini". ●



*Tentera Udara Republik Singapura*



*Tentera Darat Filipina*

# KEGANASAN TENTERA SEMAKIN MENINGKAT DI MANILA

Sebuah kumpulan hak asasi manusia melaporkan bahawa pihak tentera Filipino telah menahan 1,516 orang yang disyaki anasir subversif dalam satu operasi besar-besaran yang dijalankan terhadap penentang-penentang kerajaan Presiden Fedinand E. Marcos.

Pakatan Hak-Hak Manusia Filipina memberitahu akhbar bahawa dari bulan Januari 1982 sehingga 15hb Mac 1983, sebanyak 146 orang yang disyaki anasir subversif telah dibunuh secara sulit oleh agen-agen kerajaan sementara 42 orang lagi telah hilang.

Kebanyakan daripada mereka yang ditahan telah disiksa sementara yang lain telah dibunuh secara sulit.

Seituasaha pakatan itu juga memberitahu sidang akhbar bahawa "keganasan ketenteraan dan penindasan politik" telah giat berlaku walaupun Marcos telah menarik balik undang-undang tenteranya dalam bulan Januari 1981.

Lapuran itu juga menyatakan bahawa kebanyakan daripada mereka yang telah dibunuh dan kilang itu merupakan kaum pekerja dan petani-petani. Lapuran itu memberi beberapa kejadian sebagai contoh. Dalam salah satu dari kejadian itu, mayat tiga orang petani, yang ditahan pada bulan Januari lalu di wilayah Agusan Del Norte, telah didapati mempunyai tanda ditembusi oleh beberapa butir peluru dan luka-luka pisau dan 'muka mereka tidak dapat dikenali.'

Sementara itu, Agensi Berita Filipina telah melaporkan bahawa pentadbiran Amerika sedang memerhatikan dengan bimbang akan perkembangan yang amat terbatas dalam pemulihan hak asasi manusia di Filipina sejak pengunduran undang-undang tentera. ●



*Mangsa-mangsa keganasan Tentera Marcos*

# PERBADANAN JEPUN — MODEL DAN MITOS —

Kua Kia Soong




Dasar 'Pandang ke Timur' menggambarkan Jepun sebagai satu model negara di mana pekerja dan pengurusnya tidak mementingkan diri sendiri, Akan tetapi, pertumbuhan ekonomi Jepun mesti diletakkan dalam perspektif yang betul.

Kekelahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua tidak membawa kejatuhannya. Sebaliknya, Jepun telah diserap ke dalam "Kubu Barat."

Pendudukan Amerika Syarikat tidak mengancam **zaibatsu** (gabungan kewangan – industri) Jepun tetapi hanya sebilangan kecil kilang perniagaan dan perusahaan senjata yang terlibat secara langsung dalam peperangan.

Menjelang 1948, Amerika Syarikat telah memperbarui perusahaan Jepun. Perang Korea telah menggiatkan proses kemajuan perusahaan Jepun di mana perbelanjaan Amerika Syarkat telah bertambah untuk perang itu.

Orang-orang Jepun dan Amerika telah melabur dan ini telah memesatkan ekonomi Jepun. Amerika Syarikat telah memujuk Bank Dunia dan tabung kewangan lain memberi pinjaman kepada Jepun.

Sehingga 1964, Jepun merupakan penerima pinjaman Bank Dunia yang kedua besar di dunia ($200 juta) selepas India.

Dalam tahun-tahun 1950an, Amerika Syarikat, di bawah pimpinan Dulles, telah menubuhkan satu persetujuan perdagangan tiga pihak di mana Amerika Syarikat telah menggalakkan negara Asia Tenggara untuk membeli ekspot Jepun.




*Kedudukan Pekerja Jepun Tidak Memuaskan*

Pada masa yang sama, bahan mentah dari Asia Tenggara, termasuk getah dan bijih timah dari Malaysia, telah menjadi bahan mentah utama untuk pengeluar Jepun.

Rancangan pemulihan Jepun selepas perang telah mengakibatkan ekspot Jepun kawasan Asia Timur Raya semula.

Menjelang 1969, Jepun telah mengambil alih tempat Britain sebagai 'negara pembantu' utama bagi Malaysia; 'bantuan' ini sebenarnya adalah untuk menggalakkan perdagangan dengan Jepun,

Hanya setelah kejatuhan Sukarno pada 1965 dan penglibatan Amerika di Vietnam, barulah Jepun mula melabur dengan pesat di Asia Tenggara.

Perang Vietnam telah menguntungkan Jepun kerana Jepun telah menerima kontrek-kontrek ketenteraan yang berjumlah $505 juta.

**Japan Inc.**

Kemantapan ekonomi Jepun sebahagian besarnya bergantung kepada pengumpulan modal selepas perang. Ini telah dicapai melalui satu perhubungan erat antara kewangan swasta dengan pihak kerajaan yang sering dipanggil 'Japan Inc.' Lebih kurang 90% daripada kegiatan ekonomi kerajaan adalah untuk memesatkan perniagaan Jepun.

Di pihak lain pula, Jepun mempunyai sistem percukaian yang paling berat sebelah di antara negara-negara maju dan perbelanjaan yang paling rendah untuk perkhidmatan sosial.

Bolehkah kita menerima sistem itu dalam masyarakat kita? Dasar demikian bertentangan dengan usaha menghapuskan kemiskinan yang merupakan salah satu dari matlamat DEB?

Jadi apabila Jepun memulih ekonominya dengan melabur selepas perang, negara-negara perusahaan lain, seperti Britain, hanya bergantung kepada tanah-tanah jajahannya untuk memulihkan kedudukan ekonominya.

Kawalan kerajaan Jepun terhadap pengumpulan wang telah meng-



*Di Kilang Nissan: Daya Pengeluaran Yang Tinggi Adalah Penindasan Yang Ketat*

ujudkan satu struktur ekonomi yang amat berbeza dengan negara-negara barat yang lain, misalnya, Jepun mempunyai sektor industri berat yang besar sekali di dunia.

Pada tahun-tahun 1960an, nisbah antara perusahaan berat dan ringan adalah lebih besar dari di Rusia di bawah Stalin. Sektor perusahaan berat ini telah menggalakkan ekspot Jepun sambil menentukan impotnya.

Pilihan ini tidak lagi terbuka kepada Dunia Ketiga kini.

Peminat 'keajaiban Jepun' sering menggambarkan pandangan 'biasa' mengenai kilang Jepun di mana pekerjanya bekerja keras, sedangkan pengurusnya menganggap pekerja itu sebagai satu keluarga yang besar.

Sebenarnya sistem **paternal** demikian hanya wujud di beberapa kilang besar dan bukan dalam kilang-kilang sederhana dan kecil.

### KESETIAAN

Pada 1971, pembuangan kerja secara besar-besaran dilapurkan berlaku dalam perusahaan-perusahaan elektrik, besi, kereta, perkapalan, kain dan kimia.

Kewujudan tenaga buruh yang lebih murah di negara-negara asing telah menggalakkan Jepun memperkenalkan undang-undang untuk mengawal pekerja.

Mereka yang dibuang kerja itu kebanyakannya adalah orang-orang tua. Kini, umur bersara telah dipanjangkan dari 55 tahun kepada 60 tahun.

Kedudukan wanita juga tidak memuaskan. Sebahagian besar mereka merupakan pekerja sambilan dan ini bermakna mereka tidak menikmati kemudahan yang diberi kepada pekerja sepenuh masa.

Keadaan ini juga berlaku kepada pekerja perusahaan kecil seperti perusahaan pakaian, alat permainan kanak-kanak, kain dan elektrik. Pekerja wanita dalam sektor ini berjumlah sejuta orang. Dari segi ini, kaum wanita Jepun dilayan lebih buruk dari kaum wanita di barat.

Perhubungan majikan pekerja dalam sistem Jepun berdasarkan perhubungan susun-lapis, sementara penyeliaan rapi di kilang merupakan asas pengurusan cara Jepun.

Kumpulan Kawalan Mutu atau QC -- iaitu idea yang dipinjam dari barat -- hanya terdapat dalam kumpulan-kumpulan kecil.

### KESUSILAAN

Pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja bimbang terhadap penubuhan kesatuan mengikut perusahaan **(in-house union)** kerana tidak akan memberi perlindungan kepada pekerja dengan berkesan.

Kesatuan-kesatuan dibentuk berdasarkan perusahaan supaya para pekerja akan memberi taat setia kepada perusahaan mereka.

Sebenarnya, kita tidak memerlukan contoh negara maju untuk memperkembangkan ekonomi negara membangun. ●

## PNB TERUS MEMBESAR

Menurut maklumat-maklumat yang terbaru, Permodalan Nasional Bhd. (PNB) telah melabur sebanyak $968 juta dalam 29 buah syarikat pada tahun 1982. Jumlah yang paling besar yang dilaburkannya ialah sebanyak $600 juta untuk membeli syarikat Harrisons Malaysia Plantations Bhd. (HMPB). Dengan penambahan ini, harta-harta PNB di akhir tahun 1982 dianggarkan berjumlah kira-kira $3,000 juta, mengikut nilai kos.

Sehingga kini, PNB telah memiliki 130 buah syarikat. 55% dari syarikat-syarikat itu adalah dalam bidang perladangan, 16% dalam kewangan, 12% dalam perusahaan dan perlombongan dan 5% dalam sektor harta benda.

Dengan pembelian syarikat Guthrie tidak lama dulu, PNB kini memiliki harta di merata dunia. Nilai harta-harta tersebut dianggarkan sebanyak $200 juta. Menurut seorang pegawai kanan PNB, anak-anak syarikat Guthrie tidak mungkin dilepaskan oleh PNB untuk diserahkan kepada usahawan Bumiputera.

Di samping itu, pembelian syarikat Guthrie dan HMPB telah menjadikan PNB sebagai pemilik ladang yang terbesar di Malaysia. Kini PNB menguasai secarang langsung dan tidak langsung kira-kira 172,000 hektar ladang di dalam dan luar negeri. ●

### JAWAPAN KEPADA SOALAN OBJEKTIF DALAM SIRI EKONOMI 1

| | |
|---|---|
| 1. a | 5. a |
| 2. d | 6. a |
| 3. d | 7. c |
| 4. c | 8. b |

# MAHATHIR: HAPUSKAN ORANG TENGAH




Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad mengkritik golongan peniaga tempatan yang menggunakan orang tengah asing untuk menjual barang-barang mereka di luar negeri. Beliau mengatakan bahawa langkah-langkah untuk menghapuskan orang-orang tengah itu masih belum berkesan.

Akibatnya, negara kehilangan pendapatan dan tidak tahu selok-belok yang amat penting dalam dunia perdagangan.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengatakan bahawa perdagangan dengan Singapura, iaitu 'orang tengah' utama bagi ekspot-ekspot Malaysia, menguasai banyak ekspot kita.

Perdana Menteri telah menyenaraikan beberapa contoh bagaimana pedagang-pedagang gagal dalam pengekspotan langsung, termasuk usaha sogoshosha.

Beliau mengatakan bahawa percubaan-percubaan oleh syarikat-syarikat sogoshosha untuk mengadakan ekspot langsung telah gagal walaupun kerajaan memberi sokongannya.

Yang kedua adalah pengurusan perniagaan. Satu perempat dari perdagangan masih berlaku melalui Singapura.

Faktor ketiga yang menggagalkan ekspot langsung adalah kegagalan rombongan perdagangan dan pameran perdangan; sebab terakhir adalah dorongan kerajaan dan perlindungan kepada pedagang-pedagang. Ini telah mengakibatkan pengguna-pengguna membayar harga yang lebih tinggi.

Pengimpot-pengimpot yang tinggal di negara lain yang menuturbahasa asing dan mengamalkan undang-undang yang berlainan merupakan satu masalah. Akibatnya, Malaysia tidak mempunyai kedudukan yang baik untuk mengekspotkan barang-barangnya.

Walaupun kita mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, namum kewangan Malaysia tidak begitu terkenal seperti kewangan Singapura.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengatakan bahawa bukan sahaja penduduk-penduduk kampung yang menggunakan orang tengah, malah seluruh golongan peniaga di Malaysia bergantung kepada mereka.

Beliau juga telah menegaskan bahawa Dasar Ekonomi Baru merupakan dasar yang paling liberal sehingga banyak perkara yang berlaku di sini tidak akan berlaku dalam masyarakat-masyarakat liberal.

Beliau menambah bahawa struktur kerajaan, dasar serta sistem ekonominya tidak sempurna. Masih banyak lagi yang perlu dibuat, misalnya dalam cara dasar-dasar itu dilaksanakan dan cara pentadbiran ekonomi itu dilakukan.

# HUBUNGAN CHINA-MALAYSIA TIDAK BANYAK BERUBAH

Penakutan terhadap negara China di Malaysia telah memuncak dalam tahun-tahun 1950an dan 1960an, yang sebahagian besarnya disebabkan oleh sokongan Republik Rakyat China kepada Partai Komunis Malaya (PKM).

Kebimbangan Kuala Lumpur telah berkurangan pada akhir 1970an, setelah kerajaan Malaysia mengiktirafkan kerajaan Beijing pada 1974. Namun, perdebatan masih berlanjutan mengenai siapa yang lebih merbahaya, Vietnam atau China.

Antara beberapa tindakan utama China yang disambut baik di Kuala Lumpur ialah sokongan China kepada pihak Kampuchea Demokratik yang dipimpin sekarang oleh Putera Nordom Sihanouk walaupun tujuan kerajaan Berjing mungkin berbeza dengan rakan-rakan Aseannya.

Satu perkara lagi yang memuaskan kerajaan Malaysia adalah kepulangan bekas pengerusi PKM, Musa Ahmad pada awal tahun 1981 selepas 25 tahun di China.

Walaupun peristiwa itu disiarkan oleh kerajaan Malaysia sebagai satu operasi sulit, Musa telah dikawal dan dikirim ke Canton oleh pegawai-pegawai negara China dan kemudian dihantar ke Hong Kong — satu tanda yang nyata bahawa Beijing berhasrat memperbaiki hubungannya dengan Malaysia.

Suatu lagi perkara antara kedua-dua negara ini ialah siaran radio PKM. Sebuah stesyen radio, Suara Revolusi Malaya yang berpusat di negara China telah ditutup pada pertengahan tahun 1981.

Akan tetapi, stesyen ini telah digantikan dengan serta-merta oleh

*Sambung di M.S. 44*

# PERUSAHAAN SIMEN DI MALAYSIA

Permintaan ke atas simen di Malaysia telah bertambah pada kadar purata lebih dari 10% setahun - termasuk satu pertambahan luar biasa sebanyak 20% pada tahun 1982.

Peningkatan pesat dalam permintaan ke atas simen ini adalah disebabkan oleh perkembangan pesat perusahaan pembinaan -- yang berkembang pada kadar purata sebanyak 12.5% setahun sejak pertengahan tahun-tahun 1970'an -- dan penambahan besar dalam bilangan projek-projek infrastruktur kerajaan.

Walaupun begitu, negara ini dijangkakan akan menghadapi masalah lebihan bekalan simen menjelang tahun 1984. Menurut satu ramalan, menjelang tahun 1985, pengeluar-pengeluar simen di negara ini akan menghasilkan kira-kira 6.1 juta tan simen. Tetapi, berdasarkan kepada peningkatan dalam permintaan simen sebanyak 10% setahun, jumlah simen yang diperlukan pada tahun itu hanyalah sebanyak 4.6 juta tan sahaja. Ini bermakna bekalan simen akan melebihi permintaan sebanyak 1.5 juta tan.

Menurut setengah pihak, masalah ini mungkin jauh lebih buruk dari ramalan tersebut di atas. Dengan mengambil kira kesemua projek pembesaran loji dan pembinaan kilang-kilang baru yang telah diluluskan oleh kerajaan, jumlah pengeluaran simen di negeri ini dijangka akan mencapai 10 juta tan. Sekiranya anggaran ini benar, maka jumlah lebihan bekalan simen pada tahun 1985 akanmenjadi 5.4 juta tan.

### Syarikat Simen

Salah satu syarikat yang mengeluarkan simen di negeri ini ialah Associated Pan Malaysia Cement (APMC). Syarikat ini merupakan satu usahasama antara syarikat Malayan Cement dan Pan Malaysia Cement. 45% daripada saham syarikat APMC dimiliki oleh syarikat Central Sugars Bhd. manakala tiga perempat dari saham Central Sugars Bhd. dimiliki pula oleh Malayan United Industries (MUI).

APMC kini mempunyai beberapa loji yang mempunyaikepunyaan untuk mengeluarkan sebanyak 1.2 juta tan simen setahun. Antaranya termasuk satu loji baru di Rawang (dengan keupayaan pengeluaran sebanyak 1.1 juta tan setahun), sebuah loji lain dalam kawasan yang sama, dan sebuah loji di Kuantan yang didirikan pada 1963. Syarikat ini kini sedang melengkapkan lojinya di Kuantan dengan alat-alat pengeluaran yang lebih efisen yang dianggarkan bernilai $150 juta. ●

Sebuah lagi syarikat yang mengeluarkan simen di negara ini ialah Syarikat Tasek Cement yang kini mempunyai keupayaan mengeluar sebanyak 1.2 juta tan setahun. Kumpulan Hong Leong merupakan pemegang saham utama dalam syarikat ini.

Di samping dua syarikat besar ini terdapat sebuah lagi syarikat simen, Perusahaan Simen Malaysia, yang mempunyai keupayaan mengeluar sebanyak 400,000 tan setahun.

Di Malaysia Timur, keupayaan pengeluaran simen tahunan adalah kira-kira 400,000 tan. Tetapi, dengan kemasukan simen dari Korea dan Jepun, keadaan permintaan dan penawaran simen di dua buah negeri itu telah terganggu. Akibatnya, syarikat-syarikat simen kecil di Malaysia Timur kini dijalankan hanya pada paras 75-85% daripada keupayaan mereka.



*Sambung dari M.S. 43*

Radio Suara Demokrasi yang ditempatkan di antara wilayah Yala dan Banang Setar di Selatan Thai. Stesyen ini boleh dipindahkan dengan mudahnya.

Rancangan-rancangan stesyen ini, yang disokong oleh Beijing, tidak mengancam kerajaan Malaysia. Stesyen itu terus menggalakkan orang-orang Melayu menganggotai kegiatan revolusi dengan mendesak mereka menyertai Partai Kebangsaan Revolusioner Melayu.

Satu lagi sumber yang memuaskan pemerintah ialah kelakuan baik kedutaan Cina di Kuala Lumpur, tidak seperti kedutaan Soviet yang melakukan kegiatan perisik di Malaysia.

Walaubagaimana pun, Perdana Menteri Dr. Mahathir telah menegaskan bahawa ia tidak akan menerima alasan China bahawa perhubungan antara kerajaan dengan kerajaan boleh dipisahkan dari perhubungan antara parti dengan parti.

Adalah difahamkan bahawa selagi negara China tidak mengubah dasar itu, peluang bagi Malaysia menggalakkan Singapura dan Indonesia mengadakan perhubungan diplomatik dengan Beijing adalah kecil. (Sumber: FEER) ●

# ILMU DAN MASALAH EKONOMI

Ishak Shari,
Pensyarah, Fakulti Ekonomi,
UKM

**1.1 Pengenalan**

Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh negara-negara sedang membangun (NSM) hari ini ialah mencari cara bagaimana mereka dapat mencapai pembangunan ekonomi yang pesat supaya sebahagian besar rakyat di negara-negara tersebut dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik. Semua perangkaan yang dikeluarkan oleh berbagai agensi antarabangsa menunjukkan dengan jelas hakikat bahawa taraf hidup penduduk NSM adalah jauh lebih rendah daripada taraf hidup penduduk di negara-negara maju di Amerika Utara, Eropah Barat dan Jepun. Sebagai contoh, bandingkanlah pendapatan per kapita di beberapa NSM di Asia dengan data-data untuk Amerika Syarikat, Jepun dan United Kingdom (Lihat Jadual 1). Walaupun pendapatan per kapita bukan merupakan satu ukuran mutlak untuk membandingkan taraf hidup penduduk di antara negara, tetapi ia boleh digunakan untuk mendapat gambaran kasar tentang jurang perbezaan yang wujud di antara negara maju dengan NSM.

Satu lagi ukuran yang boleh digunakan untuk membandingkan taraf hidup penduduk di antara negara-negara di dunia ialah pengambilan kalori sehari oleh setiap orang sebagai peratusan daripada keperluannya. Dari jadual 1, kita juga dapati bahawa di kebanyakan NSM di Asia, pengambilan kalori oleh rakyatnya adalah kurang daripada apa yang diperlukan (iaitu kurang dari 100) manakala di negara-negara maju ianya adalah berlebihan dari keperluan.

Walaupun berbagai langkah telah dilaksanakan untuk memesatkan proses pembangunan ekonomi di NSM, namun jurang perbezaan di antara mereka dengan negara-negara maju tetap tidak berkurang; sebaliknya, ia telah menjadi semakin meluas. Ini bermakna bahawa *pada puratanya* penduduk-penduduk di NSM mendapat makanan yang kurang, pakaian yang kurang,

**Jadual 1: Pendapatan Per Kapita dan Bekalan Kalori Harian Sebagai Peratusan Dari Keperluan Di Beberapa Negara Maju dan NSM di Asia**

| Negeri | Pendapatan Per Kapita, 1978 (AS$) | Bekalan Kalori Per Kapita Sebagai % dari Keperluan, 1977 |
|---|---|---|
| Bangladesh | 90 | 78 |
| Laos | 90 | 94 |
| Nepal | 120 | 91 |
| Burma | 140 | 106 |
| Vietnam | 170 | 83 |
| India | 180 | 91 |
| Sri Lanka | 190 | 96 |
| Rep. Rakyat China | 230 | 105 |
| Pakistan | 230 | 99 |
| Indonesia | 360 | 105 |
| Negeri Thai | 490 | 105 |
| Filipina | 510 | 97 |
| Malaysia | 1090 | 117 |
| Korea Selatan | 1160 | 101 |
| Singapura | 3290 | 134 |
| United Kingdom | 5030 | 132 |
| Jepun | 7280 | 126 |
| Amerika Syarikat | 9590 | 135 |

Sumber: *World Development Report, 1980*, Oxford University Press.

rumah yang kurang, khidmat perubatan yang kurang dan mempunyai jangkaan hidup yang lebih pendek berbanding dengan penduduk di negara-negara maju. Kenyataan ini tidak pula menafikan hakikat tentang wujudnya jurang perbezaan di antara golongan miskin dan kaya di NSM. Malahan, di setengah negara-negara tersebut, golongan kaya mereka hidup dalam serba kemewahan dan taraf hidup mereka adalah jauh lebih tinggi dari sebahagian penduduk di negara-negara maju. Dengan perkataan lain, di NSM pun terdapat jurang perbezaan yang luas antara sebilangan kecil penduduknya yang kaya raya dengan sebahagian besar penduduknya yang miskin. Keadaan yang serupa juga wujud di negara-negara maju.

Sekiranya kita mengkaji keadaan ekonomi negara kita hari ini, kita juga akan mendapati bahawa jurang di antara golongan kaya dan golongan miskin masih lagi luas. Masalah kemiskinan masih merupakan satu masalah yang dihadapi oleh sebahagian besar rakyat negeri ini. Mengikut buku *Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-80*, pada tahun 1970, 49.3% daripada semua isirumah di negara kita masih berada dalam ke miskinan. Kebanyakan keluarga miskin ini terdapat di kawasan desa dan bergiat dalam bidang pertanian.

Keadaan ketidak-setaraan ini memang tidak boleh dibiarkan berterusan kerana sekiranya masalah-masalah ini tidak dapat diatasi, keadaan ketidakstabilan masyarakat mungkin akan ditimbul. Oleh yang demikian, pengajaran ilmu ekonomi kepada pelajar-pelajar di NSM, seperti Malaysia, haruslah bertujuan:

a. mengetahui apakah isu-isu utama yang dihadapi oleh ekonomi negara mereka khususnya dan ekonomi dunia amnya, dan
b. memperolehi cara-cara penganalisaan yang dapat digunakan untuk memahami isu-isu tersebut.

Hanya apabila kedua-dua matlamat ini tercapai barulah para pelajar boleh menggunakan ilmu ekonomi untuk memikirkan cara-cara yang sesuai untuk mengatasi masalah kemunduran dan ketidak-adilan ekonomi di negara masing-masing dengan cara yang lebih berkesan lagi.

## 1.2 Ringkasan Perkembangan Ilmu Ekonomi

Pencapaian matlamat-matlamat yang disebutkan di atas bukanlah satu perkara yang mudah. Ada beberapa masalah yang harus diatasi sebelum seseorang pelajar dapat mencapai matlamat tersebut. Sebagai permulaan, pelajar-pelajar ilmu ekonomi harus sedar bahawa terdapt banyak teori-teori ekonomi dan juga cadangan-cadangan untuk menyelesaikan sesuatu masalah ekonomi. Setiap ahli ekonomi yang mengutarakan sesuatu teori akan mendakwa bahawa teorinya adalah yang paling berguna dan sesuai. Oleh yang demikian, dari peringkat awal ini pelajar-pelajar haruslah mengenepikan anggapan bahawa hanya terdapat satu aliran teori ekonomi sahaja dan apa yang harus dilakukan ialah menghafalkan teori-teori tersebut. Anggapan dan amalan ini adalah salah.

Kebanyakan buku-buku ekonomi lazimnya mentakrifkan ilmu ekonomi sebagai satu pengkajian tentang cara bagaimana manusia memilih sumber-sumber yang terhad untuk memenuhi kehendak mereka yang tidak terhad. Takrifan ini adalah satu takrifan yang amat umum dan memang boleh diterima. Tetapi dalam sejarah perkembangan ilmu ekonomi sebagai satu bidang ilmiah, tumpuan pengkajian ilmu ekonomi sebenarnya telah berubah dari zaman ke zaman. Setengah pihak malah menggaitkan perubahan-perubahan dalam tumpuan pengkajiannya itu kepada perkembangan dalam masyarakat yang dikaji. Ini telah dinyatakan oleh seorang ahli ekonomi, Profesor Maurice Dobb, dengan jelas seperti berikut:

> "..... sejarah ekonomi politik dari mula lagi telah menunjukkan dengan jelas bagaimana rapatnya hubungan antara pembentukan teori ekonomi dengan pembentukan dan penyokongan dasar-dasar (ekonomi)."

Oskar Lange, seorang profesor ekonomi Poland, telah menulis tentang sejarah perkembangan makna ilmu ekonomi dalam bukunya *Ekonomi Politik.* Menurutnya, dari zaman lampau lagi, ahli falsafar seperti Aristotle dan Xenophon telahpun menganalisa masalah yang berkaitan dengan ekonomi. Aristotle, sebagai contoh, telah menggunakan istillah "ekonomi" untuk merujuk kepada sains yang mengkaji hukum pengurusan ekonomi rumah-tangga. Pada tahun



1615, seorang penulis Perancis A. Montcheretien, telah menerbitkan sebuah buku yang memperkenalkan istillah "ekonomi politik", yang ditakrifnya sebagai satu bidang kajian tentang peranan ekonomi yang dimainkan oleh pemerintah. Kemudiannya. istilah tersebut telah digunakan di Perancis dan di England untuk merujuk kepada pengkajian mengenai pengurusan kesemua urusan ekonomi dalam sesebuah negara.

Menurut Lange lagi, ilmu ekonomi telah berkembang sebagai satu bidang sains dengan pesatnya dalam zaman perkembangan sistem kapitalis, terutamanya di England. Dua nama ahli ekonomi yang terkenal pada masa itu ialah Adam Smith dan David Ricardo. Kedua-dua mereka ini telah dikatakan sebagai pengasas *ekonomi klasik* (classical economics). Dalam bukunya, *An Inquiry into the Nature and Causes of the Wealth of Nations(1776)*, Adam Smith telah menjelaskan bahawa sistem pasaran bebas merupakan sistem yang terbaik untuk memperkayakan sesebuah negara. Oleh itu, sebarang peraturan yang dikenakan oleh kerajaan serta gabungan-gabungan orang sekerja yang wujud pada masa itu telah dianggap oleh Adam Smith sebagai halangan kepada pertumbuhan ekonomi.

Dalam bukunya yang berjudul, *Principles of Political Economy and Taxation* (1817), David Ricardo telah menjelaskan apa yang dianggapnya sebagai bidang kajian ilmu ekonomi. Menurutnya, ilmu ekonomi haruslah merupakan satu bidang pengkajian tentang hukum-hukum yang menentukan pembahagian kekayaan dalam sesebuah negara kepada berbagai lapisan (kelas) dalam masyarakat berkenaan.

Perkembangan sistem kapitalis di England dan beberapa negara lain di Eropah telah memperkayakan golongan pemodal manakala rakyat golongan pekerja hidup dalam kemiskinan. Keadaan ini telah mendorong ramai pengkaji menjalan kajian mengenai perjalanan sistem kapitalis dalam usaha mereka untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah-masalah yang ditimbulkan oleh sistem itu. Antara pengkaji-pengkaji itu ialah Karl Marx. Beliau telah menumpukan kajiannya kepada hukum-hukum asas yang mempengarohi perkembangan sistem kapitalis. Di samping tumpuan utamanya ini, beliau juga telah mengkaji hukum-hukum yang mempengarohi perkembangan masyarakat pra-kapitalis, seperti masyarakat feudal dan masyarakat hamba abdi. Walaupun ramai ahli ekonomi yang tidak bersetuju dengan penganalisaan Marx, tetapi mereka terpaksa mengakui bahawa penulisannya telah mempelopori satu aliran baru dalam bidang ekonomi, yang mempunyai andaian-andaian, alat-alat penganalisaan dan bidang tumpuannya tersendiri.




Pengasas beberapa Aliran Dalam Ilmu Ekonomi.

Dalam tahun-tahun 1870'an pula, satu lagi aliran baru dalam ilmu ekonomi telah berkembang di Eropah dengan dipelopori oleh ahli-ahli ekonomi seperti W.S. Jevons dan Alfred Marshall. Tumpuan utama kajian mereka telah menyimpang jauh dari apa yang dikaji oleh ahli-ahli ekonomi klasik dan ahli-ahli ekonomi yang mengikut tradisi Marx. Mereka tidak lagi menumpukan kajian mereka kepada soal hubungan sosial dalam masyarakat – seperti dilakukan oleh golongan Klasik dan Marxis; sebaliknya, mereka telah menumpukan kajian mereka kepada perasaan subjektif manusia terhadap barang-barang yang mereka gunakan. Aliran yang dibawa oleh Alfred Marshall ini telah diberi nama aliran neo-klasik (neo-classical economics). Dari masa pembentukannya sehingga kini, aliran ini telah berjaya mengwujudkan satu kumpulan teori dan alat penganalisaan yang lengkap dan kompleks. Walaupun begitu, setengah pihak telah mengkritik aliran ini sebagai memenuhi keperluan sistem kapitalis dengan mengubah tumpuan pengkajian ilmu ekonomi.

Pada masa kini, ilmu ekonomi yang diajar kepada pelajar-pelajar ekonomi di kebanyakan NSM, termasuk Malaysia, adalah ekonomi neo-klassik dan teori-teori yang diutarakan oleh Keynes dalam tahun-tahun 1930an.

Oleh yang demikian, siri ekonomi ini, yang di tulis untuk menuhi keperluan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus ekonomi di peringkat STPM, terpaksa membataskan isi kandungannya kepada teori-teori tersebut: pelajar-pelajar yang mengikuti siri ini harus menyedari hakikat ini. Sejauh mana teori-teori dari aliran tersebut dapat membantu pelajar-pelajar mencapai matlamat-matlamat yang disebut di awal perbincangan ini, bolehlah dipertimbangkan sendiri oleh para pelajar setelah mengikuti kursus ini nanti.

### 1.3 Masalah Ekonomi

Sebagai permulaan siri ini, kita akan membincang perkara-perkara yang dianggap sebagai masalah asas dalam sebuah ekonomi. Menurut teori yang telah diutarakan, masalah asas yang harus diselesaikan dalam sesebuah ekonomi adalah seperti berikut:

a. *Apa yang harus dikeluarkan.* Masalah ini bukan sahaja melibatkan persoalan apakah barangan yang harus dikeluarkan tetapi juga berapa banyak yang harus dikeluarkan. Sesebuah ekonomi itu terpaksa menentukan kehendak-kehendak manakah yang harus dipenuhi dahulu dan kehendak mana pula yang tidak harus dipenuhi pada ketika itu. Selepas itu, ekonomi itu harus pula menentukan kuantiti barangan yang telah dipersetujui untuk dikeluarkan. Secara ringkas, masalah ini melibatkan persoalan bagaimana sumber ekonomi yang terhad itu berbanding dengan kehendak manusia diperuntukkan kepada kegunaan.

b. *Bagaimana hendak mengeluarkan.* Masalah ini juga melibatkan dua persoalan, iaitu (i) apakah kombinasi sumber ekonomi yang harus digunakan dalam mengeluarkan satu barangan dan (ii) teknik pengeluaran manakah yang harus digunakan. Selalunya terdapat beberapa cara bagaimana satu barangan dapat dikeluarkan. Oleh kerana sumber ekonomi terhad, sesebuah ekonomi itu haruslah memilih satu cara pengeluaran yang mempunyai kefisenan teknik dan keefisenan ekonomi.

c. *Untuk siapa barangan itu dikeluarkan.* Setelah barangan dikeluarkan, masalah seterusnya ialah bagaimanakah barangan itu harus diagehkan kepada anggota-anggota dalam masyarakat itu. Selalunya, corak agehan barangan bergantung kepada corak agehan pendapatan. Mereka yang berpendapatan tinggi boleh memperolehi barangan yang lebih jika dibandingkan dengan mereka yang berpendapatan rendah. Oleh itu, masalah asas yang ketiga ini akan berkisar kepada persoalan: Bagaimanakah pendapatan sebuah negara itu diagehkan kepada anggota-anggotanya.

d. *Adakah semua sumber pengeluaran digunakan dengan sepenuhnya.* Memandangkan sumber ekonomi adalah terhad, masalah ini mungkin dianggap ganjil. Walaubagaimanapun, satu perkara yang menjadi perkara biasa di kebanyakan negara ialah hakikat bahwa sebahagian daripada sumber ekonomi masih lagi tidak digunakan dengan sepenuhnya. Satu contoh yang jelas ialah masalah pengangguran di mana tenaga buruh yang ingin bekerja tetapi tidak dapat pekerjaan. Keadaan ini merupakan satu pembaziran sumber ekonomi dan mesti diatasi.

e. *Bagaimana mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi.* Untuk memperbaiki keadaan hidup penduduk-penduduknya sesebuah ekonomi itu haruslah menambahkan lagi pengeluarannya. Proses di mana sesebuah ekonomi meningkatkan keluarannya dari semasa kesemasa dipanggil pertumbuhan ekonomi. Kadar pertumbuhan ekonomi sesebuah negara itu mungkin meningkat, malar atau berkurangan. Misalnya, masalah yang dihadapi oleh negara-negara sedang membangun seperti negara kita ialah bagaimanakah caranya untuk meningkatkan lagi kadar pertumbuhan ekonomi mereka untuk menampung jumlah penduduk yang kian bertambah dan juga meninggikan lagi taraf hidup rakyatnya.

### 1.4 Sistem Ekonomi

Setelah membentangkan masalah asas dalam ekonomi, persoalan selanjutnya ialah bagaimanakah masalah-masalah ini dapat diatasi?

Cara sesebuah negara mengatasi masalah-masalah asas dalam ekonominya bergantung besar kepada sistem ekonomi yang diamalkan di negara tersebut. Seterusnya, sistem ekonomi dalam sesebuah negara itu pula bergantung pula kepada corak politik yang wujud di negara itu. Walaupun ahli-ahli ekonomi boleh membuat berbagai

saranan untuk mengatasi berbagai masalah ekonomi, namun keputusan muktamad mengenai sesuatu dasar akan bergantung kepada pemimpin-pemimpin politik yang memegang teraju pemerintahan. Oleh kerana itu, cara bagaimana masalah-masalah asas itu diatasi, pada praktiknya, bergantung kepada corak politik di sesebuah negara.

Apakah sistem-sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara-negara di dunia hari ini? Walaupun terdapat berbagai ragam sistem ekonomi, tetapi pada asasnya ahli-ahli ekonomi mengenalpasti dua sistem ekonomi yang utama iaitu:

a. sistem ekonomi kapitalis atau sistem pasaran bebas, dan
b. sistem ekonomi sosialis atau sistem perancangan pusat.

Kedua-dua sistem ini mempunyai cara yang berlainan untuk menagatasi masalah-masalah asas ekonomi yang dibentangkan di atas. Perbezaan di antara kedua sistem ini akan dapat kita lihat apabila kita membincangkannya dengan lebih terperinci lagi.

### 1.4.1 Sistem Kapitalis

Dalam ekonomi yang mengamal sistem ini, hampir kesemua alat-alat pengeluaran seperti kilang, lombong, ladang, bank, gedung perniagaan dan lain-lain dimiliki secara persendirian oleh orang-orang perseorangan atau firma-firma. Tiap-tiap individu dalam ekonomi ini adalah bebas mengumpul dan memiliki seberapa banyak harta yang mereka mampu. Individu-individu yang berharta (terutama kaum pemodal) juga bebas menggunakan kekayaan mereka untuk mengeluarkan barang-barang yang boleh menghasilkan keuntungan maksimum. Untuk mencapai objektif utama ini mereka akan mengeluarkan barangan yang dikehendaki oleh pengguna-pengguna. Dengan itu, dalam sistem ekonomi ini penentuan tentang apa yang harus dikeluarkan, berapa banyak yang harus dikeluarkan dan bagaimana harus dikeluarkan akan ditentukan oleh kehendak-kehendak pengguna. Itu sebabnya kadang-kala pengguna-pengguna dianggap sebagai 'raja' dalam sistem ini. Tetapi ada satu perkara yang harus dijelaskan di sini. Jumlah barangan yang dapat dibeli dan dinikmati oleh seseorang individu itu bergantung kepada pendapatannya. Jika pendapatannya besar, banyaklah barangan yang diperolehinya. Begitu juga sebaliknya, jika pendapatannya kecil, sedikit pula barangan yang dinaikmatinya. Oleh sebab itu, merel yang berhartalah yang akan merupakan kuasa utama untuk menentukan apa dan berapa banyak yang harus dikeluarkan.

Walau bagaimanapun, satu perkara adalah jelas dalam ekonomi yang mengamalkan sistem ini. Penentuan mengenai masalah apa, berapa banyak dan bagaimana hendak dikeluarkan akan ditentukan secara bersendirian dan tidak diselaraskan oleh satu-satu badan tertentu. Tetapi, bagaimanakah keputusan berjuta, malahan beratus juta, manusia itu dapat diselaraskan sehingga tercapai penyelesaian ke atas masalah-masalah asas dalam ekonomi itu? Ini tercapai melalui interaksi di antara individu-individu tersebut di pasaran melalui mekanisma harga. Apa yang dimaksudkan dengan mekanisma harga ialah satu proses di mana harga barangan (dan juga kuantitinya) ditentukan oleh interaksi di antara kuasa permintaan pembeli dengan kuasa penawaran pengeluar. Selalunya, apabila harga meningkat, pembeli-pembeli akan mengurangkan permintaan mereka manakala penjual pula akan meninggikan penawarannya. Sebaliknya, apabila harga jatuh pembeli akan meningkatkan permintaannya dan penjual mengurangkan penawarannya. Hasil dari interaksi-interaksi ini satu keseimbangan di antara permintaan dan penawaran akan tercapai. Hampir kesemua harga barangan (dan kuantitinya) dalam sistem ekonomi kapitalis ditentukan dengan mekanisma harga di pasaran. Oleh kerana itu, kadangkala ekonomi kapitalis dipanggil ekonomi pasaran bebas.

### 1.4.2 Sistem sosialis

Di dalam negara yang mengamalkan sistem ekonomi sosialis, sumber ekonomi dimiliki bersama secara kolektif oleh penduduk-penduduk negara itu melalui Kerajaannya. Individu tidak dibenarkan memiliki sumber ekonomi secara persendirian. Mereka hanya dibenarkan memiliki rumah, perabot rumah dan barang-barang pengguna yang lain. Penentuan berkenaan dengan apa, banyak mana dan bagaimana dan untuk siapa harus dikeluarkan dibuat oleh pihak Kerajaan melalui satu badan perancangan pusat. Penentuan ini akan dibuat berasaskan kepada kepentingan keseluruhan anggota masyarakat tersebut.

### 1.4.3 Sistem ekonomi campuran

Sebenarnya, sistem kapitalis seperti yang disebut di atas tidak lagi wujud pada masa kini. Apa yang terdapat ialah satu sistem ekonomi yang merupakan campuran di antara ciri-ciri sistem ekonomi pasaran bebas dan ciri-ciri tertentu sistem ekonomi perancangan pusat. Sistem ekonomi yang sedemikian rupa kadangkala dikenali dengan nama sistem ekonomi campuran. Sistem ekonomi ini masih lagi mengamalkan, pada dasarnya, sistem ekonomi kapitalis. Tetapi, oleh kerana pihak pemerintah terpaksa mengakui keburukan dan kelemahan sistem ekonomi kapitalis (seperti pembaziran sumber ekonomi ketidak-seimbangan dalam agihan pendapatan negara, ketidak-stabilan ekonomi negara dsb.), perjalanan sistem ekonomi itu tidak dibiarkan begitu sahaja. Sebaliknya, pihak pemerintah mengawasi perkembangan ekonomi negara supaya kepentingan golongan tertentu dapat dipelihara dan gejala-gejala yang tidak sihat itu dapat dikurangkan. Di setengah-setengah negara, untuk mencapai objektif-objektif ini, pihak Kerajaan negara tersebut telah mengambil langkah untuk mengurangkan perbezaan agehan pendapatan di antara golongan yang berada dengan golongan yang tidak berada melalui sistem percukaian, mengambil alih perusahaan yang melibatkan kebajikan sebilangan besar rakyat .seperti perusahaan keretapi,

elektrik, dan lain-lain dan juga meluluskan berbagai akta untuk mengawal kegiatan-kegiatan firma-firma persendirian.

### 1.5 Ringkasan

Di dalam siri satu ini, kita telah memulakan perbincangan dengan mengutarakan matlamat-matlamat utama dalam pengajian ilmu ekonomi. Ini telah diikuti pula dengan tinjauan ringkas mengenai sejarah perkembangan ilmu ekonomi dan mendapati bahawa aliran utama yang diajarkan kepada pelajar di negara ini ialah aliran neo-klassik dan tiori Keynes. Selepas itu, perbincangan kita tertumpu kepada soal masalah asas dalam ekonomi serta sistem-sistem ekonomi. ●

---

## SOALAN-SOALAN PERBINCANGAN

### A. Bahan bahan untuk perbincangan

1. a. Apakah ekonomi pasaran mengikuti fahaman anda?
   b. Sejauh manakah negara anda merupakan ekonomi pasaran?

(Kertas 2, Sijil Tinggi Pelajaran 1976)

2. Bincangkan secara kritikal ciri-ciri utama sistem pasaran bebas.
Sejauh manakah keburukan dan kelemahannya dapat diatasi oleh sistem ekonomi perancangan pusat?

3. Apakah masalah masalah utama yang dihadapi oleh sesebuah ekonomi? Bagaimanakah sistem ekonomi pasaran mengatasi masalah-masalah ini?

### B. Soalan-soalan objektif

Pilih satu jawapan yang paling sesuai sekali

1. *Apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan bahwa tiap-tiap ekonomi, samada ekonomi pasaran bebas ataupun ekonomi perancangan pusat, menghadapi masalah asas yang utama iaitu kekurangan?*
a. Sumber pengeluaran yang kurang untuk memenuhi kesemua permintaan dalam satu masyarakat.
b. Apabila sesebuah ekonomi itu membangun, barangan yang dulunya kekurangan akan bertambah banyak dan kehidupan penduduknya akan bertambah baik pada keseluruhannya.
c. Apabila pekerjaan tidak dapat diwujudkan, banyak pekerja-pekerja terutama mereka yang tidak mahir akan menjadi lebih miskin.
d. Tiap-tiap ekonomi memperuntukkan terlalu banyak sumber ekonomi untuk penggunaan swasta dan terlalu sedikit sumber untuk penggunaan awam.

2. *Sumber-sumber ekonomi dikatakan kekurangan kerana*
a. Sumber-sumber ini adalah terlalu penting dalam memenuhi kehendak-kehendak masyarakat.
b. Sumber-sumber ini tidak boleh ditambah dengan begitu mudah.
c. Sumber-sumber ini tidak boleh memenuhi kesemua pesanan ke atasnya.
d. Sumber-sumber ini tidak boleh memenuhi kesemua kehendak ke atasnya.

3. *"Oleh kerana kekurangan sumber-sumber ekonomi, adalah penting bagi tiap-tiap ekonomi berekonomi". Dalam kontek ini, apakah yang harus dibuat?*
a. Pengguna harus meninggikan tabungan mereka dan Kerajaan harus mengurangkan perbelanjaan untuk barangan.
b. Kerajaan harus mengurangkan perbelanjaan untuk barangan dan pengeluaran barang-barang mewah harus dikurangkan.
c. Pengguna harus meninggikan tabungan mereka dan pengeluaran barang-barang mewah dikurangkan.
d. Mengeluarkan satu gabungan barangan yang dapat memberi kepuasan yang paling maksima yang mungkin.

4. *Dalam sistem pasaran bebas, mekanisma harga mengagehkan barang dengan berpendukan kepada:*
a. kos
b. nilai jualan
c. pendapatan
d. kehendak.

5. *Dalam sistem pasaran bebas, pengeluaran ditentukan oleh kehendak-kehendak*
a. pengguna
b. Kerajaan
c. pengeluar
d. ketiga-tiga

6. *Berikut adalah beberapa sifat manusia.*
i. kehendak manusia tiada terbatas
ii. keupayaan boleh digunakan dalam berbagai cara
iii. kehendak berubah-berubah kepentingannya
iv. keupayaan yang ada untuk memenuhi kehendak tersebut adalah terbatas

Gabungan manakah dari sifat-sifat manusia ini yang boleh menimbulkan masalah ekonomi?
a. i dan iv sahaja
b. i, ii dan iii sahaja
c. i, ii dan iv sahaja
d. i dan ii sahaja
e. kesemuanya

7. *Di antara kenyataan-kenyataan di bawah ini, yang mana satukah yang merupakan masalah asas ekonomi.*
a. Memilih di antara pergi ke pesta atau berkerja lebih masa.
b. Menentukan paras penabungan firma perniagaan.
c. Memilih samada sekeping tanah itu harus ditanam dengan pisang atau nenas.
d. Menentukan paras tabungan perseorangan.

8. *Dalam sistem ekonomi pasaran bebas, masalah apa yang harus dikeluarkan bergantung kepada*
a. Arahan dari Kerajaan.
b. Corak perbelanjaan pengguna.
c. Pengguna mengiklankan kehendak mereka.
d. Pengguna mengeluarkan apa yang dikehendakinya.

*Jawapan ada di m.s. 42*

# MACLI-ING: KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN

## — Kisah benar dari Filipina —

Ia menentang pembinaan empangan-empangan kerana sawah bendang serta kampung halaman kaumnya akan ditenggelami air. Kebudayaan mereka juga akan musnah. Ia akan bertekad dengan pendiriannya walaupun berhadapan dengan pihak tentera ataupun pihak kerjaan. Ia sanggup mengorbankan masa sehari suntuk untuk menyelesaikan pertelingkahan anak buahnya. Ia tetap patuh pada janji-janjinya dan selalu mengutamakan kepentingan rakyatnya dari kepentingannya sendiri.

Demikianlah kata orang-orang tua dari kampung-kampung orang asli Igorot di Filipina tentang bekas pemimpin mereka bernama Macli-ing Dulag yang menentang Projek Empangan Chico yang akan membinasakan orang-orang nya.

Bagi Macli-ing, empangan-empangan hidro hanya akan memusnahkan kehidupan tradisi mereka dan seterusnya bangsa mereka. Sebaliknya ia akan memberi kekayaan kepada peniaga-peniaga tempatan dan asing kerana merekalah yang akan memperolehi keuntungan yang lebih daripada projek tersebut. Jadi Macli-ing menganggap perjuangan menentang Empangan Chico sebagai satu perjuangan yang amat perlu bagi nasib bangsanya. Oleh kerena prinsip-prinsipnya ini, Macli-ing diganggu oleh pihak tentera dan ditahan. Ini berlaku setelah percubaan-percubaan untuk memberi rasuah kepadanya gagal. Akan tetapi tekanan-tekanan ini tidak dapat menghalang Macli-ing dari menegaskan penentangannya dalam rundingan-rundingan dengan pegawai-pegawai kerajaan.

Pendiriannya yang teguh telah mengakibatkan kematiannya. Pada waktu malam 24hb April 1980, Macli-ing telah dibunuh dihadapan rumahnya oleh satu pasukan komando. Sekumpulan lelaki bersenjata yang berpakaian seragam telah menembak Macli-ing dengan senapang M16 dan *Browning.*

**Bagaimanakah manusia boleh memiliki tanah sebab kita akan mati? Tanah yang memiliki manusia sebab hanya ia yang akan kekal! Hanya bangsa sahaja yang boleh mempunyai *tanah* kerana bangsa akan hidup selama-lamanya. Mendapatkan tanah adalah hak cipta setiap manusia.**



*Macli-ing Dulag*

Macli-ing hidup dengan menentang penindasan. Semasa Perang Dunia Kedua, ia telah membantu tentera gerila yang menentang Jepun. Ketika itu beliau berumur antara 22-24 tahun.

Pada tahun 1966, Macli-ing telah bekerja sebagai pekerja jalanraya dan telah dilantik sebagai Ketua Kampung Buguay. Penduduk-penduduk Buguay berkata: "Dalam



*Macli-ing berucap kepada para pengikutnya*

dapati bahawa perancang-perancang kerajaan tidak menunaikan sebarang janji-janji mereka kepada orang-orang yang dipindahkan itu.

Oleh kerana tidak dapat mengawal keadaan lagi, Presiden Marcos terpaksa mengeluarkan NAPOCOR dari kawasan Kalinga dan memasukkan PANAMIN (Badan Penasihat Presiden Mengenai Kaum Minoriti Filipina).

**"Kematian Macli-ing telah menaikkan semangat kami untuk menghentikan pembinaan empangan-empangan. Kematian Macli-ing akan menguatkan lagi semangat untuk menyatukan orang-orang Kalinga."**

tahun 1966, kami perlukan seorang pemimpin yang mulia dan kami telah memilih Macli-ing". Mereka telah memilih dengan tepat sekali. Macli-ing telah dilantik sebagai Ketua Kampung untuk dua kali lagi.

Macli-ing telah menentang Projek Empangan Chico sejak tahun 1974, tahun di mana NAPOCOR (Perabadanan Tenaga Kebangsaan Filipina) telah menghantar rombonganrombongan penyelidiknya. Macli-ing sedar bahawa usaha penentangannya bukan sahaja memerlukan perpaduan di kalangan penduduk-penduduk yang terjejas oleh projek itu tetapi juga dikalangan golongan lain dalam masyarakat Filipina.

Oleh kerana itu, beliau telah cuba menubuhkan satu pakatan untuk menentang pembinaan empangan itu. Akhirnya, Macli-ing, bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin Kalinga yang lain, telah berjaya menubuhkan suatu pakatan yang tegas. Mesyuarat itu telah diadakan pada awal tahun 1975 di Kampung Taglag. Tetapi, perjuangan anti-empangan mereka hanya mendapat sokongan dalam Persidangan Vochong mengenai pembangunan, yang diadakan pada bulan Mei 1975 di Quezon City. Dalam pertemuan ini, Macli-ing merupakan orang yang terpenting. Beliau mengetuai rombongan Kelinga dan menjadi jurucakap mereka.

Selanjutnya, mesyuarat yang berlangsung di Buguay pada bulan Disember 1978 adalah detik penting dalam perjuangan mereka kerana ia telah menarik seramai 2,000 orang Kalinga serta kaum Bontoc dan dalam mesyuarat ini juga Macli-ing telah dilantik sebagai jurucakap rasmi bagi golongan pembangkang.

Dalam usaha mempertahankan tanah-tanah mereka, Macli-ing mula sedar bahawa keadaan itu merupakan sebahagian dari penindasan di negara itu dan perjuangannya akan mempengaruhi sebahagian besar penduduk-penduduk di lembah itu. Ia memperolehi maklumat ini setelah berbincang dengan keluarga-keluarga yang telah berpindah akibat projek-projek empangan yang lain dan juga pemindahan yang berlaku akibat dari projek-projek pembangunan, terutama di Manila dan Baguio. Di samping itu, Macli-ing terus mendapat sokongan dari persatuan-persatuan tempatan dan persatuan-persatuan antarabangsa.

Macli-ing juga telah melawat mangsa-mangsa dari yang dipindah dari tapak yang digunakan untuk pembinaan empangan Ambuklao dan Binga di Benguet. Ia men-

Pada 1975, Setiausaha PANAMIN, Manuel Elizalde, telah memanggil pemimpin-pemimpin pihak pembangkang termasuk Macli-ing untuk menghadiri satu mesyuarat. Semasa perbincangan, agen-agen PANAMIN mengedarkan satu sampul surat yang mengandungi wang rasuah. Macli-ing menjawab bahawa ia tidak ada apa-apa untuk dijual.

Pada satu masa yang lain pula, PANAMIN telah menawarkan kepada Macli-ing jawatan penyelaras di Kawasan Pembangunan Khas Kalinga dengan pendapatan sebanyak 1,000 peso sebulan. Sebenarnya, namanya telah dicatit dalam daftar gaji dan Macli-ing hanya perlu untuk memohon jawatan itu. Beliau menjawab bahawa ia tidak mahu menerima jawatan yang tidak mempunyai sebarang kuasa.

Pada bulan April, 1977, Macli-ing bersama-sama 16 orang penduduk Buguay telah ditahan selama dua bulan dalam penjara. Sebelum ini, seramai 130 orang Kalinga telah ditahan atas berbagai tuduhan termasuk tuduhan menganggu projek-projek kerajaan. Setengah dari mereka yang ditahan mengatakan bahawa mereka telah disiksa dan tidak diberi makanan serta sering disogok dengan propagonda kerajaan.

Tanpa menghiraukan penye-

rangan pihak tentera, Macli-ing telah mempengerusikan satu mesyuarat pada bulan Disember 1978. Dalam perjuangan itu, beliau telah berkata: "kita di Bugnay telah biasa dengan penderitaan. Meskipun ada orang dari kampung kita yang telah mati, tetapi ini tidak akan menggugat semangat kita untuk hidup."

Dalam satu perbincangan dengan NAPOCOR, Macli-ing telah menegaskan bahawa: "Jika anda (NAPOCOR) memusnahkan peluang kami untuk mencari kehidupan yang lebih baik, kami akan menentang. Mereka yang memerlukan kemudahan eletrik tidak menghiraukan kami yang akan dimusnahkan. Mungkinkah keperluan eletrik menjadi sebab bagi kematian kami? Cadangan anda untuk membina empangan-empangan di sepanjang sungai kami bermakna permusnahan harta-harta kami. Kami orang-orang Kalinga amat terkenal pada suatu masa dahulu kerana keamanan yang wujud dikalangan kami tetapi projek empangan anda telah membawa kesusahan kepada kami. Dengan ini kami merayu kepada anda agar batalkan empangan-empangan itu, kami tidak memerlukannya."

Tiga bulan selepas mesyuarat itu, Macli-ing telah terbunuh dirumahnya apabila tubuhnya ditembusi oleh sepuluh butir peluru. Pada masa yang sama, seorang pemimpin Kalinga yang lain yang bernama Pedro Dungok telah berjaya melepaskan diri semasa katilnya ditembusi oleh beberapa peluru.

Kematian Macli-ing telah menyalakan lagi bantahan terhadap pembinaan Empangan Chico. Penduduk-penduduk di kampung Buguay telah dengan sebulat suara berkata: "Kematian Macli-ing tidak bermakna bahawa penentangan kami akan lenyap. Jika kami tidak membantah, kami akan mati juga. Oleh itu, lebih baik kami membantah dan mati. Darah Macli-ing dan Pedro yang membasahi tanah kami merupakan satu pengorbanan bagi pihak orang-orang Kalinga. Ia memberi dorongan kepada kami untuk meneruskan perjuangan."

Penduduk-penduduk Ngibat pula berkata: "Kamatian Macli-ing telah menaikkan semangat kami untuk menghentikan pembinaan empangan-empangan. Kematian Macli-ing akan menguatkan lagi semangat untuk menyatukan orang-orang Kalinga."

Walaupun penduduk-penduduk Igorot telah kehilangan seorang pemimpin yang agung, tetapi usaha dan pengorbanannya tidak menjadi sia-sia.



*Pasokan Gerila Kaum Igorot mencadangkan serangan hendap.*

**"Apakah benda yang paling berharga kepada manusia? Nyawa! Jika nyawa mereka diancam, apakah yang harus manusia lakukan? Menentang!**

**Jika kita membantah, kita mati dengan kehormatan. Saya memohon kepada anda semua — menentanglah!"**

**Kata-kata Abdi Macli-ing**

"Apakah benda yang paling berharga kepada manusia? Nyawa! Jika nyawa mereka diancam, apakah yang harus manusia lakukan? Menentang! Ia mesti menentang dan jika ia tidak, ini adalah satu penghinaan dan ini adalah lebih hina dari kematian. Jika kita tidak menentang dan empangan-empangan dapat dibina, kita tentu akan mati. Jika kita membantah, kita mati dengan kehormatan. Saya memohon kepada anda semua — menentanglah!

Jika kita menentang sekrang, anak-anak kita mungkin dapat menyimpan tanah Kalinga ini. Tanah ini akan menjadi lebih suci bila ia disuburkan dengan peluh dan darah kita. Dan kita yang mengorbankan nyawa kita agar anak-anak kita dapat hidup bahagia dan selamat akan tetap bersama mereka hingga ke generasi-generasi akan datang sambil menjaga sawah-sawah serta kampung-kampung mereka.

Pegawai kerajaan sering bertanya sekiranya kami mempunyai tanah dan lalu mengejek kami dengan menyoal mana gerannya?. Bila kami bertanya apakah makna perkataan-perkataan anda, mereka menjawab 'mana surat-surat yang membuktikan bahawa kamu mempunyai tanah ini? Betapa angkuhnya sikap mereka! Bagaimanakah manusia boleh memiliki tanah sebab kita akan mati? Tanah yang memiliki manusia sebab hanya ia yang akan kekal! Hanya bangsa sahaja yang boleh mempunyai tanah kerana bangsa akan hidup selama-lamanya. Mendapatkan tanah adalah hak setiap manusia."

# RENTAP — SEORANG LANUN ATAU PEMBERONTAK SARAWAK?

Kepada orang-orang Sarawak, pernahkah anda mendengar tentang Rentap? Di mata orang-orang Barat, ia dianggap sebagai seorang lanun yang hidup dalam abad ke-19; tetapi, kepada kaum Iban, Rentap adalah seorang pemberontak yang terkemuka di Sarawak.

Rentap, seorang Iban, telah diberi kehormatan oleh beberapa kaum yang kecil kerana pertentangannya terhadap pegawai kerajaan penjajah. Dalam perjuangan anti-penjajahannya, Rentap telah membunuh ramai pegawai-pegawai penjajahan British yang cuba menangkapnya.

*Seorang Pahlawan Iban*



Apakah yang membuat Rentap menganggap pihak penjajah sebagai musuh utama dan menjadi seorang pemberontak?

